

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 24

Khamis

7 Disember 2006

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Penduduk dan Pembangunan Keluarga (Pindaan) 2006	(Halaman 29)
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2006	(Halaman 65)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 93)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 7 Disember 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Dewan Negara terharu dan ingin merakamkan penghargaan di atas kehadiran Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

1. **Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, bagaimanakah Skim Belia Tani dilihat sebagai satu langkah untuk meningkatkan penglibatan belia dalam industri pertanian dan asas tani dan apakah langkah-langkah yang dirancang oleh pihak kementerian untuk menambahkan penglibatan belia dalam industri ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Mulai tahun 2004, Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil inisiatif untuk memperkasa semula program Belia Tani dalam usaha untuk menggalakkan generasi belia supaya berminat dan terlibat dalam sektor pertanian. Justeru itu di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan Kementerian Belia dan Sukan telah diberi tanggungjawab untuk melahirkan seramai 1,000 orang usahawan dari kalangan belia dengan perolehan pendapatan sebanyak RM3,000 sebulan.

Untuk mencapai matlamat tersebut, langkah yang pertama dijalankan adalah bagi pembentukan kesedaran dan minat golongan belia dengan mengadakan bengkel peluang-peluang perniagaan bagi setiap negeri. Bengkel ini dijalankan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Melalui bengkel ini, golongan belia juga akan diberikan pendedahan dan pengetahuan mengenai peluang-peluang dalam sektor pertanian yang boleh diteroka oleh mereka sebagai kerja. Dari tahun 2004 hingga 2006 seramai 3,225 orang belia telah mengikuti bengkel tersebut.

Langkah seterusnya, Kementerian Belia dan Sukan mengadakan kursus-kursus teknikal pertanian komersial bagi memberikan pengetahuan teknikal kepada golongan belia. Antara kursus-kursus teknikal pertanian yang dijalankan adalah kursus fertigasi, kursus landskap; dan kursus pelabelan dan pembungkusan produk.

Dari tahun 2004 hingga 2006, seramai 305 orang belia telah mengikuti kursus teknikal tani tersebut. Selain dari itu, mulai tahun 2005, Kementerian Belia dan Sukan menyediakan peruntukan untuk memberikan insentif berupa input pertanian kepada golongan belia memulakan projek pertanian.

Dari tahun 2005 hingga 2006 seramai 189 orang golongan belia mendapat faedah dengan peruntukan sebanyak RM1,290,000. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan Negara juga terharu dan turut menghargai dan mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita lihat di negara-negara maju seperti Amerika dan lain-lain, walaupun industri IT dan lain-lain maju tetapi sektor pertanian pun telah difokuskan. Jadi, kalau kita hanya membeli barangan pertanian, *we are at the mercy* dengan, izin. Selain daripada insentif yang disebutkan oleh Yang Berhormat, adakah insentif untuk menggalakkan mereka melawat ke negara lain dan mereka akan belajar teknik-teknik yang diadakan di negara lain. Selepas mereka balik ke Malaysia mereka ada *interest*.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup jelas, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Jadi, adakah skim seperti itu untuk menggalakkan belia-belia melawat ke negara lain?

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Yang Berhormat. Mengenai lawatan ke luar negara, saya pasti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memang mengadakan lawatan tersebut. Tetapi dari segi Kementerian Belia dan Sukan kita menggalakkan program Belia Tani ini kerana ini adalah satu usaha menggalak dan menarik minat golongan muda menjadi generasi pelapis dan apa yang diberikan oleh Kementerian Belia dan Sukan adalah kursus-kursus mengenai pertanian dan cara-cara memberi generasi muda pendapatan melalui sektor pertanian. Pada tahun ini, kita juga memberi skim pinjaman dengan kerjasama Bank Pertanian Malaysia.

2. **Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah program-program yang dijalankan oleh pihak kementerian untuk menanamkan semangat jati diri di kalangan ibu-ibu tunggal untuk mengharungi cabaran menguruskan keluarga mereka terutamanya kepada ibu-ibu tunggal yang mempunyai ramai anak kerana payah bagi mereka untuk menguruskan keluarga.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian amat menyedari akan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh ibu-ibu tunggal dalam menguruskan keluarga mereka terutama kepada ibu-ibu tunggal yang mempunyai ramai anak. Bagi membantu ibu-ibu tunggal ini, kementerian telah merangka program-program pembangunan kapasiti yang dilaksanakan melalui

jabatan dan agensi di bawah kementerian dan juga melalui kerjasama pintar dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan pihak swasta bagi memantapkan jati diri mereka.

Kaedah yang efektif bagi mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan jati diri mereka adalah melalui peningkatan upaya golongan ini menerusi latihan-latihan peningkatan kemahiran dan program-program kesedaran yang merupakan bekalan yang dapat dimanfaatkan sepanjang hayat.

Pada tahun 2005, sebanyak RM2,882,520 telah diagihkan kepada 86 buah NGO untuk menjalankan 135 program pembangunan kapasiti. Seramai 17,492 orang peserta termasuk ibu-ibu tunggal telah mendapat manfaat daripada pelbagai program dan aktiviti yang dianjurkan yang merangkumi latihan kemahiran dan program-program kesedaran untuk wanita dalam pelbagai bidang seperti keusahawanan, literasi undang-undang, teknologi maklumat dan komunikasi; jahitan dan kraf tangan.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan strategi yang digariskan dalam Pelan Strategi Ibu Tunggal, kementerian memberi penekanan terhadap pelaksanaan program-program pendidikan dan peningkatan kemahiran bagi golongan tersebut. Contohnya, melalui program terbaharu iaitu IQ atau Inisiatif Kemajuan Wanita yang dilaksanakan dengan kerjasama pihak swasta.

Selain daripada itu, pada tahun 2006, daripada Januari hingga November sebanyak 45 program keibubapaan dan kekeluargaan telah diluluskan akan dilaksanakan dengan kerjasama NGO. Program ini akan memberi manfaat kepada 6,130 orang peserta termasuklah ibu-ibu tunggal.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga turut menyediakan bantuan-bantuan yang boleh dipohon oleh ibu-ibu tunggal bagi meringankan beban mereka di dalam menguruskan keluarga, seperti bantuan kanak-kanak, bantuan am dan juga geran pelancaran. Permohonan untuk mendapatkan bantuan-bantuan ini boleh dibuat menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah dan Negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memaklumkan bahawa bagi tahun 2005 sahaja ibu-ibu tunggal dan tanggungan telah pun mendapat bantuan daripada Jabatan Masyarakat seperti berikut. Bantuan am yang diagihkan melalui kerajaan-kerajaan negeri seramai 20,405 orang telah mendapat bantuan di mana RM22,829,582 telah pun diagihkan. Bagi geran pelancaran kepada ibu-ibu tunggal, kementerian telah pun membelanjakan sebanyak RM207,185 untuk ibu-ibu tunggal untuk menjalankan perniagaan.

Bagi membantu anak-anak ibu tunggal Jabatan Kebajikan Masyarakat telah pun memberi bantuan untuk 37,211 anak-anak kepada ibu tunggal yang menelan belanja sebanyak RM22,576,520. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, keusahawanan adalah di antara perkara yang kita lakukan untuk ibu-ibu tunggal

untuk meningkatkan rezeki mereka dan beberapa negeri sudah pun mempunyai yayasan memberikan pembiayaan kepada mereka ini.

Pertamanya, apakah kaitan kementerian dengan yayasan-yayasan ini dan adakah kementerian berhajat ataupun bercadang untuk menyelaraskan proses, kriteria dan cara permohonan ini dilakukan kepada mereka yang memohon pembiayaan. Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Norraesah. Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator, kerana saya tengok dalam perjuangan Senator banyak membantu dalam bidang keusahawanan khususnya untuk wanita dan ibu tunggal.

Saya hendak memaklumkan bahawa setakat ini, yayasan-yayasan terutama di bawah naungan negeri-negeri tidak ada kaitan dengan kementerian. Cuma bila mereka memohon untuk peruntukan, jika mereka memenuhi semua kaedah yang telah pun ditetapkan oleh Perbendaharaan, pihak kementerian tidak teragak-agak untuk memberi peruntukan kepada mereka sebab kementerian tidak mempunyai kapasiti sendiri untuk menjalankan program-program ini. Sebab itu kalau ada program *smart partnership* dengan izin dengan mana-mana badan yayasan NGO ataupun kepakaran yang ada kita akan bersama-samalah sebagai satu *smart partnership* untuk menjalankan program kepada mereka. Tetapi setakat ini kita tidak ada rancangan untuk membawa mereka di bawah satu payung kerana mereka mempunyai *independent* yang sendiri.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, apakah perancangan selanjutnya atau pun jaminan kementerian kepada ibu-ibu tunggal yang telah pun dikursuskan, misalnya kursus kraf tangan ataupun asuhan kanak-kanak untuk mendapatkan pekerjaan.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjelaskan di sini bahawa sebenarnya kementerian seperti mana yang saya katakan kita di kementerian menjalankan kerja tiga cara. Sebab isu wanita ini, dengan izin, *cross cutting*, kita tidak mempunyai peruntukan, kita tidak mempunyai kuasa untuk menjalankan semua program untuk wanita. Jadi, di kementerian kita ada tiga cara bekerja:

- (i) kita melihat undang-undang, peraturan, polisi kerajaan supaya menentukan ia membawa manfaat kepada golongan sasaran kita termasuk wanita;
- (ii) kita membuat jaringan bijak, *smart partnership* dengan NGO's dan badan-badan bukan kerajaan, *civil society* untuk membuat program-program *advocacy* isu-isu yang ada kaitan dengan kumpulan sasar kementerian. Di sinilah kita ada dapat duit daripada Perbendaharaan tahun ini RM30 juta untuk diagihkan. Bersama-samalah kita turun ke

padang menjalankan program-program dan juga membawa isu-isu *advocacy* ke peringkat akar umbi; dan

- (iii) kementerian kita membangunkan sedikit sebanyak program di bawah naungan kementerian.

Jadi, seperti mana yang Yang Berhormat tanya tadi kita memberi program dan kita ada rangkaian dengan kementerian-kementerian yang berkaitan. Di sini kalau untuk mencari perniagaan, kita bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, di mana mereka mempunyai kepakaran dan membantu di dalam *marketing*, misal kata, produk-produk dan juga mencari pekerjaan. Tetapi melalui kementerian kita memang tidak ada kapasiti untuk menjalankannya. Terima kasih.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi cuma *addressnya* adalah untuk ibu tunggal dan juga wanita-wanita. Tetapi ibu-ibu tunggal ini menghadapi delima oleh kerana mereka ini tidak dikategorikan sebagai ibu tunggal dan untuk mendapatkan bantuan geran dan lain-lainnya menghadapi masalah. Adakah pihak kementerian menyediakan beberapa peruntukan untuk mereka ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, apa hal mereka yang gantung tidak bertali ini?

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, yang suaminya masuk Pusat Serenti dan penjara, mereka ini dikategorikan sebagai ibu tunggal dan untuk mereka ini tidak ada bantuan-bantuan yang dikhaskan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya agak Menteri faham.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya bila dengar Yang Berhormat semua tanya soalan ini, teringat kepada saya, apa dok jadi kepada kaum bapa kita. Betul atau tidak? Saya tidak nampak kenapa mereka, dengan izin, *abdicate*, daripada tugas dan tanggungjawab mereka. Sebenarnya kami di kementerian, amat sedih apabila kita mengendalikan kes-kes ibu tunggal. Sebab itu, soalan saya hendak tanya, hendak aju dengan hormatnya kepada kaum bapa yang terlibat. Ini bukan saya hendak merangkumi semua.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.... [*Menoleh kepada Yang Berhormat bagi Padang Rengas*] Dok jegil kepada saya daripada sana.... [*Ketawa*] Tetapi cuma saya hendak tanya macam mana perkara ini boleh berlaku. Kalau hendak ikut, Yang Berhormat, kita sebuah negara yang mempunyai agama, budaya, berhemah tinggi, sepatutnya kalau ada misal kata kes perceraian, kalau sudah bercerai pun, itu tidak bermakna bahawa mereka melepaskan tugas dan tanggungjawab.

Hari ini saya tengok terlalu banyak kes, selepas sahaja bercerai dia tanya apa kerajaan akan buat kepada isteri saya dan anak-anak saya. Kalau saya jadi suami macam itu saya rasa malu. Sebab apa?

Tuan Yang di-Pertua: Bagi kerajaan jadi suamilah.... *[Ketawa]*

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Nampak gaya begitu. Apa jadi ini? Bukan semua. Saya hendak kata sekali, bukan saya *addressing* kepada semua. Cuma siapa yang makan cili dia beresalah. Ini kerana kumpulan yang kecil ini mencemarkan nama baik lelaki dan jejak yang ada di negara kita ini. Golongan mereka besar tetapi golongan yang kecil ini betul-betul pada saya mencemarkan nama baik kaum bapa yang ada di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, pertanyaan tadi apa yang Yang Berhormat hendak buat? *[Ketawa]*

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Itulah saya pun sudah lepas geram, Yang Berhormat. Sebab apa, apabila hari-hari kami di kementerian, terutama Jabatan Kebajikan Masyarakat, di pejabat saya tiap-tiap hari ada ibu tunggal. Bawa anak mereka, tidak ada duit. Hendak beli susu pun, ini baru beranak, tidak lepas pantang sudah pergi kahwin lain. Cerita macam ini menjadi satu kes harian, Yang Berhormat. Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya hendak lepas geram.

Saya sudah lupa apa dia soalan.... *[Ketawa]* Jangan minta tanya lagi sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya, dalam kategori ibu tunggal sudah jelas. Itu Yang Berhormat sudah terangkan tetapi apa hal mereka yang dalam *gray area* ini.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat, sebenarnya kita di kementerian kita bantu semua, kita tidak ada sebenarnya hanya ibu tunggal cuma kategori ibu tunggal adalah kategori popular. Tetapi di kementerian kita bantu semua terutama untuk di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, kalau ada kes-kes, kita membantu. Ada kes-kes, ramai keluarga, di mana misal kata suaminya masuk penjara dan kes-kes itu dihadapkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita beri bantuan.

Sesiapa juga, di bawah kategori mana pun kalau dia cukup memenuhi kaedah-kaedah di bawah semua bantuan yang boleh diperolehi, di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, tidak menjadi masalah. Ibu tinggal ke, ibu tunggal ke, bapa tinggal ke, bapa tunggal ke, termasuklah. Kalau memerlukan bantuan....

Tuan Yang di-Pertua: Dalam pembangunan keluarga.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Dalam pembangunan keluarga, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi belia dalam pertanian, jati diri ibu tunggal. Kita beralih kepada satu lagi isu pokok.

3. **Tuan Gooi Hoe Hin** minta Perdana Menteri menyatakan apakah peranan Perlembagaan Persekutuan dalam mendukung serta mengukuhkan lagi perpaduan dan integrasi negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Rakan saya ini bukan ibu tunggal. Laju sahaja jawapannya.... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Persekutuan telah berjaya digubal atas sikap tolak ansur dan kerjasama yang ditunjukkan oleh ketiga-tiga kaum terbesar di negara ini sewaktu menuntut kemerdekaan. Sikap tolak ansur dan kerjasama tinggi ini telah diulangi lagi apabila Perlembagaan Persekutuan sekali lagi digubal pada tahun 1963 untuk menerima masuk Sabah, Sarawak dan Singapura pada ketika itu. Hasilnya Perlembagaan masa kini mengandungi artikel-artikel yang mengambil kira keperluan pelbagai kaum untuk hidup dengan aman dan damai dalam satu negara. Contohnya, walaupun agama Islam menjadi agama rasmi Persekutuan, penganut agama-agama lain adalah bebas mengamalkan agama masing-masing.

Kerajaan dalam menjalankan amanah mentadbir negara sentiasa menjadikan Perlembagaan Persekutuan sebagai panduan. Segala dasar yang digubal juga adalah berlandaskan kepada semangat perpaduan yang termaktub dalam Perlembagaan. Contohnya kerajaan telah memperkenalkan pelbagai dasar sosial ekonomi seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Negara, Dasar Wawasan Negara dan Dasar Sosial Negara untuk mengukuhkan integrasi nasional. Perpaduan dan integrasi nasional juga akan diperkukuhkan lagi apabila ia diperakui sebagai satu bidang utama yang diberi perhatian di bawah misi nasional.

Tuan Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang datang memberi jawapan yang begitu bernas dan bermakna. Soalan tambahan saya ialah memandangkan Perlembagaan Persekutuan merupakan tunjang utama negara, dengan izin, *supreme law of the country*, dan tambahan pula merupakan kontrak sosial bagi kaum-kaum. Maka, sama ada kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah Mahkamah Perlembagaan agar proses perundangan akan menjadi lebih berkesan serta bermakna.

Dan, sama ada bercadang supaya mata pelajaran Perlembagaan Persekutuan menjadi wajib bagi pelajar-pelajar agar generasi muda akan lebih memahami semangat dan jiwa negara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak berhajat untuk mewujudkan Mahkamah Perlembagaan untuk menjaga kepentingan rakyat dalam hal yang ada kaitan dengan undang-undang ini. Betullah disebut sebagai, *supreme law* tetapi akhir-akhir ini perkara yang mungkin berbangkit yang ada kaitan dengan Perlembagaan itu hanya segelintir sahaja jika dibandingkan dengan ribuan kes yang tidak ada langsung kaitan dengan Perlembagaan. Jadi, keadaannya bukanlah begitu menekan sehinggakan kita perlu mengadakan Mahkamah Perlembagaan.

Keduanya saya rasa cadangan Yang Berhormat itu adalah baik. Kita semua menghormati Perlembagaan tetapi kalau tanya kepada kita apa Perlembagaan, kita pun tidak tahu. Ramai juga, saya rasa di dalam Dewan ini, termasuk saya jugalah, tidak tahu semua. Jadi, saya kira adalah baik kalau sekiranya sebagai satu subjek yang diajar dengan serius di sekolah-sekolah kita.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun turut berpuas hati di atas keputusan saya. Tidak tahu macam mana saya putuskan, bagi satu senator daripada parti Gerakan, bagi satu senator daripada parti UMNO, bagi satu senator daripada parti MCA. Hah, sekarang Yang Berhormat bagi Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.... [Ketawa]

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Isu perpaduan dan integrasi negara adalah tunggak kestabilan negara. Soalan tambahan saya, kalau dilihat hari ini rata-rata masih isu-isu sensitif yang dibangkitkan oleh mereka yang sengaja tidak mahu menghayati atau memahami ataupun mereka yang tidak langsung memahami, apakah kerajaan bercadang sekarang untuk menggunakan media cetak atau media elektronik untuk menguar-uarkan, mendidik atau memberitahu tentang hikmah termaktubnya kontrak sosial dahulu, agar kalau hendak digunakan mata pelajaran di sekolah memakan waktu yang lama. Tetapi isu itu sekarang ini agak membara. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat agar tindakan serta-merta melalui media cetak, media elektronik perlu diuar-uarkan tentang isu-isu berkaitan agar semuanya memahami. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, elok lagi kalau bagi Yang Berhormat Senator bagi PAS bertanyakan soalan.... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita merasa amat begitu dukacita. Macam mana kita tahu semalam Yang Amat Berhormat telah pun merasmikan 50 Tahun Di Ambang Kemerdekaan. Setelah 50 tahun kita masih lagi dalam keadaan yang ramai menyatakan seperti dahulu balik. Tetapi sebenarnya kita jangan kecewa, kerana pertamanya kalau kita lihat daripada sejarah kita, kita hanya sebagai sebuah *nation*, negara 50 tahun.

Di bandingkan dengan negara China, di mana dia punya *civilization* nya 2,500 tahun. China pun bukan satu bangsa, mereka banyak bangsa tetapi orang di luar melihat mereka sebagai satu bangsa Cina. Begitu juga India, ia bukan satu bangsa. Kalau di India juga kita akan lihat bahawa banyak wilayah-wilayah ataupun *state* terdiri daripada bangsa-bangsa yang berbeza. Punjabi, Tamil, Malayalam, Karalla, semua mempunyai bahasa penulisan skrip sendiri. Dia bukannya satu bangsa. Tetapi kita lihat ia sebagai satu bangsa. Malaysia baru 50 tahun, jadi kita jangan cepat kecewa. Sebagai sebuah negara hidup di antara satu sama lain, baru 50 tahun dibandingkan dengan 2,500 tahun *civilization* China dan India.

Kemudian nombor dua, di negara Malaysia kita tidak mengamalkan sistem asimilasi, di mana kita mengenakan supaya semua yang bukan orang Melayu, kalau orang Melayu itu sebagai tuan rumah, bangsa terbesar di Malaysia, kita tidak mengamalkan asimilasi seperti yang mana berlaku di Thailand. Thailand yang Islam pun nama Siam. Indonesia, yang bukan Islam pun nama Indon. Di Filipina, yang bukan Kristian pun mesti mempunyai nama yang melambangkan Filipina.

Tetapi di Malaysia, Subramaniam tetap Subramaniam, Lee Kuan Yew, tetap Lee Kuan Yew. Jadi, kita tidak ada amalan asimilasi. Apa yang kita ada ialah integrasi, bermakna hidup

bersama dengan berbezaan budaya, bahasa. Sebab itu di Malaysia, kita ada sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak mengamalkan asimilasi.

Saya rasa kalau kita mengamalkan asimilasi, tidak adalah masalah ini. Semua akan merasakan dirinya sebagai Malaysia. Tetapi kita *unity diversity* dan kerajaan tidak akan *reverse* keputusan kita, kita akan terus dengan integrasi dan sudah tentulah kalau integrasi ini macam-macam masalah akan kita hadapi. Tetapi saya percaya tidak ada masalah yang tidak boleh diatasi oleh rakyat Malaysia yang berbilang agama, kaum dan fahaman ini, sebab saya percaya Malaysia boleh. Jangan kecewa, Yang Berhormat, kita mempunyai sistem yang unik untuk rakyat Malaysia di negara kita ini.... [*Tepuk*]

Tuan Lee Sing Chooi: Mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua.... [*Mengetuk pembesar suara*] Minta penjelasan!

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat tidak membolehkan saya memberikan Yang Berhormat ruang.

Sekarang saya hendak beri peluang kepada Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan seperti saya maklumkan dan saya pun sedang semak Peraturan Mesyuarat sama ada saya dibolehkan memberi peluang kepada seorang lagi iaitu Ahli PAS tetapi saya belum jumpa lagi kuasa yang berkenaan. Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, adakah kerajaan bercadang untuk menggalakkan semua parti politik mewajibkan ahli-ahlinya mempelajari dan mengamati peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan selain daripada pelajar-pelajar yang ada di bangku sekolah kerana saya perhatikan selalunya ahli politik yang tidak menghormati Perlembagaan Persekutuan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat apa benda pun kalau paksa ini tidak eloklah. Kalau kita menikah dan kahwin paksa pun tak elok. Saya rasa adalah lebih baik, mesti suka rela di atas kehendak diri kita sendiri memahami iaitu ada perlunya kita mesti memahami Perlembagaan. Apatah lagi kalau kita merupakan sebagai pemimpin parti politik.

Namun kalau ada di kalangan kita yang tidak menghormati Perlembagaan, melampaui batasan yang telah ditentukan oleh undang-undang. Kita mempunyai akta-akta yang kita boleh ambil tindakan terhadap orang-orang yang telah melampaui ini. Sebagai contoh, undang-undang ISA, *Sedition Act* atau Akta Hasutan. Ini semua saya bagi jaminan akan digunakan kalau sekiranya ada di kalangan..., apatah lagi ahli-ahli politik, patut dia menjadi contoh termasuk mereka sekalilah kalau mereka melampaui batas yang telah ditentukan, kita akan ambil tindakan untuk memastikan supaya keharmonian dan perpaduan bangsa di negara ini akan dapat dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, saya tidak jumpa langsung peraturan yang boleh beri saya helah buat tak tahu untuk beri satu lagi pertanyaan. Saya tak jumpa, saya minta maaf.

Walau bagaimanapun, memang ada pihak yang berkata *take care of the constitution and national unity will take care of itself*.

4. Tuan M. Munusamy minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, adakah kementerian mengeluarkan pas sementara bagi pelajar-pelajar luar negeri yang ingin bekerja secara sambilan pada cuti semester.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, warga asing yang ingin belajar dan melanjutkan pelajaran mereka di negara ini perlu memohon pas pelajar di Jabatan Imigresen Malaysia.

Pelajar antarabangsa yang memegang pas pelajar boleh memohon untuk bekerja sambilan. Di antara syarat-syarat yang dikenakan untuk membolehkan pelajar antarabangsa bekerja sambilan adalah seperti:

- (i) perlu mendapatkan kebenaran daripada IPT tersebut;
- (ii) dibenarkan bekerja sambilan hanya semasa cuti semester;
- (iii) tidak melebihi 20 jam seminggu; dan
- (iv) di tempat-tempat yang dibenarkan bekerja sambilan adalah seperti di restoran-restoran, stesen minyak, *market* dan hotel-hotel.

Pelajar-pelajar antarabangsa tidak dibenarkan bekerja sebagai juruwang dengan izin, *cashier*. Bagi membantu sektor pelancongan, pelajar antarabangsa juga dibenarkan menjadi jurubahasa kepada pelancong-pelancong dari negara-negara yang tidak fasih berbahasa Inggeris tetapi perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak IPT, Jabatan Imigresen Malaysia dan Kementerian Pelancongan. Selain daripada itu, kelulusan bekerja sambilan diberikan dengan bersyarat bahawa prestasi akademik pelajar tersebut tidak terjejas dan mengganggu pelajarannya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan M. Munusamy, kemudian Yang Berhormat Puan Siw Chun dan kemudian Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri untuk menjawab soalan ini. Semalam dalam satu soalan yang berkaitan, Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi telah menjawab bahawa hanya 43 orang pelajar telah memohon untuk pas kerja pada tahun 2005 dan 21 pelajar bagi tahun 2006.

Tetapi angka ini adalah sangat kecil apabila kita lihat pelajar-pelajar yang bekerja di luar khasnya di dalam sektor perkhidmatan. Adakah pihak kementerian mengambil tindakan atas pelajar-pelajar yang telah bekerja tanpa izin? Terima kasih.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan setiap hari Jabatan Imigresen Malaysia menjalankan operasi bukan sahaja untuk menangkap

pendatang asing tanpa izin dengan dibantu oleh pihak RELA tetapi juga memantau pelajar-pelajar asing yang bekerja tanpa kebenaran.

Memang benar pada tahun 2005 hanya 43 kebenaran diluluskan. Daripada negara Nigeria seramai 6 orang, daripada negara Pakistan yang terbanyak sekali 21 orang dan pada tahun ini sehingga bulan September memang benar hanya 21 sahaja permohonan yang telah diluluskan. Ini menunjukkan bahawa kementerian tidak sangat berminat untuk meluluskan permit-permit kepada pelajar-pelajar asing ini untuk bekerja sambilan.

Oleh kerana itu kita memantau dan sebelum memberi kelulusan, kita menjalankan berbagai-bagai ujian supaya kita berpuas hati bahawa pelajar-pelajar yang memerlukan mendapatkan pekerjaan sambilan ini memang perlu. Selain daripada itu, mereka yang menjalankan pekerjaan sambilan tanpa kebenaran apabila ditangkap, kita membuat laporan kepada pihak yang berkenaan iaitu kolej-kolej yang berkaitan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, dari bulan Januari sehingga bulan September tahun ini, sebanyak 16 buah kolej telah ditarik balik kelulusan kerana melanggar berbagai-bagai syarat. Sekian, terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah bilangan pelajar-pelajar antarabangsa yang menyalahgunakan pas sementara yang dapat dikesan dalam negara kita terutamanya yang menjalankan aktiviti pelacuran dan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka? Terima kasih.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod yang kita ada sehingga 31 Oktober 2006, terdapat 1,271 pelajar-pelajar daripada luar negara yang kita kategorikan sebagai hilang. Bermakna hilang daripada tempat yang sepatutnya mereka berada. Seramai 1,271 pada tahun ini sahaja.

Oleh kerana itu, kita mengambil satu sikap yang proaktif dan serius untuk mengatasi masalah ini. Untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kebetulan pula esoknya (*tomorrow*) pada hari Jumaat, kita akan melancarkan kad pelajar supaya kita menghendaki supaya tiap-tiap pelajar membawa kad pelajar ini. Kad pelajar ini mempunyai ciri-ciri keselamatan yang begitu baik sekali yang tidak boleh ditiru. Dengan cara itu, kita percaya kita boleh memantau bukan sahaja pelajar-pelajar yang membawa kad itu, kita memerlukan juga pekerja-pekerja asing membawa kad yang kita akan lancarkan esok.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan hanya 43 orang pelajar asing yang berdaftar untuk bekerja, tetapi pada hakikatnya saya kiralah beribu yang masih bekerja secara sambilan dan secara senyap-senyap. Saya ingin tahu adakah kementerian bercadang untuk memberi peluang kepada graduan *international* ini atau graduan antarabangsa ini bekerja untuk setahun? Permit kerja untuk setahun selepas tamat pelajaran. Saya kira dari satu pihak ini akan menguntungkan Malaysia secara keseluruhannya. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengimbangkan kedudukan negara kita dengan memberi kebenaran kepada pelajar-pelajar asing bekerja di sini di samping kita melihat bahawa anak-anak kita juga mencari pekerjaan. Oleh kerana itulah kita menyekat dan kita mengenakan syarat-syarat yang begitu ketat untuk membolehkan pelajar-pelajar asing ini bekerja di sini.

Walaupun demikian, kita tahu bahawa banyak pelajar-pelajar asing yang masih lagi melanggar syarat-syarat dan bekerja tanpa mendapat kelulusan dan kita memantaunya. Ini satu kerja yang *ongoing* dengan izin, yang selalunya tiap-tiap hari boleh dikatakan kita menjalankan kerja pemantauan. Kita berharap bahawa selepas kita mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan Kementerian Pengajian Tinggi, kita akan mendapatkan satu formula atau satu mekanisme di mana kita boleh memantau pelajar-pelajar ini dengan lebih berkesan lagi dengan menetapkan syarat yang begitu ketat kepada IPTA/IPTS dan seterusnya supaya mereka sendiri menjaga pelajar-pelajar mereka itu.

Kita dapati bahawa kadang-kadang kita pergi membuat pemeriksaan kepada sebuah sekolah umpamanya dan kita dapati dalam sekolah itu ada 450 penuntut. Tetapi dalam rekod seramai 450, bila kita tengok ada tak sampai 20 orang sahaja yang masih duduk dalam kelas. Yang lain tak ada masuk dalam kelas pun. Inilah cara-cara yang kita memantau dan kita ambil tindakan yang drastik, kita menarik balik kelulusan kepada sekolah-sekolah berkenaan.

Kita akan terus memantau dan saya tahu Yang Berhormat, *through your experience* dengan izin, berjumpa dengan pelajar-pelajar yang bekerja di hotel, bekerja di tempat-tempat yang kita tahu tidak sepatutnya mereka bekerja, kita tahu. Kita selalu memantaunya dan kita ambil tindakan. Kita harap dengan maklumat yang diberikan oleh orang ramai, kita akan terus memantau dan mengurangkan insiden melibatkan pelajar asing bekerja bahkan mereka datang ke negara kita ini untuk belajar.

Kita tidak hendak mereka datang untuk belajar tiga hari tetapi bekerja lebih daripada itu. Kita hendakkan dia belajar sembilan bulan dan bekerja tak sampai 20 minggu bagi setahun. Itulah sahaja.

5. Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilakah unit-unit rumah di Projek Perumahan Rakyat (PPR) akan mula dijual kepada rakyat berpendapatan rendah dan apakah syarat-syarat penting yang disenaraikan agar mereka tidak sewenang-wenangnya menjual unit ini kepada pihak lain yang tidak layak terutama bukan bumiputera.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan baru sahaja meluluskan dasar berkaitan dengan penjualan unit-unit rumah Projek Perumahan Rakyat atau PPR, kepada golongan masyarakat berpendapatan rendah yang layak.

Oleh itu dalam melaksanakan keputusan tersebut, kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah meminta kerajaan negeri-negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu PBT termasuk pihak-pihak berkuasa tempatan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan untuk membuat kajian terhadap perkara-perkara di antaranya seperti yang dinyatakan di bawah ini sebelum pelaksanaan dapat dibuat. Perkara-perkara tersebut ialah:

- (i) lokasi PPR yang sesuai dijual;
- (ii) harga jualan; dan
- (iii) langkah-langkah pelaksanaan penjualan.

Lanjutan daripada itu, pada 26 hingga 28 November 2006, Kementerian Wilayah Persekutuan telah pun mengadakan satu seminar bagi mengkaji serta memperincikan perkara-perkara seperti yang dinyatakan di atas.

Sehubungan dengan ini, penemuan-penemuan yang diperolehi dalam seminar ini akan dikemukakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk tindakan selanjutnya. Oleh yang demikian, buat masa kini Kementerian Wilayah Persekutuan belum dapat memaklumkan tarikh dan juga syarat-syarat serta kaedah pelaksanaan sehingga persetujuan diperolehi daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan, kemudian Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah dan kemudian Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada waktu malam, kawasan perumahan PPR semacam pesta pameran kereta kerana penduduk meletak kereta berlapis-lapis. Ini bukan orang miskin lagi.

Soalannya tidakkah kerajaan akan mengkaji di mana di masa akan datang peraturan baru harus diadakan supaya penduduk miskin ini hanya layak memiliki satu rumah satu kereta ataupun tidak perlu ada kereta langsung ataupun cara lain pembinaan tempat kereta bertingkat-tingkat perlu dibina. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tan Sri Tuan Yang di-Pertua. Bahawa pihak PBT memang sedar di atas masalah berkaitan dengan terutamanya tempat letak kereta untuk kegunaan penghuni-penghuni rumah PPRT ini. Bagaimanapun, pihak kementerian melalui DBKL sedang membuat kajian cara yang terbaik mengenakan syarat seperti mana yang telah dinyatakan oleh pihak Yang Berhormat tadi. Ataupun cara bagi menambah tempat-tempat untuk tempat kereta ini.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, apakah strategi kerajaan untuk memastikan penduduk setinggan di Wilayah Persekutuan diberi keutamaan dalam mendapatkan perumahan kos rendah ini dan berapakah anggaran bilangan setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bilakah kerajaan mensasarkan supaya setinggan sifar di Wilayah Kuala Lumpur. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Berkaitan dengan penduduk setinggan untuk diberi rumah PPR, inilah merupakan perkara utama yang mana rumah PPR di kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini yang mana kita hendak memastikan supaya setinggan-setinggan ini dapat dipindahkan ke rumah-rumah PPR ini supaya matlamat kerajaan untuk melaksanakan kempen setinggan sifar ini dapat kita laksanakan mengikut target.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan untuk menjual projek perumahan rakyat kepada mereka yang layak. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah peranan yang dimainkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam aspek ini. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan penjualan rumah-rumah PPRT kepada pihak-pihak yang layak. Bagaimana yang saya nyatakan bahawa ada syarat-syarat yang tertentu dan ada kaedah-kaedahnya yang akan diguna pakai. Kerana itulah Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengadakan seminar baru-baru ini yang mana penemuan-penemuannya akan dikemukakan ke Kementerian Kerajaan Tempatan untuk mendapatkan kelulusan dan berharap Yang Berhormat bersabar, mungkin kalau boleh bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan untuk melaksanakan dalam pertengahan 2007 kalau mendapat persetujuan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Lee Sing Chooi.

6. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, 10 projek utama dalam 5 tahun ini yang memberi kesan yang terbesar dalam usaha mempertingkatkan taraf hidup Orang Asli dan apakah manfaat, jumlah wang, bilangan keluarga dan lokasi yang terlibat dalam setiap projek tersebut.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Lee Sing Chooi kerana membawa soalan ini. Antara projek utama yang dilaksanakan dalam tempoh lima tahun ini, untuk meningkatkan taraf sosioekonomi dan kualiti hidup masyarakat Orang Asli adalah:

- (i) Pembinaan dan baik pulih rumah untuk keluarga miskin tegar dengan peruntukan sebanyak RM138.4 juta untuk 2,500 buah keluarga;
- (ii) Pembangunan 91 ladang komersial dengan peruntukan sebanyak RM77.4 juta untuk 5,355 orang peserta;
- (iii) 16 buah rancangan penyusunan semula kampung RPS di 131 kampung dengan peruntukan sebanyak RM60.1 juta untuk 3,750 keluarga;
- (iv) Pendidikan dan perubahan minda diperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk 17 ribu orang pelajar dan 2400 orang masyarakat Orang Asli yang lain;

- (v) Kemudahan infrastruktur asas - termasuk jalan kampung, jambatan dan bekalan air di pelbagai perkampungan Orang Asli dengan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk 15 ribu orang penduduk;
- (vi) Pembinaan pusat transit dan klinik desa dengan peruntukan sebanyak RM8.5 juta untuk 15 ribu orang masyarakat Orang Asli;
- (vii) Pembinaan dan menaik taraf pusat latihan dengan peruntukan sebanyak RM9 juta untuk kapasiti 400 pelatih setiap masa;
- (viii) Projek-projek bimbingan dan usahawan termasuk bantuan peralatan-peralatan dan mesin dengan peruntukan sebanyak RM5 juta untuk 182 orang usahawan Orang Asli;
- (ix) Pembinaan ruang niaga dengan peruntukan sebanyak RM4.5 juta untuk 108 Orang Asli; dan
- (x) Pembinaan Asrama Semai Bakti dengan peruntukan sebanyak RM4 juta yang boleh menempatkan 800 orang pelajar satu-satu masa.

Pelaksanaan projek-projek tersebut dijangka menelan belanja berjumlah RM326.9 juta yang akan memberi faedah secara langsung atau tidak langsung kepada 60 ribu orang masyarakat Orang Asli. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: *Okay*, Tuan Lee Sing Chooi kemudian Tuan Osman Bungsu kemudian Dato' Azian yang pertama kali.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi sebut orang Melayu sebagai tuan rumah Malaysia, dalam Perlembagaan Persekutuan semua rakyat Malaysia. Orang Melayu, orang Cina, orang India dan semuanya, Orang Asli juga jadi tuan rumah Malaysia. Fasal itu kita semua berada di Dewan ini Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaannya Yang Berhormat?

Tuan Lee Sing Chooi: Pertanyaannya, Orang Asli sebagai jiran kita yang kita kasihi dan juga tuan rumah, tapi yang miskin hidup dalam kemiskinan. Saya ucapkan terima kasih atas rancangan-rancangan yang dibuat untuk masyarakat Orang Asli ini. Saya hendak tahu apakah sistem pemantauan dan juga bagaimana mengukur keberkesanan projek-projek yang akan dijalankan itu supaya betul-betul Orang Asli bermanfaat dalam projek-projek yang dirancang RMK-9 ini. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sentiasa melakukan sistem pemantauan yang berkesan untuk memastikan keseluruhan perancangan pembangunan masyarakat Orang Asli dapat dilaksanakan dengan baik dan tepat pada jadualnya. Setakat ini, kementerian rasa berpuas hati terhadap kerja-kerja yang dijalankan. Walau bagaimanapun

usaha-usaha pemantauan yang berterusan akan terus kita laksanakan supaya kita dapat *value for money*, dengan izin, nilai wang yang dapat kita curahkan kepada masyarakat Orang Asli yang berjumlah 150 ribu orang itu dapat nilai sebenar untuk mereka.

Mungkin tidak ramai yang sedar Tuan Yang di-Pertua, dalam Malaysia barat ini di semenanjung Malaysia ini cuma di Pulau Pinang dan Perlis sahaja yang tidak ada perkampungan Orang Asli, semua negeri-negeri lain, sembilan negeri ada perkampungan Orang Asli dan kita akan melakukan yang terbaik untuk memastikan semua peruntukan ini dibelanjakan dengan berhemah dan memastikan pemantauan dibuat dengan berkesan di peringkat paling bawah di akar umbi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tuan Osman Bungsu.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Orang Asli.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih. Terima kasih kepada Timbalan Menteri hadir dalam menjawab soalan-soalan berkaitan dengan Orang Asli. Soalan tambahan saya, adakah kementerian mewujudkan jaringan pintar dalam melaksanakan pelan pembangunan strategik lima tahun bagi memastikan Orang Asli terkeluar daripada kepompong kemiskinan yang kita tahu melebihi 60% walaupun 48 tahun merdeka di bawah jabatan.

Yang kedua, adakah jabatan kementerian bercadang untuk menstrukturkan semula pengurusan sumber manusia di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli agar lebih mantap pengurusannya menepati wawasan negara dalam RMK-9 ini. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat. Tentang jaringan pintar untuk memastikan kemiskinan tegar ini adalah satu idea yang kita sangat-sangat cuba laksanakan di kementerian. Setakat ini, masih terdapat dalam angka rasminya seramai 12 ribu orang keluarga miskin tegar Orang Asli mengikut angka sehingga tahun 2004. Tetapi dalam dua tahun kebelakangan ini kita telah melakukan proses pemutihan dan kita dapati angka 12 ribu ini telah menurun begitu sekali dan dalam waktu-waktu terdekat ini kita akan dapat memutuskan berapa ramai lagi kah keluarga Orang Asli yang masih berada dalam kepompong miskin tegar.

Saya amat menghargai pandangan Yang Berhormat tentang menstrukturkan semula Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini. Kita sebenarnya lebih mahu lebih ramai daripada golongan masyarakat Orang Asli itu sendiri menyertai Jabatan Orang Asli. Sekarang ini kita ada lebih kurang 25% dan angka ini kita tambah tertakluk kepada syarat kelayakan Orang Asli yang boleh turut serta dalam Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan yang menarik Tuan Yang di-Pertua, untuk pelajarannya dalam UPSR baru-baru ini terdapat 16 orang pelajar Orang Asli yang mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR berbanding dengan cuma dua orang di tahun 2005.... [Tepuk]

Kita harap angka-angka begini akan berterusan supaya bukan sahaja kita dapat memastikan kualiti itu bertambah tetapi kuantiti juga dapat bertambah tetapi yang lebih merisaukan pihak Jabatan Orang Asli dan kementerian sekarang ini adalah tentang keciciran

Tuan Yang di-Pertua. Iaitu keciciran pelajar-pelajar di sekolah daripada darjah enam ke tingkatan satu sekarang ini masih lagi berpusing di sekitar 40%.

Dengan kata lain daripada darjah enam apabila mereka tamat sekolah, cuma 60% sahaja yang pergi ke sekolah menengah dan daripada 60% yang pergi ke sekolah menengah ini angkanya cuma 40% sahaja yang dapat selesaikan pelajaran di tingkatan lima. Jadi, masalah keciciran ini merupakan satu tugas utama yang perlu kita ambil langkah dengan kerjasama dengan pemimpin masyarakat seperti Senator Osman Bungsu supaya angka ini dapat kita kurangkan dengan keseluruhannya, dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Terima kasih.

Dato' Azian bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya wakil negeri Perak Tuan Yang di-Pertua. Negeri Perak ini ramai Orang Asli dan di negeri Perak juga Orang Asli menyumbang kepada kenaikan peratusan kemiskinan tegar di negeri Perak. Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, berapakah jumlah peruntukan daripada kementerian ini dan jumlah projek mengikut lokasi-lokasi di setiap negeri, terutama di negeri Perak. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat tidak dibekalkan dengan angka-angka yang terperinci Yang Berhormat boleh mohon notis.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Dato' Azian di atas soalan tentang angka-angka khususnya untuk negeri Perak. Saya ada semua maklumat di sini Yang Berhormat tapi ambil masa untuk baca. Jadi saya rasa elok saya bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat, dapat menjimatkan masa...

Tuan Yang di-Pertua: Tapi kalau boleh bagi satu dua angka yang akan memuaskan hati Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Kalau keseluruhannya kita lihat, kalau untuk di negeri Perak sahaja daripada 91 ladang rakyat yang saya sebutkan tadi, negeri Perak mendapat 19 daripada jumlah ladang. Jadi maknanya banyak ladang di negeri Perak kita akan buat dan dengan ini akan membawa 1,395 orang peserta daripada negeri Perak dalam kos RM21.2 juta dan lokasi-lokasi dan negeri Perak ini semuanya...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi bakinya Yang Berhormat bolehlah secara bertulis.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Di samping itu juga kita ada beberapa pusat latihan seperti di Gunung Rapat dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua. Untuk rancangan pengumpulan semula RPS, kita banyak di Gerik, di Banun, di Kemar, di Dala, di Lepak, di Ulu Kinta dan di Jeranang iaitu di 6 lokasi di negeri Perak untuk RPS daripada 16 kawasan yang telah dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh bekalkan butir-butir kepada Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Mumtaz binti Md Nawi.

7. **Puan Mumtaz binti Md. Nawī** minta Menteri Kewangan menyatakan :-

- (a) Jumlah tuntutan insurans kenderaan bermotor pada tahun 2004 hingga kini dan daripada jumlah tersebut berapa peratuskah merupakan tuntutan *third party*; dan
- (b) Adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan perlindungan nyawa atau *Personal Accident* dalam polisi insurans kenderaan bermotor sebagai langkah bagi melindungi kenderaan dan juga nyawa pemandu itu sendiri.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah tuntutan bersih kena dibayar atau dibayar atau dengan izin, *net claims incurred* Insurans kenderaan bermotor bagi tahun 2004, 2005, 2006 dan 9 bulan pertama 2006 adalah masing-masing sebanyak RM2,630.7 juta, RM2,746.5 juta dan RM2,349.6 juta. Daripada jumlah tersebut, peratusan tuntutan yang berkaitan dengan kematian dan kecederaan anggota pihak ketiga di bawah perlindungan akta adalah masing-masing sebanyak 29.2%, 28.5% dan 30.2%.

Di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, pemilik kenderaan hanya diwajibkan untuk memberi perlindungan insurans bagi kecederaan dan kematian pihak ketiga. Walau bagaimanapun, secara lazimnya pemilik kenderaan akan membeli insurans perlindungan pihak ketiga yang juga merangkumi pampasan bagi kerosakan harta benda di samping kecederaan serta kematian pihak ketiga.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Syarikat insurans juga menawarkan perlindungan insurans motor komprehensif yang merangkumi pampasan bagi kos pembaikan kenderaan pemilik polisi, tetapi bukan nyawa pemilik kenderaan sendiri, di samping perlindungan yang diberikan di bawah polisi motor pihak ketiga. Pemilik polisi motosikal dan kenderaan perdagangan mempunyai pilihan untuk membeli perlindungan *personal accident*, dengan izin, sebagai satu perlindungan tambahan bagi polisi insurans motor mereka, kos premium minimum bermula dari RM15. Selain daripada kategori berkenaan, pemilik kenderaan boleh membeli perlindungan PA secara *stand alone*, dengan izin, daripada syarikat insurans.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya polisi insurans motor wajib diperluaskan untuk merangkumi perlindungan nyawa atau PA, implikasinya adalah seperti berikut:

- (i) kos premium perlindungan polisi insurans motor akan meningkat bagi semua pihak pemilik kenderaan; dan
- (ii) juga akan membawa kepada perlindungan tambahan bagi mereka yang telah diberikan skim perlindungan kakitangan oleh pihak majikan; serta

- (iii) mereka yang mempunyai perlindungan PA, *personal accident*, dengan izin, dalam polisi insurans nyawa mereka.

Kesemua faktor ini mestilah dipertimbangkan dengan teliti sebelum perlindungan PA diwajibkan oleh kerajaan. Pihak kerajaan lebih cenderung dan harap memberi pilihan kepada pemilik kenderaan untuk membeli perlindungan ini untuk diri sendiri dan juga akan membolehkan pemilik kenderaan supaya lebih bertanggungjawab bagi hal-hal perlindungan insurans diri mereka. Sekian.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan insurans penumpang untuk van pelancong, dan adakah insurans kepada lori hantu yang berkisar di kawasan industri kerana banyak kemalangan membabitkan kematian melibatkan kes-kes lori hantu. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih. Kementerian memang sangat prihatin dari segi apa-apa yang berlaku dan macam mana kita membolehkan mereka atau melindungi mereka. Jadi dua perkara ini kita akan kaji. Tetapi apa yang penting, Yang Berhormat, adalah di Malaysia ini apa yang penting adalah kita mesti mengurangkan *accidents* yang berlaku. Di Malaysia, kemalangan adalah yang tertinggi jika kita bandingkan dengan negara-negara yang membangun. Jadi apa yang penting kepada kita sebagai Yang Berhormat dan sebagai rakyat yang bertanggungjawab adalah macam mana kita kurangkan kes-kes kemalangan di Malaysia kita. Sekian.

8. **Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Perdana Menteri menyatakan, berkenaan fakta-fakta yang disebar oleh ASLI mengenai pemilikan harta-harta oleh kaum bumiputera berbanding dengan statistik yang disimpan oleh kerajaan. Pendedahan yang dibuat oleh ASLI ini boleh mencetuskan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat yang terlibat dan merupakan isu-isu yang sangat sensitif.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah pada 11 Disember 2006 kerana masalah pertanyaan ini adalah bersamaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, maklumat yang telah dikeluarkan oleh pihak ASLI adalah tidak betul. Antara kepincangan metodologi yang diguna pakai oleh pihak ASLI adalah seperti berikut. Jadi saya akan membuktikan bahawa ini adalah satu kepincangan dari pihak ASLI.

- (i) pihak ASLI mengambil kira pegangan pihak kerajaan sebagai pegangan ekuiti bumiputera sepenuhnya. Ini adalah tidak betul sama sekali kerana semua hasil yang diperolehi oleh pihak kerajaan daripada pelaburannya di dalam sektor korporat akan diguna untuk kepentingan seluruh rakyat

tanpa mengira kaum. Jadi perolehan ini kita gunakan untuk semua, bukan untuk bumiputera sahaja;

- (ii) kiraan dibuat oleh pihak ASLI hanya tertumpu kepada pegangan oleh syarikat-syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Malaysia Berhad iaitu hanya 1,000 buah syarikat sahaja. Manakala metodologi yang diguna pakai oleh pihak kerajaan merangkumi keseluruhan 609,500 syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Jadi bayangkan mereka bergantung kepada 1,000, kita 600,000 lebih;
- (iii) pihak ASLI menggunakan harga pasaran sebagai kaedah pengiraan pegangan ekuiti. Untuk makluman Yang Berhormat, pengiraan ekuiti dengan menggunakan harga pasaran hanya dapat dilakukan terhadap syarikat-syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Malaysia Berhad. Pihak kerajaan mengguna pakai harga *par* kerana pengiraan ekuiti korporat mengambil kira syarikat luar yakni syarikat berhad, malah juga syarikat persendirian iaitu syarikat sendirian berhad yang saham-sahamnya tiada diniagakan di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dari masa ke semasa akan menambah baik metodologi yang diguna pakai bagi memastikan ia dapat memberikan maklumat yang telus dan tepat kepada semua pihak. Kerajaan memahami kepentingan menyalurkan maklumat yang tepat kepada rakyat terutama kepada pihak pembuat dasar supaya segala perancangan bagi membangunkan negara ini dapat dilaksanakan dengan lebih efektif.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pendedahan ini mungkin mempunyai maksud-maksud atau tujuan-tujuan yang tertentu. Adakah pihak Jabatan Perdana Menteri dapat mengenal pasti tujuan pendedahan ini?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, dari segi metodologi memang kaedah-kaedah yang dipakai berbeza-beza di antara satu sama lain. Jadi apa yang disebutkan oleh pihak yang berkenaan macam saya jawab tadi adalah bergantung hanya kepada maklumat sebahagian kecil syarikat-syarikat. Sama ada ia ada kaitan dengan kepentingan pihak tertentu, saya ingin nyatakan bahawa ada pihak-pihak yang menggunakan isu ini untuk kepentingan mereka, tetapi kita harap bahawa rakyat faham bahawa pendedahan yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu ini untuk kepentingan sesuatu pihak akan merumitkan keadaan, dan memburukkan lagi suasana negara kita yang sudah pun berada dalam keadaan aman dan makmur ini.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, isu ini adalah satu isu perkauman dan fakta-fakta adalah palsu. Jadi kalau parti-parti politik boleh dikenakan Akta Hasutan iaitu siasat kenapa ASLI dikecualikan daripada disiasat dalam Akta Hasutan? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini adalah merupakan soalan yang lain. Tadi adalah cara kaedah pengiraan. Soal hasutan ini sudah tentu bukan kata ASLI sahaja, sesiapa sahaja rakyat di dalam negara ini sudah pasti tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang ada. Tetapi saya hendak jelaskan dengan lebih baik lagi mengapa soal isu bumiputera tidak mencapai seperti mana sasaran yang kita kehendaki, dan pihak-pihak tertentu yang buat perkara yang berasingan, umpamanya peratus yang berlainan, saya rasa ini adalah satu perkara yang tidak wajar kerana kita tahu sepatutnya yang kita hendak beri keutamaan ialah hendak memastikan bahawa Dasar Ekonomi Baru, dasar bumiputera itu mesti dapat kita capai.

Sepatutnya itu yang kita pertikaikan, tetapi bukan kita pertikaikan jumlah, peratusan dan sebagainya. Inilah yang menjadi masalah kalau ada pihak-pihak yang selalu suka menggunakan perkara ini untuk kepentingan yang kita kata adalah kepentingan jangka pendek, kerana kita tahu di dalam negara kita ada apa sahaja masalah kita boleh selesaikan secara perundingan, secara perbincangan dan muafakat di antara satu sama lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebab itulah saya sengaja tidak mahu menyekat soalan tadi supaya pihak kerajaan dapat memberi penjelasan yang sejelas-jelasnya.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, metodologi yang digunakan oleh ASLI adalah satu metodologi dan kalau saya sendiri pun boleh menggunakan metodologi saya sendiri untuk mensasarkan sesuatu *target*.

Soalan saya ialah dalam membuat jawapan kepada pendedahan yang tidak betul ini, kita harus kaitkan kepada soal *disparity of income*, dengan izin, iaitu jurang perbezaan dalam pendapatan antara bumiputera dan bukan bumiputera. Dalam memberi penjelasan, adakah kerajaan menyentuh soal *disparity* ini untuk menyesuaikan kepada analisis dan juga hasil yang diuruskan oleh ASLI tadi, sebab ini menunjukkan dengan jelas bahawa pendedahan mereka ataupun analisis mereka itu sememangnya tidak tepat kalau dikaitkan dengan *disparity of income*, dengan izin. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu sebenarnya kalau kita lihat kerajaan dari segi membuat dan merancang dasar tidak bergantung kepada pihak-pihak yang kita kata tidak bertanggungjawab, tetapi kerajaan melalui jawatankuasa tertentu dan pakar-pakar yang berada dalam perkhidmatan kerajaan, kita membuat kajian-kajian ini dan sebab itu kita lihat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, soal *disparity* ini menjadi satu perkara yang di *highlight*, dengan izin, diberi perhatian yang khusus supaya dalam Rancangan Malaysia yang seterusnya kita mengurangkan *disparity* ini antara kaum. Jadi tidak lagi berdasarkan kepada jumlah pendapatan tetapi kita hendak mengurangkan *disparity* di kalangan semua kaum di dalam negara kita termasuk Orang Asli, orang India dan orang Cina pun yang miskin, kita akan sasarkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Timbalan Yang di-Pertua: Semua sekali, Yang Berhormat?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Semua sekali, insya-Allah, Tuan Yang di-Pertua.

9. **Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Malaysia sebagai Pengerusi OIC dan NAM dalam membantu menyelesaikan konflik di Asia Barat iaitu krisis Israel dan Palestin.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad dan Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad atas soalan-soalan yang telah dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab kedua-dua soalan ini serentak termasuk soalan daripada Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad yang sepatutnya dijawab pada 12 Disember 2006 kerana kedua-duanya adalah berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, saya benarkan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Pengerusi OIC dan bekas Pengerusi NAM, isu berkaitan Palestin tetap kekal sebagai antara agenda utama yang sentiasa dibangkit dan diperjuangkan oleh Malaysia di pelbagai persidangan forum yang berkaitan sama ada di peringkat serantau ataupun antarabangsa.

Malahan untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia telah bersetuju untuk bekerjasama dengan pihak sekretariat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menganjurkan Mesyuarat Serantau Asia dan Pasifik Berhubung Isu Palestin atau dengan izin, *UN Regional Meeting For Asia and Pacific On the Question of Palestine*, yang dijadualkan berlangsung di Kuala Lumpur pada 15 dan 17 Disember 2006 iaitu minggu depan.

Pada masa yang sama Malaysia amat berharap agar semua pihak yang terlibat dalam proses politik Palestin terutamanya pucuk pimpinan Hamas dan Fatah akan dapat memecahkan kebuntuan dan mencari jalan penyelesaian bagi membolehkan kerajaan perpaduan atau dengan izin, *unity government* ditubuhkan di Palestin. Sebagai kesimpulan, Malaysia akan terus berusaha dan bekerja keras sama-sama dengan masyarakat antarabangsa ke arah mewujudkan keamanan yang berkekalan di keseluruhan rantau Asia Barat pada masa hadapan.

Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah bentuk bantuan yang khusus dan berkesan yang diberi oleh Malaysia setakat ini bagi membantu meringankan beban rakyat Palestin dan negara Palestin, terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Malaysia ada memberikan bantuan kewangan daripada semasa ke semasa khususnya dalam menangani beberapa perkara yang berkaitan dengan krisis di sana dan juga membantu dari segi pendidikan pembinaan sekolah dan sebagainya, itu secara langsung. Tetapi, kita tetap yakin bahawa bantuan kewangan hanyalah bantuan jangka pendek untuk meringankan beban mereka, tetapi

yang panjangnya ialah bagaimana kita memainkan peranan dalam apa jua forum antarabangsa termasuk OIC, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan sebagainya bagi mendesak penerimaan masyarakat antarabangsa tentang hak-hak yang sewajarnya pada masyarakat Palestin.

10. Tuan Chiu Tiang Chai minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk melanjutkan usia persaraan berasaskan kepada umur persaraan negara-negara maju yang lebih tinggi iaitu usia 65 atau 70 tahun memandangkan ramai yang masih aktif dan berada pada kemuncak kerjaya masing-masing dalam peringkat umur persaraan yang ditetapkan hari ini.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Undang-undang Pencen, Pegawai Perkhidmatan Awam dikehendaki bersara apabila mencapai umur 56 tahun kecuali mereka yang telah membuat opsyen untuk bersara wajib apabila mencapai umur 55 tahun. Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk melanjutkan umur persaraan wajib ini. walau bagaimanapun, untuk memenuhi keperluan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu, cara pelantikan kontrak selepas persaraan wajib yang diamalkan sekarang bagi anggota-anggota tertentu dalam beberapa jawatan terpilih adalah kaedah sebaik-baiknya ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, melalui cara lantikan kontrak ini, kerajaan dapat memastikan hanya pesara-pesara yang telah membuktikan prestasi kerja yang tinggi dilantik untuk terus berkhidmat melebihi umur 56 tahun. Dasar pelantikan secara selektif ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan supaya jentera kerajaan dianggotai oleh pegawai-pegawai yang dapat mencurahkan perkhidmatan yang sebaik-baiknya untuk rakyat dan negara tidak kira umur mereka. Pada masa yang sama, ia tidak akan menyekat kemasukan anggota baru yang sebahagian besarnya adalah golongan muda berpendidikan tinggi dari institut pengajian tinggi dalam dan luar negara untuk menyertai perkhidmatan awam.

Tuan Chiu Tiang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah berapakah pesara kini menerima pencen yang di bawah paras garis kemiskinan iaitu di bawah RM661, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat yang tersebut kerana ini soalan ini terlalu spesifik.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kerajaan mempunyai angka-angka ataupun statistik bagi mereka yang telah bersara selepas 56 tahun yang masih mampu bekerja dan masih sihat, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini juga soalan spesifik, statistik.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ada Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya akan bagi secara bertulis, tetapi tidak ada di sini.

Puan Mumtaz binti Md Nawis: Soalan tambahan saya, memandangkan kepada kecenderungan mungkin ramai di Malaysia yang mungkin berkahwin lewat dan juga melibatkan

pegawai kerajaan, ramai orang bersara tetapi anak masih lagi berada di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Jadi, pendapatannya telah terbahagi dua tetapi anak masih lagi kecil. Soalan saya adakah kerajaan bagi sebarang mekanisme ataupun skim bagi menjaga kebajikan anak-anak pegawai kerajaan yang telah bersara sedangkan mereka berada di sekolah rendah dan sekolah menengah, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Kerajaan menggalakkan 70 juta, tetapi rakyat hendak kahwin lewat. Macam mana Tuan Yang di-Pertua? Tetapi, untuk makluman Yang Berhormat, bahawa tidaklah ramai pegawai-pegawai sebenarnya yang dilanjutkan secara kontrak dan sudah pasti sewaktu mereka melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pegawai dan anggota kerajaan banyak skim-skim faedah yang telah diperuntukkan oleh kerajaan untuk masa hadapan anak-anak mereka.

11. Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah strategi Kementerian untuk memastikan Government Link Companies (GLC) menjalankan tanggungjawab sosial dengan mengambil graduan-graduan bumiputera yang masih menganggur.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian memastikan dengan izin *Government Link Companies* atau GLC menjalankan tanggungjawab sosial dengan mengambil graduan-graduan bumiputera yang masih menganggur melalui program intensif.

Program intensif dianjurkan oleh Khazanah Nasional Berhad. Seramai 1,132 orang graduan yang menganggur telah ditempatkan atau dilatih di sembilan GLC milik Khazanah pada tahun ini. Khazanah juga telah melancarkan program *Graduate Employability Enhancement Program* atau lebih dikenali sebagai Program GREEN di mana 200 orang graduan telah dipilih untuk mengikuti satu program latihan bertujuan meningkatkan kebolehan mereka untuk bekerja dan seterusnya memudahkan mereka untuk mencapai pekerjaan apabila tamat latihan mereka.

Di samping itu, usaha menangani masalah graduan menganggur ini juga akan terus dipertingkatkan melalui program-program yang dianjurkan oleh GLC Light selaras dengan program Transformasi GLC dan Program GREEN. Sekian.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kementerian yang telah mengambil inisiatif ini. Tetapi, apakah perlu pihak GLC ini melangkah setapak ke hadapan dengan memastikan bahawa bank-bank dapat memberi pinjaman kepada mereka yang telah dilatih yang berpotensi di bawah naungan ataupun jaminan GLC.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Pada masa sekarang, kerajaan ada program untuk graduan-graduan kita meminjam kewangan dari bank-bank yang tertentu. Ini adalah *Young Graduates Entrepreneur Program*. Apa yang penting Yang Berhormat, adalah walaupun terdapat banyak

program yang kita ada untuk graduan, mereka mesti ada sesuatu *skill* - yang perlu dia ada. Kita tidak boleh bagi program seluas sesiapa minta, mohon, terus dapat. Sebab kita pun tahu jikalau graduan-graduan dapat pinjaman itu, dan maju dalam apa jua yang mereka buat, mereka akan mulai kehidupan mereka *as a graduate* dengan izin dengan negatif. Ini memang sesuatu yang kita mesti ambil kira dan penting, sekian.

12. Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, mengenai peranan Kementerian untuk menaikkan imej negara dalam bidang bola sepak yang semakin hari semakin merosot.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha dalam menaikkan imej negara dalam bidang bola sepak. Pengenalan Liga Semi Profesional pada tahun 1989 dan seterusnya diterjemahkan kepada Liga Profesional perlulah dilihat sebagai satu usaha yang bersungguh oleh Pasukan Bola Sepak Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan dalam membentuk serta melahirkan lebih ramai lagi atlet-atlet bola sepak yang berkualiti.

Program Jaya 98, Program Gemilang 2001, Program Gemilang 2006 dan Program Gemilang 2010 juga perlu dilihat sebagai satu usaha berterusan jangka panjang pembangunan sukan negara dalam memastikan perubahan. Hasil dan pencapaian yang positif seperti mana yang telah ditunjukkan oleh prestasi Pasukan Bola Sepak Bawah 20 Tahun negara, adalah melayakkan diri ke pusingan akhir Piala AFC bawah 20 tahun baru-baru ini. Cuma ianya memerlukan sokongan dan kepercayaan penuh oleh semua pihak di samping teguran-teguran membina yang dapat membentuk kekuatan dalam membentuk semangat berpasukan yang kuat.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan atau JKPS yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak kerajaan menyedari bahawa sukan bola sepak adalah sukan yang diminati dan popular dalam segenap lapisan masyarakat. Oleh yang demikian, Jawatankuasa berkenaan telah memutuskan sukan bola sepak telah dipilih dalam lapan jenis sukan teras yang dimajukan bermula dari peringkat akar umbi sehinggalah ke peringkat tertinggi, terima kasih.

Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah cadangan oleh kerajaan untuk mengadakan *Football Academic* seperti yang ada di negara barat supaya taraf bola sepak akan meningkat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, bentuk kewangan yang disalurkan kepada FAM oleh Kementerian Belia dan Sukan adalah satu bentuk yang kecil dan kerajaan pada masa sekarang tidak ada apa-apa pelan untuk membuat satu institut bola sepak, tetapi hasrat FAM belum diketahui lagi.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, saya cuba hendak habiskan sehingga soalan nombor 13.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kementerian sedar bahawa semakin canggih peralatan dan semakin banyak perbelanjaan diberikan semakin teruk pencapaian ahli-ahli sukan negara dan sudah kah kementerian bertemu jodoh apakah dan cara untuk mengatasi dan memperbaiki imej ahli-ahli sukan negara, terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tersebut adalah mengenai bola sepak atau sukan secara umum?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Bola sepak Yang Berhormat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kebanyakan rakyat Malaysia mengukur kemajuan atau kemerosotan sukan negara, kita berpandukan kepada prestasi sukan-sukan popular dan salah satu sukan adalah bola sepak. Memang sukan bola sepak di negara ini bukan seperti dalam tahun 60-an dan 70-an, tetapi kementerian mengambil berat tentang kekalahan baru-baru ini di Doha dan kita akan membuat satu *post mortem* selepas pasukan Malaysia kembali ke tanah air untuk mengetahui kelemahan-kelemahan dan apa yang jaminan yang saya boleh beri kepada Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kita telah mengaktifkan sukan bola sepak di akar umbi dan mudah-mudahan pada tahun-tahun yang akan datang harapan kementerian agar sukan bola sepak akan kembali kepada tahun 60-an atau 70-an. Terima kasih.

13. Datuk Chew Vun Ming minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah telah diambil untuk menghalang Pendatang Asing Tanpa Izin atau PATI, terus membanjiri negara ini. Namun demikian, pada hari ini kita dapat melihat PATI masih lagi terus bebas di negara ini terutama sekali di Sabah. Apakah tindakan selanjutnya yang akan diambil oleh pihak berkuasa dan kementerian bagi mengatasi masalah ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan adalah jelas mengenai PATI iaitu mereka akan ditangkap, dihukum mengikut undang-undang sedia ada dan dihantar pulang.

Untuk memastikan dasar ini dapat dilaksanakan beberapa langkah telah disusun dan akan terus dilaksanakan. Antaranya:-

- i) memperketat penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan contohnya hukuman sebat dan penjara ke atas PATI dan mana-mana pihak yang melindungi mereka;
- ii) memperketat kawalan di sempadan dan pintu-pintu masuk ke negara ini;

- iii) mempertingkatkan operasi bersepadu bertujuan mengesan dan menangkap PATI oleh agensi-agensi penguat kuasa iaitu Jabatan Imigresen, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, RELA, PBT dan PPKB;
- iv) mengadakan lebih banyak seminar, ceramah, perbincangan di kalangan pemimpin masyarakat bertujuan menggalakkan penglibatan mereka dalam membendung kemasukan PATI;
- v) mempertingkatkan rondaan maritim dan darat oleh ATM (Angkatan Tentera Malaysia), Polis Marin dan juga APMM iaitu kita punya *costal guard*, dan
- vi) meneruskan usaha diplomatik dengan kerajaan-kerajaan asing khususnya Indonesia dan Filipina bertujuan mendapatkan kerjasama mereka bagi mengaturkan kemasukan rakyat mereka secara sah dan mempercepatkan proses penghantaran pulang mana-mana PATI yang telah selesai menjalani hukuman kerana memasuki negara ini secara tidak sah.

Datuk Chew Vun Ming: Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, jika pendatang tanpa izin itu merupakan ibu bapa kepada sekumpulan kanak-kanak, apakah tindakan yang diambil bagi memastikan kanak-kanak tersebut tidak terus berkeliaran tanpa ibu bapa? Apakah status kanak-kanak tersebut. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini banyak kem-kem ini dikendalikan oleh UNHCR dan kita walaupun tidak menandatangani protokol UNHCR tapi kita bertanggungjawab sebagai sebuah negara yang menganggotai PBB, menghormati tentang hak asasi mereka walaupun mereka bukan rakyat kita. Jadi kalau anak dia berkeliaran, sudah tentulah ibu bapa itu kena ambil tanggungjawab. Seperti mana yang telah disebutkan tadi iaitu bahawa kita mengharapkan juga kerjasama daripada masyarakat untuk memaklumkan tentang mereka ini supaya kita boleh mengambil tindakan terhadap anak-anak ini untuk dimasukkan balik ke dalam kem.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Tuan Yang di-Pertua, dengan begitu banyak usaha dan undang-undang yang telah dilakukan ataupun yang dibuat untuk mengatasi masalah PATI ini, mengapa sehingga hari ini masih banyak PATI berkeliaran di negara kita terutama di Sabah dan angka ini pula mengelirukan. Ada satu akhbar yang mengatakan antara 100,000 hingga 150,000. Kerajaan negeri Sabah pula mengakui lebih daripada 500,000 masih hadir di dalam negeri Sabah. Jadi dalam pandangan Yang Berhormat, apakah yang menyebabkan kesulitan sehingga kita tidak boleh mengatasi masalah ini hampir 50 tahun kita sudah merdeka?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertama jangan ambil maklumat daripada surat khabar. Surat khabar bukan semua betul. Yang mana saya jawab dalam Dewan Rakyat, jumlah yang saya bagi yang itu ambil kira. Tentang Menteri Sabah pun tidak usah pakai. Pakai yang saya.

Kedua, kita kena ingat Yang Berhormat, undang-undang ini kita boleh adalah, tetapi tidak ada akta-akta yang secara total menghapuskan masalah yang kita hadapi. Gantung orang fasal dadah, gantung orang fasal bunuh ini, bukan setahun dua tahun, sudah 50 tahun. Tapi kena gantung juga lagi sebab orang mengedar dadah juga, orang membunuh juga. Jadi kita tidak boleh mengambil tanggapan iaitu bahawa bila kita sudah ada undang-undang, bermakna semua masalah kita boleh atasi.

Nombor tiga, kita kena ingat masalah ini juga berulang, kerana di sempadan Filipina kalau kita tengok pada peta, negara Filipina ini sempadannya hampir sampai kepada *mainland* Sabah iaitu Pulau Besar Sabah. Bukan sempadan tengah-tengah laut sana, sempadan itu sampai ke tepi dekat Sandakan, di Tawau begitu rapat sekali. Sandakan sebagai contoh. Kita juga kena ingat iaitu bahawa dalam kita menjaga sempadan kita, pihak Filipina mereka tidak ada rondaan. Tujuan mereka tidak ada rondaan kerana mereka tidak iktiraf Sabah itu sebagai sebahagian negara Malaysia. Kalau mereka meletakkan tentera mereka di sempadan, iaitu *navy*, ini bermakna bahawa mereka iktiraf itu sebagai sempadan antara dia dengan kita. Jadi dia tidak jaga orangnya. Yang menjaga sempadan perairan itu, Malaysia sahaja. Jadi kita tak dapat kerjasama daripada Filipina dan perairan kita begitu luas sekali, daripada sebelah timur ke barat Sabah memang luas. Jadi kita tidak berkemampuan untuk menghalang mereka daripada datang.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali sudah tentu peperangan di selatan. Ini menyebabkan ramai daripada orang-orang di sana lari ke Malaysia untuk mendapatkan perlindungan dan kita tidak boleh hantar balik begitu sahaja kerana kita tertakluk juga kepada peraturan United Nations.

Yang akhir sudah tentulah, rakyat Sabah dan juga rakyat Filipina yang duduk di sempadan ini, begitu rapat sekali. Dia keluarga. Mereka keluar masuk, keluar masuk sebelum Malaysia wujud. Sebelum Filipina wujud sebagai sebuah negara, mereka tak kenal sempadan itu. Jadi ada waktu kita merdeka tahun 1963 Sabah masuk, dia mana tahu, sebab nenek moyang dia naik perahu daripada satu pulau ke pulau, dia kata dia wujud lebih lama daripada Sabah dan Malaysia. Dia biasa hidup macam itu. Ramai di kalangan kita yang berada di pulau-pulau di sempadan itu, mereka mempunyai keluarga di sebelah *Philippine* dan mereka telah wujud sebelum sempadan wujud.

Jadi itu agak menyukarkan kita untuk mengatakan bahawa bila mereka datang ke Malaysia, dia bukan rakyat Malaysia. Sebab dia sudah biasa. Mereka orang laut. Jadi sebab itu ini merupakan masalah yang kita tanggung sampai sekarang. Jadi kita tetap ambil tindakan

tetapi ianya akan menjadi masalah disebabkan oleh perkara-perkara yang saya sebut sebentar tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk jawapan soalan-soalan lisan telah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[6 Disember 2006]**

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan M. Munusamy.

11.38 pagi.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya berbahas dalam rang undang-undang meminda Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966. Tuan Yang di-Pertua, soal pembangunan penduduk dan keluarga adalah begitu relevan dengan agenda pembangunan negara khususnya dalam bidang kependudukan pembangunan keluarga dan reproduksi manusia. Dekad baru bagi LPPKN bermula apabila pelan strategik digubal bagi mewujudkan penduduk Malaysia yang berkualiti melalui tiga teras.

Pertama, dengan memberi tumpuan kepada pengukuhan kepada institusi kekeluargaan. LPPKN telah pun menumpukan kepada program-program advokasi iaitu polisi mesra keluarga dan pengukuhan institusi keluarga menerusi pakej dan kursus pra perkahwinan, *smart start* dan *parenting ad work*. Penerapan nilai-nilai murni pembentukan keluarga berperwatakan, program pendidikan, pendekatan komuniti dan pusat komuniti keluarga juga tidak pernah dilupakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat dengan pindaan kepada Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 akan membolehkan LPPKN memainkan peranan yang lebih besar. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan beberapa perkara.

Satu, selain menubuhkan cawangan lembaga ini di peringkat negeri, saya berpendapat dalam usaha untuk menggiatkan proses pemantauan program-program yang dilancarkan, pihak kerajaan harus menubuhkan cawangan lembaga di peringkat daerah demi mengukuhkan institusi kekeluargaan kerana institusi keluarga yang renggang pasti akan menimbulkan banyak masalah sosial, seperti juga yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tan Sri semalam bahawa majlis-

majlis daerah juga boleh memainkan peranan yang penting dalam mengukuhkan institusi kekeluargaan.

Institusi kekeluargaan bermasalah boleh berpunca daripada cabaran luar dan daripada dalaman keluarga. Ramai yang hendak berkahwin atas rasa suka semata-mata tetapi pada masa yang sama enggan memikul tanggungjawab, tugas dan peranan apabila berumah tangga. Dalam masyarakat India kadar penceraian dan bilangan ibu tunggal bertambah dari tahun ke tahun. Keadaan ini adalah membimbangkan pihak MIC yang juga menjalankan pelbagai program melalui Yayasan Strategik Sosial demi mengatasi masalah ini dengan bantuan kementerian.

Seterusnya, saya ingin mencadangkan penubuhan sebuah unit kaunseling keluarga bagi masyarakat bukan Islam di bawah lembaga ini supaya program seperti kursus pra-perkahwinan dan khidmat kaunseling untuk pasangan yang bermasalah boleh dijalankan. Di sini saya juga ingin mencadangkan, supaya pasangan bukan Islam yang ingin mendaftar perkahwinan perlu menghadiri kursus pra-perkahwinan yang dianjurkan oleh kementerian. Sebab pada masa sekarang mereka yang bukan Islam tidak diwajibkan untuk mengikuti kursus pra-perkahwinan dan ini akan menimbulkan banyak masalah.

Oleh itu, saya cadangkan bahawa kementerian ini menubuhkan satu unit untuk menjalankan kursus pra-perkahwinan dan juga kerajaan mensyaratkan supaya semua perkahwinan yang didaftarkan melalui jabatan pendaftaran perlu mengadakan syarat supaya mereka mengikuti kursus pra-perkahwinan. Modul-modul kursus ini bolehlah didapatkan dengan kerjasama persatuan-persatuan agama seperti Persatuan Hindu Sangam dan sebagainya supaya ciri-ciri agama juga tidak dilupakan.

Satu lagi cadangan iaitu mengenai ahli lembaga pula saya berharap kementerian akan mengambil langkah yang betul dalam pelantikan ahli lembaga. Seterusnya saya juga berharap pelantikan ahli-ahli lembaga haruslah mengikut komposisi kaum di negara kita. Di samping itu, pihak kementerian harus juga memastikan mereka yang dilantik ke dalam lembaga ini adalah penggerak sosial di dalam masyarakat masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggesa agensi-agensi pelaksana dasar kerajaan supaya turun ke akar umbi / bagi membantu kerajaan menangani masalah sosial di kalangan masyarakat terutama membabitkan institusi keluarga yang merupakan institusi asas dalam pembentukan negara yang makmur.

Satu lagi cadangan adalah formula yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain semalam iaitu satu formula di mana ciri-ciri moral yang bernilai tinggi dari semua kaum digabungkan untuk diguna pakai oleh semua masyarakat negara ini. Ini bukan sahaja akan mewujudkan keluarga yang berkualiti tetapi juga akan mengukuhkan perpaduan dan integrasi kaum. Dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Azian bin Othman. Selepas itu saya minta Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu untuk bersedia.

11.44 pagi.

Dato' Azian bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memulakan perbincangan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pelantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali Menteri Besar Perak dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Perak Darul Ridzuan kerana mencalonkan saya menjadi Ahli Dewan Negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Bukan sahaja mencalonkan, memilih Yang Berhormat.

Dato' Azian bin Osman: Memilih, terima kasih. Maafkan saya Tuan Yang di-Pertua, saya orang baru kalau salah dan silap mintak tolong tunjuk dan ajarkan. Tuan Yang di-Pertua, penduduk dan keluarga sangat penting dalam sesebuah negara. Tanpa keluarga tanpa penduduk tidak akan wujud sebuah negara. Individu bergabung menjadikan keluarga, keluarga menjadi masyarakat seterusnya membentuk kampung dan bandar, membentuk negeri dan menjadi negara, itulah pentingnya permasalahan yang berada di hadapan kita sekarang. Penduduk dan keluarga yang tidak berkualiti akan menjadikan negara akan mundur dan juga tidak berkualiti.

Penduduk dan keluarga yang rosak negara akan menjadi hancur. Kerajaan sedar betapa pentingnya permasalahan ini sehingga pada tahun 1996 sudah lama Akta Penduduk dan Keluarga telah digubal dan telah diluluskan iaitu Akta 42 tahun 1996. Disemak akta ini pada tahun 1988 dan dinamakan Akta 352. Sekian lama tetapi masalah penduduk masalah keluarga masih belum selesai malah bertambah menjadi kompleks dan memeningkan kita semua. Di mana silapnya ada kerana dasar kerajaan ataupun pengisian program-program yang telah dibuat. Dari pengamatan saya tahniah kepada kementerian banyak program telah dibuat tetapi kadangkala program yang dibuat, sasarannya tidak menentu.

Banyak wang dibelanjakan kadangkala kita lihat yang hadir program tersebut bukan mereka yang sepatutnya jadi sasaran. Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan program-program yang dibuat ditumpukan kepada ibu bapa muda. Jika kita buat program yang berada di hadapan kita bengkel, seminar dan sebagainya, yang hadir hanya ibu bapa yang kebanyakannya yang telah bercucu, saya rasa sasaran itu tidak akan ke mana. Saya tertarik dengan beberapa rakan Yang Berhormat semalam menyebut tentang media. Saya juga ingin menyarankan supaya satu kerjasama dibuat oleh kementerian ini dengan Kementerian Penerangan supaya Kementerian Penerangan memberikan satu hak *airtime* dengan izin kepada kementerian ini kerana media memainkan peranan yang cukup penting.

Seminar, bengkel sangat kurang, golongan-golongan yang menjadi sasaran kita ingin hadir ataupun berminat untuk hadir tetapi melalui media terutama televisyen melibatkan masyarakat melihat. Kita lihat contohnya program yang diwujudkan oleh TV3 Bersamamu, begitu luas pengaruhnya dan saya menyarankan sekali lagi supaya kementerian ini mungkin telah ada, tahniah kalau telah ada. Kalau telah ada tambahkan lagi jumlah jamnya, wujudkanlah program-program di televisyen yang ditaja oleh kementerian ini. Kita bercakap tentang masalah program-program yang tidak mempunyai budaya kita kerana kebanyakan program disusun, digarap oleh karyawan-karyawan yang merupakan ahli-ahli perniagaan yang mencari keuntungan.

Tetapi jika program-program ini yang ditaja oleh kementerian sudah pasti yang menjadi agendanya adalah sasaran sosial kita. Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pindaan ini izinkan saya menyentuh beberapa perkara. Pertamanya berkenaan dengan keahlian saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tuan M. Munusamy tadi, minta pastikanlah keahlian lembaga ini supaya mereka yang benar-benar boleh membawa *mission* ataupun misi lembaga ini ditubuhkan. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat daripada pindaan ini jika Akta Ibu menyatakan keahliannya tidak lebih daripada 10 orang tetapi Akta Pindaan yang dicadangkan tidak lebih daripada sembilan orang.

Saya ingin bertanya mengapa jumlahnya itu dikurangkan kerana memandangkan peranan lembaga ini begitu luas begitu besar, ditambah peranannya saya mencadangkan supaya ayat '*not more than*' ditukar kepada '*not less than*', dengan izin tidak kurang daripada sembilan, patut ditambah lagi. Dan saya juga mencadangkan supaya wakil-wakil daripada negeri-negeri duduk di dalam lembaga ini. Saya melihat kepada pindaan Seksyen 4(D) tidak ada wakil-wakil daripada negeri. Yang ada sembilan orang wakil kementerian, sembilan orang daripada wakil pertubuhan bukan kerajaan dan daripada awam. Jadi saya mencadangkan...

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamed: Saya pohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya Dato' Dr. Norraesah.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamed: Yang Berhormat, Yang Berhormat memohon agar jumlah lembaga ditambahkan walhal ubahan akta ialah tidak lebih daripada sembilan. Adakah Yang Berhormat percaya tentang bahawa *the more the merrier* ataupun *the more the cook spoiled the broth*. Yang mana satu Yang Berhormat pegang?

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat. Yang merosakkan itu kalau ramai itu yang dipilih salah pilih, tetapi kalau tepat pilihannya lebih ramai lebih baik, *more brains are merrier*. Kita berkehendakkan lebih ramai otak duduk dalam lembaganya, otak yang baik bukan otak tidak baik Yang Berhormat. Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan.

Dato' Azian bin Osman: Saya suka menyarankan wakil-wakil daripada negeri berada dalam lembaga ini. Walaupun lembaga ini boleh menubuhkan cawangan-cawangan tetapi cawangan-cawangan saya kira akan hanya menjadi pelaksana kepada program-program

lembaga bukan sebagai *policy maker* atau pembuat dasar. Yang lebih mustahak adalah pembuat dasar di peringkat lembaga itu sendiri lembaga induk itu. Dan kerana ada wakil-wakil negeri dia akan lebih menyeluruh ke seluruh negeri-negeri. Terpulanglah kepada pihak menteri Yang Berhormat menteri untuk memilih wakil-wakil negeri tersebut. Tuan Yang di-Pertua, tugas dan peranan lembaga ini cukup besar.

Puan Mumtaz bin Md Nawi: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apakah pandangan Yang Berhormat adakah wakil-wakil negeri juga akan melibatkan negeri yang diketuai oleh pembangkang? Terima kasih.

Dato' Azian bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, penduduk warga sama ada pembangkang ataupun bukan pembangkang kerajaan adalah rakyat Malaysia. Saya mencadangkan dia menyeluruh tetapi walau bagaimanapun terpulang kepada Yang Berhormat menteri untuk memilih wakil-wakil yang duduk di lembaga ini. Saya melihat Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini memberikan kuasa yang lebih kepada lembaga sehingga saya melihat kepada pindaan ini lembaga boleh menubuhkan syarikat, boleh berniaga sehingga memegang ekuiti, melabur dan sebagainya. Saya ingin mengingatkan dan menyarankan supaya perkara ini dipantau.

Kita tidak mahu lembaga ini melibatkan diri di dalam perniagaan-perniagaan berisiko tinggi seperti main saham bukan melabur tetapi main saham. Pernah berlaku kepada beberapa agensi kita yang kerugian kerana bukan melabur tetapi main saham. Ini mesti dipastikan oleh pihak kementerian apakah jenis perniagaan dan sebagainya. walaupun wujud di atas kelulusan Yang Berhormat menteri, di atas persetujuan Yang Berhormat Menteri Kewangan tetapi masa kini kita yakin dengan menteri kita yang ada. Kita yakin dengan Menteri Kewangan kita ada tetapi kita tidak tahu apa jadi masa akan datang. Perkara ini harus menjadi ingatan kita jangan lembaga ini sibuk berniaga, dia lupa kepada agenda sosial yang sebenarnya yang perlu mereka pikul dan menjadi tanggungjawab mereka.

Di dalam pindaan ini juga saya melihat Tuan Yang di-Pertua ada tiga *authority* yang terlibat, pertamanya lembaga itu sendiri yang kedua menteri tindakannya kita lihat dengan *approval* ataupun dengan kelulusan pihak menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan. Di sini apa yang membimbangkan kita kalau ramai sangat bos sistem penyampaian itu akan mengecewakan. Jadi ini adalah peringatan yang kita sarankan supaya satu perhubungan jaringan yang baik di antara pihak-pihak berkuasa ini dapat diwujudkan. Kita tidak mahu lembaga meluluskan tetapi pihak menteri lewatkan, hantar persetujuan Menteri Kewangan juga lewat dan ini yang selalu menjadi masalah kepada sistem pengambilan. Dengan segala perkara yang saya sebutkan tadi saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Osman bin Bungsu.

11.55 pagi.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 dan juga dalam kuasa melantik anggota lembaga dari kalangan organisasi bukan kerajaan yang mempunyai kepakaran dalam bidang kependudukan, pembangunan keluarga, reproduksi manusia. Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu pelantikan ini memperluaskan tanggungjawab, peranan dan akan meningkatkan pelaksanaan program-program yang telah dilaksanakan. Seterusnya program ini nanti akan dapat meningkatkan kualiti hidup semua kaum yang terlibat seperti mana yang dibahaskan oleh rakan-rakan saya sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dulu saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah dapat mengumpulkan dalam satu majlis hampir 100 ribu dalam hari keluarga. Dalam perhimpunan ini semoga perhimpunan ini dapat mencapai hasrat kesaksamaan *gender*. Saya ingin bertanya adakah sambutan yang dibuat ini melibatkan Orang Asli kerana Orang Asli juga merupakan satu penduduk yang tidak ramai bilangannya tetapi oleh sebab keadaan situasi atau lokasinya yang agak jauh kalau kita tidak melibatkan dengan program sedemikian maka saya rasa kehidupannya yang kita tahu bukan akan bertambah tetapi akan disingkirkan dalam keadaan arus pembangunan.

Jadi kalau ada saya ucapkan tahniah kalau tidak ada kena tambahkan program ini dan bilangan penyertaan di kalangan masyarakat Orang Asli. Kerana saya yakin bahawa program ini akan dapat meningkatkan haknya sebagai seorang wanita dan juga akan menambahkan ilmu pengetahuannya dan secara tidak langsung berlaku *transfer* ataupun pemindahan ilmu keibubapaan kalau ia dijalankan bersama. Saya juga Tuan Yang di-Pertua mencadangkan dalam pemilihan ahli lembaga yang mana saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Azian bahawa yang ada dilantik sembilan orang tidak lebih tetapi kalau perkataan itu dipinda kepada 'tidak kurang', saya amat menyokong kerana saya rasa salah seorang juga daripada Orang Asli perlu duduk di situ.

Orang Asli yang boleh duduk dalam lembaga ini akan memberi idea kerana dia memahami budaya Orang Asli, dia faham perlakuan Orang Asli, sahsiah Orang Asli dan juga sikap Orang Asli dia faham. Jadi kalau ada peluang yang dilantik ini curahan idea seperti mana yang difahamkan oleh Dato' tadi kita mahu pemikir-pemikir yang duduk ini dari berbilang kaum seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Tuan M. Munusamy tadi ada duduknya di dalam berbilang kaum. Kita bukan hendak menjalankan *business* tetapi kita hendak melihat bangsa Malaysia pada tahun 10, 20 tahun akan datang mendapat manfaat jangka panjang, hidup aman harmoni, saling memahami di antara satu sama lain.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat tentang Yang Berhormat ini memanglah wakil daripada Orang Asli. Dan nampak tiap-tiap kali dalam Dewan ini, Yang Berhormat akan mempertahankan atau memperjuangkan nasib Orang Asli. Saya lihat Orang Asli ini, 150 ribu orang, tidak tahulah meningkat kah tidak? Yang saya tahulah, 150 ribu orang. Tadi saya tengok jawapan pada soalan tadi, kalau lima tahun, dah lebih daripada RM100 juta yang dibelanjakan untuk Orang Asli. Kalau 150 ribu orang, dengan RM100 juta ini, tidak akanlah kerajaan masih pinggir lagi Orang Asli ini. Patutnya Orang Asli ini dah boleh hidup sendiri, 150 ribu orang, kita tengok beratus juta. Cara Yang Berhormat cakap, Orang Asli ini masih dipinggirkan.

Adakah dalam kertas sahaja yang ada bajet tetapi peruntukan tidak diturunkan ke bawah? Begitu juga dengan Kementerian Pembangunan Usahawan. Tidak ada langsung aktiviti yang dianjurkan oleh kementerian ini untuk Orang Asli. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Dato' Musa kerana saya rasa dia faham tentang keadaan Orang Asli di Malaysia ini. Sebab itu setiap kali sidang Dewan ini, dalam masa yang terakhir saya bertugas masuk penggal kedua, sudah tentu saya akan membahaskan isu ini. Supaya dalam rancangan-rancangan akan datang, Orang Asli tidaklah kata orang dengar dia punya itu besar tapi ukuran kita ialah bagaimana Orang Asli ini boleh lepas daripada tahap kemiskinan, bagaimana? Supaya sama taraf hidupnya dengan masyarakat, walaupun sikit. Tapi kalau sikit pengurangan kemiskinannya itu kita nampak, saya ingat perlulah kerajaan terpaksa berbelanja untuk melihat bangsa kita dalam Malaysia.

Jadi saya amat setuju pada Yang Berhormat Dato' Musa kerana pihak Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat ini, Orang Asli juga merupakan masyarakat. Jadi apa juga program yang disusun, kita tidak mahu ada agenda orang yang mendapatkan keuntungan, hanya orang yang sepatutnya sasar tidak dapat membangun khususnya Orang Asli. Dia duduk di kawasan pedalaman, kalau hendak dihantar pergi ke Putrajaya ramai-ramai, sudah tentu jauh. *Why not* kita tidak bawa dia dalam satu cadangan tadi, kita bawa dia satu negeri kumpulkan dengan adanya membina satu jaringan kerjasama di antara Jabatan Orang Asli. Jadi peruntukan itu bolehlah dibuat bagaimana peruntukan itu boleh dilaksanakan. Peruntukan itu agak besar sebab saya walaupun kecil, program walaupun sikit tapi perbelanjaannya besar. Tapi kalau perbelanjaannya besar, tapi programnya sikit, itu saya pun tidak tahulah apa akan berlaku.

Jadi saya berharaplah cadangan Yang Berhormat Dato' Musa ini diberi perhatian dalam memperuntukkan bagaimana untuk melihat Orang Asli hidup berkualiti. Dan juga cadangan Yang Berhormat Tuan M. Munusamy ini supaya hak perkahwinan juga, kursus perlu diadakan kepada masyarakat Orang Asli yang mana Orang Asli bukannya semuanya beragama Islam. Untuk makluman, yang beragama Islam tidak lebih daripada 20%, 28% kalau tidak silap saya.

Jadi kalau ini dapat diberi sama, makna kursus-kursus mungkin dengan cara dia dapat dengan kursus pra perkahwinan ini, cara peningkatannya mungkin dia kahwin muda umur 15 tahun lepas sekolah dia dah mula kahwin, itu berlakunya keciciran tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, nak naik Tingkatan Satu kah, atau Tingkatan Tiga, berlaku banyak keciciran.

Jadi kalau ada perkara ini, kursus-kursus ataupun program-program peningkatan minda, peningkatan sosial ini kita dapat mengubah cara gaya hidup sihat yang diamalkan oleh Kementerian Kesihatan, dapat dijalankan bersama oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat. Dengan cara ini semua penduduk Orang Asli pun secara tidak langsung akan dapat menambah pengetahuannya dari segi penduduk. Kita tidak hendak kalau penduduk ramai, tapi kualitinya tidak ada, yang ramainya di pusat serenti, yang ramai di penjara, pun susah juga kita. Jadi kalau ada program-program yang meningkatkan kualiti minda di kalangan masyarakat, khususnya Orang Asli ini juga, saya ingat satu masa akan datang kita akan dapat bersama-sama dalam apa juga program, dalam apa juga peluang yang ada. Dan dapat merebut segala peluang yang difikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya melihat banyak idea-idea yang telah dikemukakan oleh rakan-rakan kita. Jadi dengan ini saya menyokong pindaan akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Nampak ada lagi tiga orang Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian. Dua wanita, satu lelaki, saya bagi wanita dulu, kemudian lelaki, dan kemudian wanita. Silakan Dato' Dr. Norraesah.

12.06 tgh.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang pindaan yang di hadapan kita iaitu suatu akta untuk meminda Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966. Untuk permulaan, saya ingin meminjam mukadimah Yang Berhormat Dato' Azian yang begitu cantik, tepat, yang membantu kita memahami pentingnya akta ini kita luluskan. Kerana asas kepada segala-galanya, *foundation* untuk kemakmuran dan kebahagiaan rakyat jelata bermula daripada keluarga. Dan dengan itu, saya ingin menyokong mukadimah yang telah dipersembahkan oleh beliau kepada kita dan saya ingin memulakan daripada itu, kesinambungan kepada itu.

Kita melihat bahawa negara kita dilanda bermacam masalah sosial yang berkaitan kepada penduduk kita daripada ibu bapa kepada anak-anak. Dan rang undang-undang ini ataupun akta ini bermula pada tahun 1966, dan kemudiannya ianya dipinda pada tahun 1984 apabila ia menjadi undang-undang ataupun akta yang dinamakan *National Population and Family Development Board*. Dan hari ini kita pula akan meminda lagi dan pindaannya sebenarnya adalah merangkumi terutama sekali ialah bidang kuasa lembaga pengarah. Sebab kalau kita teliti akta yang ada ini dan pindaan yang dibuat, objektif *general* keseluruhannya tidak berubah, objektif atau maklumat operasinya juga tidak berubah iaitu matlamat utama ialah untuk

membangunkan kualiti penduduk kita melalui menguatkan lagi dan *improvement* ataupun pembaikan kepada kualiti hidup keluarga itu sendiri.

Matlamat operasi seperti yang kita ketahui dan termaktub di dalam akta ini ialah untuk meningkatkan keibubapaan, *parenting skills*, *skill* keibubapaan untuk meningkatkan nilai keluarga yang positif, untuk memperbaiki *reproductive health* dengan izin, dan lain-lainnya. Dan strateginya juga tidak begitu berlainan daripada yang sudah ada. Cuma saya lihat di sini apa yang berlainan ialah tambahan kepada kuasa lembaga itu sendiri. Dan saya bersetuju dengan pandangan yang telah pun dibentangkan dan dikeluarkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Dato' Azian, pertambahan ialah tentang aspek komersial lembaga pengarah itu sendiri. Tapi sebelum saya masuk kepada aspek komersial yang saya khuatir akan dapat *overwhelmed* dengan izin ataupun mengetepikan kor *business* lembaga itu sendiri iaitu tentang memperbaiki kedudukan keluarga, kualiti hidup keluarga anak-anak dan ibu bapa, kualiti keibubapaan itu, saya khuatir manusia ini kita tahu apabila aspek komersial diperkenalkan

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon pandangan daripada Yang Berhormat sebagai seorang pakar ekonomi. Sekiranya kita tidak menggalakkan badan ini untuk berniaga ataupun membuat aktiviti ekonomi dengan begini sedangkan mereka memerlukan bajet yang tinggi. Sebagai seorang pakar ekonomi berapa peratus kah pendapatan negara perlu ditumpukan untuk bajet bagi pendidikan keluarga sebenarnya? Terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya baru hendak melangkah masuk ke pintu itu. Saya mohon izin daripada Yang Berhormat Senator supaya saya menjawab dalam perbahasan saya kalau diizinkan. Bukan hendak menepis, tapi hendak tunggu aliran dia baik sikit.

Jadi di sini bermaknanya yang terpenting sekali ialah sebelum kita bercakap tentang kualiti hidup penduduk, ibu bapa dan lain-lain, kualiti lembaga pengarah itu sendiri harus kita beri tekanan. Mereka harus komited kepada hasrat, strategi, objektif, matlamat operasi dan matlamat *general* khusus kepada lembaga pengarah itu. Jadi pemilihan ahli-ahli lembaga pengarah adalah sesuatu yang amat penting yang harus diberi perhatian yang khusus. Dan yang tidak harus kita ambil ikut suka hati kita siapa kawan-kawan kita.

Oleh kerana skop tanggungjawab mereka sudah pun bertambah, sekarang ini termasuk pula aspek komersial untuk menambah pembiayaan lembaga. Maka jumlah ahli lembaga sungguh pun saya bertanya dengan Yang Berhormat Azian tadi sama ada *you know the more the merrier* ataupun *the more the cook will spoil the broad*, saya bersetuju dengan beliau supaya ianya ditingkatkan sedikit supaya ianya mengambil kira keperluan lembaga untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab yang baik, lebih baik dan berkesan. Sebab aspek kualiti hidup rakyat memerlukan kepakaran yang lain. Aspek komersial untuk membiayai segala aktiviti dan juga operasi lembaga memerlukan kepakaran yang lain. *A child psychologist* dengan izin, tentu sekali tidak akan dapat membuat pertimbangan yang terbaik, kiraan yang terbaik mungkin untuk

pelaburan, untuk apa jua aspek komersial yang hendak dijalankan oleh lembaga. Maka dengan itu, pertamanya saranan saya ialah untuk mempertingkatkan jumlah ahli-ahli lembaga supaya ia mengambil kira segala *expertise*, segala kemahiran yang seluas mungkin untuk menjalankan tugas yang kian bertambah untuk lembaga.

Keduanya, soal perpaduan adalah satu soal yang amat penting kepada negara kita yang penduduknya adalah penduduk yang majmuk. Maka dengan itu, saya juga ingin menyarankan yang harus kita memberi tekanan bahawa ahli-ahli lembaga juga harus mengandungi *the proportion* yang sebaik mungkin yang sebenarnya melambangkan jumlah penduduk di negara ini. Dan perpaduan itu harus diperlihatkan dengan jelas dan ketara oleh lembaga pengarah, ahli-ahli lembaga itu sendiri. Kalau mereka mula bertingkah, bergaduh di dalam lembaga itu sendiri, *I mean* mereka boleh mempunyai pandangan yang berlainan, bersetuju untuk mempunyai pandangan yang berlainan, tetapi matlamat, objektif mereka harus selari. Dan ini adalah satu tekanan yang harus kita lakukan. Perpaduan harus bermula daripada lembaga, harus digambarkan sebagai sesuatu yang sebaik-baik mungkin yang akan terdapat, teras itu adalah sesuatu yang tidak dapat sesiapa pun menafikan adalah sebagai yang terbaik, yang melambangkan perpaduan dalam negara kita ini. Yang ketiga iaitu soal perpaduan, lembaga harus menjadi lambang yang utama.

Ketiga, soalan saya ialah apakah di antara objektif Lembaga ini? Pada tahun 1984, kita menerima saranan supaya *population* kita iaitu penduduk kita ialah berjumlah 70 milion. Ketika itu, jumlah pekerja kita dan *demographic position* negara kita ialah menurun maka kita tidak mempunyai jumlah penduduk yang mencukupi untuk mengambil kira pekerja-pekerja yang diperlukan dalam negara yang memerlukan ramai pekerja. Kita dalam proses perindustrian dan proses menukar dari *agriculture base* kepada perindustrian dan lain-lainnya.

Maka kita kenakan satu azam umpamanya ialah untuk mendapatkan ahli penduduk jumlahnya 70 milion. Tetapi kalau kita lihat pada 70 milion Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna dengan izin, *total fertility rate* kita sehingga tahun 2100 ialah satu kadar yang menurun. Adakah kementerian iaitu kerajaan masih memegangkan kepada ini? Ini satu persoalan saya yang hendak saya kemukakan kepada kementerian iaitu kalau kita memegang pada 70 milion pada tahun 2100 maknanya *total fertility rate* kita ialah menurun 0.01 tiap-tiap lima tahun. Ini adalah satu sasaran yang mungkin kita hendak melihat semula supaya ia menjadi sesuatu yang harus kita ubah.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak kluatir di antara kluatir dan senang hati bagaimana hendak mendapatkan satu *balance*, keseimbangan di antara keduanya? Apabila tugas dan tanggungjawab Lembaga sekarang ini diperluaskan kepada aspek komersial, kita lihat bahawa contoh-contoh yang sudah pun kita lihat pada masa-masa yang lampau apabila aspek komersial itu diperkenalkan, maka orang-orang menjadi lebih gah untuk mempertingkatkan peranan dan juga prestasi mereka dalam aspek komersial *business*.

Maka kita harus memantau dan menjaga agar *core-business*, tugas yang terpenting Lembaga itu tidak tergelincir daripada landasan. Bagaimanakah kita hendak menentukan bahawa ke gelinciran ini tidak akan berlaku. Maka jawapan saya kepada soalan ataupun celahan daripada Yang Berhormat iaitu peratusannya tidak dapat kita tentukan. Namun kita harus melihat daripada tahun pertama, tahun kedua dan tahun ketiga bagaimana Lembaga dapat menyesuaikan tugas dan tanggungjawab mereka untuk mendapatkan pembiayaan yang sebaik mungkin *raise fund* dengan izin, dan juga menjalankan tugas operasi dan aktiviti *core-business* mereka dapat dijalankan dengan baik.

Maka saya rasa dalam kita menyebutkan tentang modal insan dalam RMK-9 dan tentang pentingnya budaya perpaduan itu ditanamkan kepada penduduk kita. Saya yakin dan saya rasa kita semua bersetuju agar jumlah peruntukan kepada kementerian di bawah khusus untuk Lembaga ini akan tentu sekali ditingkatkan tahun demi tahun. Sebab ini adalah sesuatu yang fundamental kepada kita, dalam negara kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu lagi sahaja subjek iaitu bila kita ada aspek, kita perkenalkan aspek komersial di dalam Lembaga, satu *advisory council* ataupun satu badan penasihat untuk pelaburan akan diwujudkan. Sebaiknya ialah kita harus ada *advisory panel on investment* dengan izin untuk menentukan bahawa segala pelaburan yang dilakukan adalah terbaik untuk Lembaga.

Akhir sekali saya hendak merujuk kepada *paragraph 4F* iaitu *vacation of office*. Saya rasa ini adalah satu *tourism* kalau saya boleh gunakan perkataan ini dengan izin, *the office of a member of the Board shall be vacated*. Saya rasa yang pertama itu Tuan Yang di-Pertua adalah *redundant and irrelevant*. Sebab disebut *if he dies*. Kalau dia mati memanglah dia kena *vacate* tempat itu.

So, saya rasa ini adalah sesuatu yang tidak payah masuklah dalam akta ini sebab kita buat rugi muka surat sahaja. Kos pun naik sedikitlah kita tambah satu *line*. *The office of a member of the Board shall be vacated, (1)(a) if he dies*. Itu sekalilah kan. Saya rasa mungkin automatik, kalau mati macam manalah dia hendak pegang lagi jawatan itu. Jadi dengan pandangan-pandangan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong yang penerimaan akta ini.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum daripada itu, boleh saya tahu berapa orang lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini? Empat lagi? Saya kalau boleh cuba supaya rang undang-undang ini kalau boleh kita selesaikan sebelum pukul 1.00 tengah hari ini. Silakan Yang Berhormat Tuan Ahmad Husin.

12.22 tgh.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk sama membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Penduduk dan Pembangunan

Keluarga 1966. Saya terpenggil untuk membahaskan kerana pada pagi tadi saya nampak Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mencetuskan satu polemik khususnya pada orang lelaki yang dalam *inverted comma*. Sebab itulah saya ingin bersama-sama. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasihlah kerana ada pindaan kepada akta yang lepas untuk memperkemas, memperkukuh dan memberi impak yang lebih berkesan kepada akta itu.

Ada beberapa perkara yang hendak saya sentuh di sini iaitu yang saya sentuh semalam tentang *sovereign* atau kedaulatan yang mana perkataan ini sangat bermakna kerana di sinilah terletak maruah, martabat, kredibiliti dan *accountability* rakyat kepada negara. Saya sebut tentang untuk menjadi sebuah negara yang *sovereign* mestilah ada penduduknya. Yang kedua wilayahnya dan yang ketiga mempunyai perhubungan antarabangsa dan sangat tepat dengan akta ini kerana akta ini membincangkan soal manusia iaitu penduduk dan pembangunan keluarga.

Saya bersetuju sangat-sangat dengan apa yang telah dibincangkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang manusia, insan yang akan menduduki sebagai *Board of Director* baik *Chairman, Deputy Chairman* dan Ahli Lembaga yang mana mereka-mereka ini mempunyai tugas yang amat penting dan amat mustahak kerana daripada mereka inilah yang akan menentukan arah tuju penduduk di negara kita dalam arus untuk melaksanakan Misi Nasional ke arah mencapai wawasan negara. Supaya fokus menuju era kecemerlangan, era kegemilangan dan terbilang tercapai menjelang Wawasan 2020 nanti.

Dan ada disebut oleh Yang Berhormat janganlah pula pemilihan ini kerana kroni. Kerana dalam negara telah pun kita bahas lama tentang perkara diskriminasi, kroni, rakan taulan dan sebagainya. Kalau boleh pada hari ini kita selesaikan agenda ini tetapi biarlah kriteria yang kita pilih nanti benar-benar mereka yang mempunyai kewibawaan, profesional-profesional yang betul-betul layak, teruji dan mereka ini mereka yang amanah, bertanggungjawab, mempunyai nilai inspirasi nasional yang betul-betul menjadi hamba pada Allah S.W.T dalam hendak menolong supaya negara Malaysia mencapai Wawasan 2020.

Harus kita tidak lupa bahawa kesemua mereka ini mestilah mempunyai tanggungjawab bersama atau apa yang disebut *collective responsibility* seperti mana yang terdapat dalam Perlembagaan Perkara 43(3). Saya ingin menyentuh Tuan Yang di-Pertua, tentang kuasa. Saya cukup bimbang sebab dalam negara, dalam Perlembagaan sendiri telah tertulis tentang apa yang disebut sebagai pengasingan kuasa atau dengan izin, *the separation of powers* antara kuasa-kuasa eksekutif, kuasa *legislative* dan kuasa *judiciary*. Kalau kita tengok dalam akta ini, akta ini telah menggabungkan tentang pentadbiran, pengurusan dan perniagaan.

Di sinilah harus kita berhati-hati melihat tentang berapa banyak dan berapa peratus pengurusan pentadbiran untuk mengimarah ummah dengan perniagaan? Saya berharap kementerian melihat secara globalisasi dan secara menyeluruh sebelum hendak dibuatkan modus operandinya tentang hendak laksanakan perkara-perkara ini supaya pelaksanaan

berkesan. Bukan sahaja siap, tetapi berkesan. Yang menjadi masalah kita ialah siap tetapi tidak berkesan dan tidak ada impak sebab itulah masih lagi soal-soal gejala sosial menghantui fikiran rakyat negara ini.

Saya hendak cadangkan tentang perniagaan tentulah akan wujud *subsidiary company*. Kalau boleh berniaga tetap berniaga, tetapi kalau boleh satu perempat peniaga kerajaan *pump in* tiga perempat jadi selesa sedikit *Board of Director*. Pegang-pegang jawatan hendak menyerah, pegang-pegang jawatan, eh, berapa *percent*? *You* berapa *percent*? Ini masalah. Dalam tender pun, / berapa *percent*? Ini sudah menjadi bukan lagi omong-omong kosong.

Ini realiti, ini sebab meniaga. Kita boleh tanya ahli-ahli perniagaan dalam Dewan ini. Kalau tender sahaja, dah agihan dah. *Percent* dah mula timbul dah. Mesti perkataan tender dan *percent* dia jalan sekali. Dia tetap orang kata "irama dan lagu tak boleh dipisahkan", Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya cukup pada hari ini saya dengan suci hati, dengan ikhlas saya minta supaya kementerian dapat melihat perkara ini supaya dia tidak bercanggah dalam arus perdana kita nak bawa kementerian ini untuk membina insan, untuk wujudkan jati diri. *The towering Malay, first class. The towering Malaysia, the first class Malaysian.*

Jangan dah nasi jadi bubur sebelum apa-apa lagi, sebelum kita nak basuh beras tadi, kita dah ingat dah sukatan-sukatan yang tepat, jitu dan betul-betul kena dengan tahap kepiawaiannya. Saya harap kementerian menggunakan merit atau apa yang dikatakan meritokrasi dalam hal ini, ukur betul-betul yang terbaik, pilih yang terbaik. Dalam Dewan ini pun ada yang terbaik. Kita jadi mungkin boleh menjadi *board of director* dalam ini. Tengok senyum, senator-senator pun senyum. Dia tahu, boleh. Yang ada amanah dan kita kenal dan..

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan. Minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Husin: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat tahu harga diri untuk duduk dalam Lembaga ini? Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat macam ini lah. Jawapannya mudah. Bila kita bercakap ini, kita kena yakin bahawa ini kita bercakap untuk pemimpin-pemimpin yang lain, yang mempunyai kredibiliti yang lebih baik, yang terbaik daripada kita hendaklah dipilih. Tetapi kalau tak ada macam kita lah, Senator negeri-negeri. Dua orang, Tuan Yang di-Pertua. Jadi makna kita jangan minta. Tetapi kalau dah tak ada, kita lebih baik daripada yang ada. Tetapi kalau ada, kita kena beri laluan sebab kita pemimpin. Ini pendudukan masyarakat atau penduduk kita kena harus lihat kepada kriteria-kriteria ini.

Jangan kita sendiri bila benda yang baik untuk mendapat keuntungan, untuk meniaga, kita dulu. Tetapi bila nak buat kerja, kita ke belakang. Jadi, kriteria ini saya nampak cukup membimbangkan jika tak kena dengan caranya. Tapi kalau kita dapat manusia-manusia yang baik, insan-insan yang baik, maka saya rasa tidak ada masalah untuk mewujudkan sebuah

negara yang membangun sebelum 2020. Ini kementerian atau Akta ini akan menentukan kita nak percaya atau tidak dan kementerian ini mempunyai tanggungjawab yang berat, kena insaf benda ini. Kena sahaja manusia-manusia ini, eloklah. Kalau tak kena, tak eloklah dia.

Dalam bajet, untuk bina insan sebanyak RM33.4 bilion. Ini peruntukkan yang tinggi bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan modal insan. Jadi kalau dah sebanyak ini duit, meniaga itu sikit sahajalah. Jelas. Ini telah pun dibentangkan oleh Perdana Menteri pada 1 September 2006 di Dewan Rakyat. Jadi, lonjakan perdana pembangunan luar bandar dan juga pembasmian kemiskinan tegar untuk penduduk-penduduk ini sudah terjamin. Cuma cara, kaedah, teknik, *approach* nak tolong orang luar bandar. Itu sahaja yang kena difikirkan oleh kementerian. Maksudnya Kementerian Luar Bandar termasuk Kementerian Pembangunan Keluarga dan kementerian-kementerian yang berkaitan.

Kalau dilihat pada satu kajian Tuan Yang di-Pertua, masa depan keluarga dan negara. 88% rakyat Malaysia berpendapat, masa depan negara akan bertambah baik. Sementara 92% rakyat Malaysia yakin masa depan keluarga mereka juga semakin baik. Kajian yang dijalankan oleh Yayasan Kajian dan Strategik Melayu atau YKSM di seluruh negara pada September 2006, yang melibatkan 1,327 responden bertujuan untuk mengetahui pandangan rakyat Malaysia terhadap persepsi masa depan keluarga dan negara. Daripada hasil kajian itu, 8.8% rakyat Malaysia berpendapat masa depan negara akan bertambah baik, manakala 12% lagi kurang yakin mengenai masa depan negara. 92% responden berpendapat masa depan keluarga mereka juga bertambah baik. Hanya 8% lagi kurang yakin.

Kita melihat angka-angka kajian ini, kalau orang kampung kata sedap duduklah. Makna kita rasa selesalah, kita rasa masa depan cerahlah. Barisan Nasional pun akan cerahlah tahun sekali lagi. Jadi, ini termasuk dalam kira bicara akta ini. Dan satu lagi, saya ingin membawa satu perkara yang disebut tentang masalah-masalah yang menyebabkan berlakunya perpecahan, kegoyangan dan juga masalah sosial di dalam negara. Mana puncanya, apa sebabnya, apa kaedahnya. Akta sudah ada, tapi modus operandi, saya nak masuk sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Pertama sekali tentang ibu bapa kita dahulu. Apakah kedudukan, apakah pemikiran, apakah *mindset* ibu bapa kita dahulu dalam bahasa yang mudah Tuan Yang di-Pertua, ibu bapa kita dahulu sewaktu menghadapi gelombang hidup yang kadang-kadang berbahaya, mereka berdoa, menadah tangan ke langit agar dimakbulkan doa supaya anak-anak mereka menjadi orang berguna, masuk universiti, tidak pernah ibu dan ayah mengeluh kerana sakit dan demam.

Mereka tidak tahu apa itu demam. Kalau sakit sekalipun, mereka tetap bekerja. Tiap-tiap waktu mereka bekerja, kerana itu lah rezeki yang mereka cari untuk menanggung keluarga. Itu adalah sifat-sifat yang ada dan adakah sifat-sifat itu wujud sekarang, sebagaimana ibu bapa kita yang mempunyai *mindset* yang sekolah pun tak tinggi. Ada yang tak pergi sekolah. Kalau dah 50-60 tahun dahulu, adakah begini manusia yang ada dalam zaman ini? Inilah yang disebut

kekebalan, immuniti dalam diri manusia. Dan ini lah saya harap kementerian cari jalan, kaedah bagaimana nak wujudkan immuniti, kekebalan dalam diri, dalam semua aspek hidup.

Dan bagi isteri yang solehah, ada hadis menyebut Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja lagi. Wanita solehah itu ialah menunaikan lima waktu, berpuasa bulan Ramadhan, menjaga kehormatannya dan taat kepada suaminya, maka dia akan masuk Syurga. Ini hadis. Kemudian, suami pula. Suami yang baik, dia mesti seorang yang boleh memimpin rumah tangga penuh tanggungjawab dengan melahirkan kasih sayang terhadap isteri dan anak-anak dengan sempurna. Tahap yang ketiga ialah pada anak-anak itu sendiri.

Cara jadi anak yang soleh. Firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Israq ayat 23 sampai 24. Maksudnya, "Tuhan mu telah memerintah supaya pertama, menyembah Allah, yang kedua hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa jika mereka sudah tua, dan berada di dalam peliharamu. Jangan kamu kata "Ah" atau "Cis", jangan tengking mereka. Ucapkan ucapan kata-kata lembut, lembut dan sopan, rendah diri, tawaduk kepada mereka. Doa kepada Allah, "Ya Allah, ampunilah mereka dan kasihanilah mereka bagai mereka mengasihi ku ketika aku kecil."

Dengan adanya dua aspek ini ditumpukan oleh kementerian dan kerajaan keseluruhannya, maka akan hilanglah apa yang disebutkan gejala Mat Rempit, *black metal*.

Tuan Ismail Kasim: Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Perlis. Saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat telah menerangkan dengan panjang lebar berhubung dengan isteri solehah, anak solehah dan sebagainya. Tetapi peranan suami tidak diperjelaskan, suami mithali. Kerana saya lihat Rang Undang-undang Penduduk dan Pembangunan Keluarga (Pindaan) 2006 ini dia merupakan pindaan yang kecil dan bersifat *administrative* sahaja. Kerana antara lain ialah untuk memperkasa Lembaga Penduduk dan Keluarga itu sendiri.

Jadi kalau kita lihat kalau hanya dua tempat tapi tunjang yang sebenarnya adalah terpikul di bahu suami yang kita lihat sekarang ini merupakan di antara perkara yang mendasari dan juga perkara-perkara penting yang dititikberatkan oleh pihak kementerian sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Tuan Ahmad bin Husin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya dah nak tutup dah, bagus dah nak *landing* dah. Yang Berhormat tanya saya sikit lagi. Kita ayat dia mudah sahaja Tuan Yang di-Pertua. Bila kita dilahirkan sebagai wakil, atau sebagai *representative*, dan kita sebagai khalifah. Ini bermakna jelas; tugas, tanggungjawab afdalnya nombor satu sekali ialah lelaki lah. Itu *confirm*. Bila dah air di hulu dah jernih, air di hilir pun akan jernih. Kalau butang di atas silap satu, butang di bawah pun senget.

Dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Datin Paduka Nor Hayati.

12.45 tgh.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat jam sudah 12.45 saya cuba habiskan sebelum pukul 1.00. Saya amat bersetuju dengan rakan-rakan yang lain, tadi sebenarnya telah banyak membawa isu-isu mengenai lembaga pengarah yang seharusnya dilantik supaya lebih daripada sembilan jika boleh, namun kita harap supaya mereka yang dilantik ini berwibawa dan juga meletakkan kepentingan kebajikan lebih daripada kepentingan diri sendiri.

Begitu juga rakan saya sebelah tadi Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah mengatakan, bahawa satu yayasan penasihat harus diwujudkan bagi mengendalikan pengendalian *investment* bagi pihak yayasan dan *board of directors*. Saya merasa Rang Undang-undang Penduduk dan Pembangunan Keluarga (Pindaan) 2006 ini merupakan pindaan yang kecil iaitu bersifat *administrative*, bertujuan memperkasa lembaga penduduk dan juga keluarga. Kerajaan telah menyediakan sebanyak RM842.5 juta untuk program pembangunan keluarga dan masyarakat iaitu peningkatan sebanyak RM103.7 juta daripada RM738.8 juta.

Daripada jumlah itu 55% disediakan untuk program perkhidmatan kebajikan termasuk penjagaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga tua manakala 45% diperuntukkan bagi program pembangunan keluarga dan masyarakat. Kursus Pra Perkahwinan akan dilaksanakan secara meluas, begitu juga dengan dasar pembangunan dan penjagaan awam kanak-kanak juga akan digubal bagi menyediakan rangka kerja dasar bagi memastikan pembangunan kanak-kanak secara keseluruhannya menepati keperluan dan hak mereka.

Akta Orang Kurang Upaya juga akan digubal bagi meningkatkan akses golongan itu terhadap pendidikan dan latihan vokasional. Kerajaan juga menubuhkan unit MAYANG, iaitu sebuah unit kebajikan bergerak yang menyediakan kemudahan kaunseling untuk warga tua, bagi mendedahkan mereka kepada pengetahuan psikologi dan kemahiran diri dalam membantu menangani perubahan berkaitan penuaan, juga latihan dalam pelbagai bidang seperti pengurusan konflik dan kaunseling akan dijalankan bagi membolehkan anggota masyarakat menangani cabaran dalam masyarakat.

Bagi mengukuhkan kerjasama dan meningkatkan persefahaman kaum, kerajaan akan membangunkan profil penduduk di kawasan perumahan bagi memastikan pendekatan sistematik dilaksanakan ke arah merancang kegiatan dan pelaksanaan inisiatif untuk membangunkan masyarakat. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertanggungjawab sepenuhnya melaksanakan empat teras program strategik bagi memupuk pembangunan keluarga dan masyarakat iaitu:-

- (i) memperkukuh institusi kekeluargaan ke arah membentuk masyarakat yang lebih penyayang dan berdaya tahan;

- (ii) memperkukuh sistem penyampaian sokongan sosial, menggalakkan penglibatan yang lebih besar masyarakat tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan NGO dalam usaha pembangunan sosial; dan
- (iii) meningkatkan pembangunan masyarakat dan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Akta Perlindungan Kanak-kanak 2001, mengenai pelacuran kanak-kanak.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta kalau boleh kita tumpukan lebih spesifik kepada rang undang-undang ini. Kalau ada perkara-perkara lain berkaitan dengan kementerian boleh kita bahas semasa perbahasan belanjawan minggu depan nanti kerana kita mempunyai banyak masa pada masa itu.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Sedikit sahaja kerana ini isu semasa, saya ingin bercakap sedikit sahaja mengenai ini. Sedih dan marah, itulah reaksi pelbagai pihak berhubung pendedahan mengenai pembabitkan lebih kurang 4,000 kanak-kanak termasuk seawal usia sembilan tahun dalam kancah pelacuran di seluruh negara. Walaupun Kementerian Keselamatan Dalam Negeri serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberi jaminan akan mengambil tindakan segera bagi menangani isu ini, apa yang jelas masalah ini wujud dan kepincangan masyarakat kita amat ketara.

Sebagai seorang ibu saya amat sedih, sebagai seorang wanita saya amat marah apabila mendengar kanak-kanak itu dipaksa menjadi pelacur kerana ia membabitkan maruah diri serta tidak bersifat kemanusiaan dan kanak-kanak ini tidak memilih untuk menjadi sedemikian rupa. Saya sarankan kepada mereka yang berwajib agar memberikan perlindungan untuk pelacur kanak-kanak itu mengikut Akta Perlindungan Kanak-kanak 2001 dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kajian juga menunjukkan bahawa usia bapa ayam atau individu yang mengawal pelacur kanak-kanak juga semakin muda iaitu di antara 18 hingga 20 tahun. Kajian bertajuk '*Kanak-kanak dan Pelacuran*' turut menemui kes pelacuran yang diwarisi sesebuah keluarga selama tiga generasi sejak sebelum merdeka iaitu daripada ibu, anak seterusnya kepada cucu.

Mengikut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, 4,315 kes kanak-kanak berusia di bawah 18 tahun terbabit dalam pelacuran antara tahun 1995 hingga 1999 dan jumlah itu adalah kes yang berjaya diselamatkan. Gerakan bersepadu di antara kerjasama pihak berkuasa perlu dirangka untuk menyelamatkan kanak-kanak terjebak dalam kegiatan tidak bermoral ini. Saya yakin Akta Perlindungan Kanak-kanak dapat membantu melindungi kanak-kanak ini. Namun demikian walaupun Akta Perlindungan Kanak-kanak sudah cukup menyeluruh, tetapi tiada tindakan efektif dari pihak berkuasa walaupun sarang pelacuran diketahui umum.

Saya menggesa pihak berkuasa seperti polis, Jabatan Imigresen, JKM, media dan masyarakat mengubah persepsi terhadap pelacur yang sebenarnya adalah mangsa kezaliman bapa ayam dan kerakusan pelanggan. Selepas menarik mereka keluar daripada kegiatan ini,

kerajaan perlu memastikan kanak-kanak terbabit selamat menjalani kehidupan normal termasuk mengatur pelbagai program pemulihan akhlak. Dalam hal ini rumah perlindungan kanak-kanak wajar ditambah untuk memastikan nasib golongan ini terbela.

Yang saya hendak bawa hari ini ialah mengenai bapa ataupun lelaki. Bapa ayam ini adalah lelaki dan pelanggannya juga adalah lelaki. Kita kena bertanya mengapa lelaki melakukan perkara ini kepada kanak-kanak. Masanya sudah tiba untuk kita bertindak terhadap bapa ayam dan pelanggannya kerana adanya permintaan maka adanya pelacur kanak-kanak. Sudah tiba masanya kita bertindak, kaum lelaki perlu menghormati kaum wanita dan tidak menilai wanita sebagai objek seksual semata-mata.

Saya kecewa kerana negara kita maju tetapi kaum lelakinya tidak memiliki keperibadian dan budaya berminda kelas pertama. Oleh sebab saya banyak lagi hal yang saya rasa boleh dibawa dalam perbekalan, saya rasa saya akan berhenti ucapan saya di sini dan saya akan sambung dalam perbekalan kerana banyak menyentuh akta-akta yang lain. Sebelum saya akhiri saya ingin menyokong akta ini bersama dengan rakan yang lain dengan semua yang telah disokong oleh rakan-rakan tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Hajah Sharifah Azizah.
12.53 tgh.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian sedikit kerana masa lebih kurang tujuh minit.

Pertama-tama izinkan saya mengucapkan tahniah kepada kementerian yang mana LPPKN hari ini telah memainkan peranan yang lebih baik, lebih cekap kalau dibandingkan sebelum Akta 1966 digubal kerana pada sebelum ini LPPKN hanya dikenal sebagai satu jabatan yang memberikan pil perancang kepada kaum wanita untuk merancang keluarga mereka.

Nasib saya baik pada ketika itu emak saya adalah merupakan seorang yang penerima nasihat kepada LPPKN, dia makan pil perancang Tuan Yang di-Pertua kalau tidak hari ini saya ada lima adik kerana emak saya makan pil perancang, atas nasihat LPPKN inilah maka saya jadi anak bongsu hari ini kalau tidak adik-beradik saya 15 orang.

Tuan Yang di-Pertua, keberkesanan kementerian ini ataupun keberkesanan peranan LPPKN ini mungkin kerana pentadbirnya ataupun kepimpinannya hari ini dipegang oleh seorang wanita dari segi kita dengar tadi pagi, dari segi beliau menjawab soalan-soalan yang dikemukakan, kepetahan dan kebijaksanaan beliau, saya percaya dan yakin kementerian ini akan lebih berjaya dan dapat berdaya saing dengan lain-lain kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, LPPKN yang tugasnya menjurus kepada tiga keutamaan:

- (i) memberi perkhidmatan kesihatan reproduktif, iaitu kempen menjaga kesihatan;

- (ii) kempen untuk memberikan maklumat yang terkini kepada orang ramai tentang kesan awal kanser dan *pap smear*;
- (iii) memberikan penerangan dan menghilangkan perasaan trauma kaum wanita apa itu menopaus sebenarnya.

Jadi inilah antara peranan utama yang dimainkan oleh LPPKN, dan sejauh manakah kempen penjagaan kesihatan ini terutamanya kepada masyarakat luar bandar telah dapat diperluaskan kerana kalau pun hari ini cadangan daripada LPPKN supaya kita tubuhkan lembaga, sebanyak mana pun lembaga pengarahnya, tetapi kalau *delivery system* nya masih lagi di takuk yang lama, saya percaya perancangan yang dibuat oleh kementerian tidak dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Yang kedua peranan yang dimainkan oleh kementerian adalah penyediaan maklumat kependudukan, yang mana ianya memainkan peranan yang penting, kalau seseorang hendak membuka kilang dia hendak tahu macam mana keadaan kependudukan di kawasan setempat itu. Jadi inilah di antara peranan yang dimainkan oleh LPPKN. Adakah pihak kementerian rasa bahawa penyediaan maklumat kependudukan ini benar-benar dikaji secara terperinci atau hanya dihantar laporan atas meja, kerana hari ini masalah perjawatan dalam LPPKN masih belum dapat diatasi dan kekurangan kakitangan sebenarnya menyumbang kepada laporan yang tidak tepat.

Saya ingin mencadangkan lebih banyak kajian setempat berkaitan penduduk dibuat agar permasalahan di peringkat akar umbi dapat dikenal pasti dan usaha untuk memajukannya lebih spesifik secara berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga menjalankan program pembangunan keluarga. Saya ingin mencadangkan supaya kementerian dapat menambahkan peruntukan dalam menjalankan program-program sebegini. Kita tahu hari ini banyak program yang telah dapat dilaksanakan oleh kementerian, tetapi kadang-kadang sasarannya itu hanya kepada wanita yang tidak pernah degil selama hari ini.

Jadi kita mencadangkan supaya peruntukan yang lebih dapat diberikan bukan hanya program untuk wanita, program untuk memulakan hidup baru dalam keluarga, tetapi program keutamaan diberikan kepada kaum bapa kerana hari ini permasalahan apa pun yang timbul kalau kita kaji, kaji sebenarnya datang daripada ketua sesebuah keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada lagi dua minit tetapi saya kasihkan Yang Berhormat Tuan Haji Tajul, maka inilah tiga peranan yang dimainkan oleh LPPKN yang harus diperbetulkan oleh kementerian, yang harus dikentalkan lagi dia punya kewajipan dia supaya apa yang dirancang oleh kementerian dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Jangan kita fikir hendak tambah lembaga, masing-masing semua suka jadi lembaga. Tambah pula dibagikan idea dia dalam lembaga, lembaga pengarah, diberi pula *city* elaun, semua orang suka, tetapi hanya duduk memanaskan kerusi, tidak dapat memantau tugas-tugas

di bawah pun tidak guna. Jadi kita harap bahawa kementerian, selain daripada saya setuju dengan cadangan yang dibuat oleh kementerian, tetapi saya juga mengharapkan supaya kementerian sentiasa menitikberatkan bahawa *delivery system* ini amat penting, bahawa kakitangan yang tidak cukup bukan sahaja dia mesti ada di peringkat negeri, daerah malahan kalau boleh dipanjangkan kepada kawasan-kawasan DUN supaya ianya dapat dimanfaatkan oleh semua masyarakat. Sekian, dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, sudah habis ucapan tadi. Ya silakan Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus.

12.59 tgh.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab masa agak tinggal dua minit lagi, saya ingin membuat kesimpulan bahawa dalam pindaan ini perkara yang lebih penting saya berpendapat bahawa adalah peranan wanita itu sendiri. Oleh sebab kita tidak boleh lari daripada perkara asas iaitu dalam soal pendidikan anak-anak, ibulah yang memainkan peranan yang penting seperti mana kata, "Tangan yang mengayun buaian itu boleh menggegarkan dunia". Dalam konteks inilah wanita khususnya kaum ibu tidak boleh lagi lari daripada memberi tanggungjawab anak-anak itu kepada orang lain, lebih-lebih lagi dalam dunia yang hari ini masyarakat yang dilanda dengan berbagai masalah sosial seperti keganasan, dadah, HIV dan sebagainya.

Maka wanita yang menjadi ibu perlulah peka kepada keadaan ini, dan memperkasa diri supaya dalam memainkan peranan sebagai menjaga anak ini mereka akan memainkan peranan yang lebih berkesan. Lebih daripada itu dalam kita mengejar soal kebendaan materialisme ini ibu tidak boleh lari daripada meletakkan penjagaan anak sebagai perkara yang utama. Selain daripada itu saya juga ingin menarik perhatian kepada masyarakat untuk memberi rasa simpati kepada masalah keluarga khasnya penderaan kaum ibu dalam soal menanggung beban yang besar, menjaga anak, kadang-kadang kita rasa simpati malah memerlukan pembelaan kepada ibu-ibu yang didera sama ada dari segi fizikal, mental ataupun seksual. Kaum bapa hari ini tidak lagi boleh memainkan peranan secara tradisi...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nampaknya Yang Berhormat banyak lagi perkara yang hendak ditimbulkan.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Ada seminit lagi, ataupun setengah minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: *Okay.*

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Bapa hari ini perlulah menjadi, memainkan peranan bukan sekadar menyediakan kemudahan keperluan tetapi juga *role model*. Dengan itu saya menyokong pindaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat untuk menggulung.

2.30 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

[Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Penduduk dan Pembangunan Keluarga Pindaan 2006. Sesungguhnya KPWKM menghargai semua pandangan, saranan, cadangan mahupun teguran Ahli-Ahli Yang Berhormat tersebut.

Pertama sekali saya ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan yang mana adalah seorang peguam yang bijak dan banyak pengalaman. Seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan, dan juga Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah sebenarnya pindaan akta ini memperkemas, memperjelas serta memantapkan fungsi-fungsi lembaga kuasa diberi kepada menteri untuk melantik ahli-ahli lembaga yang berkelayakan dan profesional. Untuk makluman Yang Berhormat selain Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ketua Pengarah LPPKN, keahlian Lembaga Pengarah terdiri daripada:

- (i) 9 orang wakil dari kementerian berkenaan contoh Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran dan EPU;
- (ii) 9 orang wakil bukan kerajaan yang mempunyai kepakaran dalam bidang perbidanan dan sakit puan (O&G), kekeluargaan, komunikasi, demografi, psikologi dan lain-lain.

Manakala mengenai isu pembatalan pelantikan Ahli Lembaga oleh Menteri, akta ini memperuntukkan asas-asas pembatalan keahlian seperti:

- (i) gagal hadir ke mesyuarat tiga kali berturut-turut;
- (ii) sekiranya di isytihar mufliis; dan
- (iii) dipenjarakan.

Jika seorang ahli tidak berpuas hati dengan pembatalan pelantikan beliau boleh mencabar tindakan pembatalan keahlian itu di mahkamah.

Mengenai pandangan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, mengenai *redundancy* dengan izin di antara seksyen 4E(2) dengan Seksyen 4F(1)(g) rang undang-undang tersebut memperuntukkan perkara-perkara berikut:

- (i) kedua-dua peruntukkan ini hendaklah dibaca bersama;

- (ii) kepentingan negara mengatasi kepentingan individu;
- (iii) jika seorang ahli ingin hendak meletak jawatan, peletakan jawatan itu hendaklah dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri; dan
- (iv) menteri akan mempertimbangkan sebab-sebab peletakan jawatan sebelum ahli itu dibenarkan meletak jawatan.

Oleh itu, peletakan jawatan di bawah pindaan seksyen 4E Akta Pindaan ini tertakluk kepada perenggan 4F(1)(g)). Seksyen 4E menjelaskan proses sekiranya seseorang ahli tersebut ingin meletak jawatan daripada menjadi Ahli Lembaga manakala seksyen 4F pula menjelaskan keadaan-keadaan di mana kerusi seseorang ahli itu akan menjadi kosong dan kuasa menteri untuk melantik individu lain sebagai Ahli Lembaga yang baru.

Yang Berhormat Dato' Azian bin Othman membangkitkan keahlian, apa sebab dikurangkan dari 10 orang kepada 9 orang. Sebenarnya jumlah keahlian adalah sama iaitu 22 orang. Di bawah akta sedia ada terdapat seorang Pengerusi, seorang Ketua Pengarah, 10 orang ahli wakil kementerian atau jabatan kerajaan dan 10 dari orang awam. Di bawah pindaan juga terdapat 22 orang. Seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, Ketua Pengarah, Ketua Setiausaha Kementerian, 9 wakil kementerian atau jabatan dan 9 orang dari orang awam. Oleh itu jumlah keahlian Lembaga adalah tetap sama 22 orang. Jumlah keseluruhannya adalah 22 orang untuk Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu. Bilangan ini dirasakan mencukupi untuk mewakili semua sektor kesihatan, pelajaran, belia dan lain-lain profesion negeri dan lain-lain. Wakil dari Orang Asli akan dipertimbangkan.

Cadangan Yang Berhormat Dato' Azian bin Othman supaya ada wakil dari Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi. Untuk makluman Yang Berhormat telah pun menjadi wakil tetap Lembaga. Cadangan penubuhan anak syarikat akan memberi kuasa untuk menjana pendapatan yang digunakan semula untuk menjalankan program perkhidmatan. Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat khuatir siapakah Ahli-ahli Lembaga yang telah dilantik. Untuk makluman Yang Berhormat beri contoh dari NGO salah seorang ialah Yang Berbahagia Dato Dr. Johan Tambun bin Abdul Malik iaitu Konsultan O&G Hospital Tawakal. Untuk usia emas, kita ada Yang Berbahagia Datuk Abdullah bin Malik Baginda. Untuk Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran kami ada Profesor Madya Tee Nai Pin. Encik Lee Wee Min dari Focus On The Family dan lain-lainnya. Ini bermakna kita telah ambil kira komposisi pelbagai kaum.

Tentang Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad membangkitkan tentang seksyen 4F(1) *the office of a member board shall be weaken if he dies*. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' memang benar saya setuju dengan Yang Berhormat Dato' apabila seorang ahli meninggal dunia *office member* itu akan *weaken*. Namun perkara ini tetap dimasukkan dari segi undang-undang supaya seksyen 4F(1) adalah selengkap-lengkapnya di mana semua keadaan

disenaraikan. Oleh itu, walaupun sudah jelas dari segi kelengkapan perundangan ia tetap dinyatakan.

Yang Berhormat Dato Dr...., [*Membaca nota di atas meja*] Tidak dapat baca nama ini. Mengenai perlu wujud satu panel khas untuk menilai serta memantau pelaksanaan yang dibuat oleh Lembaga. Untuk maklumat Yang Berhormat antara fungsi Lembaga Pengarah sememangnya adalah untuk memantau pelaksanaan program. Laporan kewangan dan program yang di bentang setiap penggal tiga bulan kepada Lembaga Pengarah di lapor kepada kementerian, agensi-agensi pusat seperti EPU, Kementerian Kewangan ICU, Jemaah Menteri dan juga Parlimen pada akhir tahun.

Mengenai perkara dan masalah mengenai penduduk lelaki dan perempuan, Dasar 70 juta penduduk dan kelahiran mengikut kaum. Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Naw, Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik dan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad mengenai penjelasan kadar kelahiran mengikut kaum. Untuk maklumat Yang Berhormat penduduk Malaysia telah bertambah daripada 23.49 juta pada tahun 2000 kepada 26.75 juta penduduk pada tahun 2005. Dari jumlah ini sebanyak 50.9% adalah lelaki dan 49.1% adalah perempuan.

Dari segi kadar pertumbuhan penduduk ia telah menurun dengan purata kadar pertumbuhan sebanyak 2.6% setahun bagi tempoh tahun 2000 ke tahun 2005 berbanding dengan 2.64% bagi tempoh sebelumnya iaitu 1991 ke tahun 2000. Kadar pertumbuhan penduduk dijangka akan terus menurun dengan lebih pesat pada masa hadapan. Pada tahun 2020 kadar pertumbuhan dijangka berada pada paras 1.82% setahun. Dalam hal ini dasar kerajaan untuk mencapai 70 juta penduduk yang diumumkan pada tahun 1994 tidak akan tercapai. Walaupun kadar pertumbuhan semakin menurun bilangan, penduduk tetap akan bertambah dan stabil pada paras lebih kurang 50 juta.

Cabaran yang berkaitan dengan isu-isu kependudukan perlu diberi perhatian. Dalam hal ini kementerian melalui LPPKN akan melaksanakan satu kajian strategik kependudukan dan pembangunan untuk mengubah polisi, strategi dan program ke arah melahirkan penduduk yang berkualiti.

Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Naw telah meminta penjelasan mengenai kadar kelahiran mengikut kaum. Untuk makluman, kadar kesuburan jumlah iaitu purata bilangan anak yang dilahirkan oleh seorang wanita semasa umur subur iaitu 15 ke 49 telah menurun daripada 3.3 orang anak pada tahun 1990 kepada 2.9 orang anak pada tahun 2004 dan kepada 2.6 orang anak pada tahun 2005. Secara puratanya golongan berpendapatan rendah mempunyai kadar yang lebih tinggi iaitu 3.5 orang. Dari segi etnik utama penduduk Melayu mempunyai purata bilangan anak yang paling tinggi iaitu 3.43 orang. Bagi kaum Cina ialah 2.3 orang anak bagi sebuah keluarga manakala bagi kaum India nisbahnya ialah 2.4 orang anak.

Mengenai promosi produk dan perkhidmatan LPPKN. Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawi, Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar dan Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain telah membangkitkan isu promosi produk dan perkhidmatan LPPKN seperti kaunseling dan sejauh manakah perkhidmatan diperluaskan ke luar bandar.

Yang Berhormat, LPPKN negeri dibekalkan dengan kenderaan van untuk terus menjalankan program-program di akar umbi sama ada khidmat kesihatan *re-productive*, aktiviti-aktiviti dan promosi. Selain itu, khidmat klinik-klinik bergerak turut disediakan oleh LPPKN. Pada masa ini LPPKN telah memiliki sebuah klinik bergerak di Perak dan enam buah lagi dalam proses tender. Kementerian juga telah mengambil beberapa pendekatan dalam perkara ini:

- (i) melalui jabatan-jabatannya sendiri yang ditubuhkan di seluruh daerah dan negeri;
- (ii) dengan kerjasama jabatan-jabatan lain seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, FELDA, RISDA dan agensi-agensi lain.

Dengan kerjasama NGO seperti FFPAM, NCWO, *Focus On The Family*, PUSPANITA dan lain-lain. Program dijalankan dengan memberi bantuan peruntukan untuk menganjurkan aktiviti seperti kem kesihatan, seminar, ceramah kesihatan dan lain-lain. Bagi tempoh Januari – November tahun ini, sebanyak 84 NGO telah menerima geran untuk menjalankan program di akar umbi termasuk di luar bandar.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, LPPKN turut prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh orang-orang asli. Melalui pemberian bantuan kepada NGO yang saya telah sebut tadi, kita harap program-program akan sampai ke kumpulan sasar termasuk orang asli.

Yang Berhormat, LPPKN sememangnya bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam menjalankan program-programnya. Adalah diharapkan dalam program perkhidmatan masyarakat akan sampai ke kawasan orang asli. Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu mencadangkan supaya orang asli turut dilibatkan dalam program-program kesejahteraan keluarga.

Untuk maklumat Yang Berhormat, LPPKN turut melibatkan orang-orang asli dalam program kekeluargaan yang dianjurkan. Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2003 yang diadakan pada 30 Mei 2003 telah melibatkan pasangan baru berkahwin dari kaum orang asli untuk turut serta dalam program sambutan yang mana Yang Dipertuan Agong telah melancarkan. Pakej *Smart Start* bantuan untuk pasangan baru berkahwin. Bagi program-program yang akan datang, LPPKN akan bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk menarik lebih ramai orang asli untuk mengikuti program LPPKN khususnya kursus pra perkahwinan *Smart Start*.

Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin membangkitkan peranan dan tanggung jawab suami isteri dalam membangunkan keluarga. Program pendidikan LPPKN memang menekankan kepada kepentingan utama keluarga iaitu suami, isteri dan ibu bapa. Kementerian berpendapat, peranan menjaga dan membimbing anak dan keluarga adalah tanggung jawab bersama isteri dan suami. Oleh itu bukanlah semata-mata hanya tanggung jawab ibu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain. Bagi suami isteri, LPPKN..

Dr. Hj. Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat gembiralah sebab LPPKN ini mempunyai banyak produknya. Tetapi pagi tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang masalah suami yang tidak bertanggung jawab ini. Saya memang rasa macam sakit hatilah bila dengar apa yang disebut oleh Menteri. Bukan sakit hati kepada Menteri, tetapi sakit hati mendengar ada suami yang tidak bertanggung jawab ini, ya? Kerana apabila mereka menceraikan isteri, mereka kadang-kadang hanya memikirkan soal nafkah kepada si isteri, tetapi nafkah kepada anak-anak mereka langsung tidak fikirkan.

Maksudnya, mereka biarkan. Saya tidak tahu dari segi LPPKN sendiri, apakah mereka ada produk tertentu terutama dari segi memberi kaunseling kepada si bapa ini yang menceraikan isteri kemudian mereka tidak bertanggung jawab kepada anak-anak dia sendiri selain daripada isterinya.

Apakah ada khidmat kaunseling khusus tentang isu-isu seperti ini jika berlaku? Apakah sebenarnya kaedah-kaedah lain yang ada dalam mengatasi isu-isu ini sebab kita tidak mahu anak-anak ini terus berhadapan dengan masalah terbiar sebenarnya. Yang akan menyebabkan mereka terbabit dengan gejala-gejala sosial ini. Jadi saya ingin penjelasan lanjutlah sebab saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri katakan tadi. Sebab kadang-kadang kita terlupa isu-isu seperti tersebut. Minta sedikit penjelasan.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk maklumat Yang Berhormat, setakat ini kaunseling untuk pasangan yang ingin bercerai masih ada di bawah kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Namun begitu kalau ada masalah yang sebegini dan kalau dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat atau LPPKN kita akan beri perkhidmatan kaunseling. Bagi suami dan isteri LPPKN menyediakan Modul Bahtera Kasih iaitu pendidikan persediaan perkahwinan dan pemantapan keluarga. Bagi pasangan yang akan dan telah lama berkahwin.

Modul ini kemudiannya disusul dengan kursus pra perkahwinan *Smart Start*. Modul-modul ini mendidik pasangan suami isteri berkaitan hak peranan dan tanggung jawab masing-masing serta kepentingan komunikasi di antara pasangan. Bagi ibu bapa, modul-modul bagi keibubapaan anak kecil dan anak remaja disediakan untuk meningkatkan kemahiran keibubapaan mereka. Modul-modul ini akan dikaji semula dan ditambah baik dari semasa ke

semasa. Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawī meminta penjelasan sejauh manakah LPPKN melaksanakan *Health Care Educations*.

Selain daripada di atas, LPPKN juga menjalankan aktiviti-aktiviti pada setiap bulan untuk pendidikan kesihatan melalui risalah dan buletin yang diedarkan untuk orang ramai. Kedua, ceramah di peringkat akar umbi, sekolah-sekolah, jabatan-jabatan, klinik-klinik LPPKN.

Ketiga, promosi di media masa dan elektronik seperti di radio IKIM, RTM dan lain-lain bersama-sama NGO, MPWK dan lain-lain. Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar juga meminta penjelasan tentang latihan-latihan kepada keluarga-keluarga luar bandar. Sama ada bentuk-bentuk latihan tersebut menekankan bahaya HIV dan seks bebas.

Yang Berhormat, LPPKN telah mewujudkan dua klinik remaja *CARE@Teen* untuk mendidik remaja supaya tidak terjebak dalam cara hidup yang tidak sihat. *Peer educator* dari kalangan remaja juga diwujudkan untuk menyampaikan maklumat yang tepat kepada rakan-rakan sebaya.

Di samping itu, program-program pembangunan remaja yang dijalankan dengan NGO dan agensi-agensī kerajaan berasaskan modul LPPKN iaitu Permata Kasih turut mengajar remaja untuk katakan 'Tidak' kepada kegiatan yang tidak bermoral.

Di samping itu, LPPKN turut menganggotai tiga Jawatankuasa di bawah Kementerian Pelajaran untuk menangani gejala sosial di sekolah dan satu program keibubapaan akan dijalankan dengan pihak persatuan ibu bapa dan guru. Mengenai isu anak-anak yang bermasalah, KPWKN mengadakan bengkel interaktif bagi ibu bapa dan anak-anak yang bermasalah sebagai salah satu langkah pemulihan. Adalah diharapkan bengkel sebegini dapat membantu komunikasi dan hubungan kekeluargaan. Penglibatan aktif ibu bapa dalam bengkel interaktif ini adalah penting untuk menangani masalah salah laku anak-anak.

Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar meminta penjelasan berapa ramai lelaki dan wanita mengamalkan perancang keluarga? Untuk maklumat Yang Berhormat, sejak 1972, LPPKN telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan NGO iaitu Persatuan-persatuan Perancangan Keluarga untuk menyampaikan penerangan dan khidmat nasihat mengenai semua jenis dan kaedah perancangan keluarga termasuk kaedah-kaedah lelaki.

Kajian penduduk dan keluarga 2004 yang dijalankan oleh LPPKN mendapati kaedah yang diamalkan oleh kaum lelaki adalah seperti berikut:-

Kaedah	Peratus
Kondom	14.3%
Azal (<i>withdrawer</i>)	7.9%
Waktu Selamat (lelaki & wanita)	17.9%
Vesectomy (lelaki sahaja)	0.2%

Elak persetubuhan	2.4%
Jumlah	42.7%

Kaedah yang digunakan oleh wanita sahaja.

Kaedah	Peratus
Pil	26.9%
Alat Dalam Rahim	8.6%
Suntikan	2.5%
Implan	0.7%
Tubaligation	12.7%
Lain-Lain	5.7%
Jumlah	57.3%

Oleh itu kadar perancang keluarga yang digunakan oleh wanita sahaja ialah 57.3% berbanding dengan kaedah digunakan oleh lelaki sahaja iaitu 22.4%.

Manakala kaedah yang digunakan oleh lelaki dan wanita ialah 20.3%. Kaedah-kaedah moden termasuk pil, IUD, kondom, suntikan, implan lebih dipromosikan kerana lebih berkesan untuk menjarak kehamilan. Oleh itu, cara-cara tradisional tidak begitu digalakkan tetapi boleh diamalkan untuk digabungkan dengan kaedah-kaedah lain seperti waktu selamat.

Mengenai bilangan anak yang sesuai, kementerian tidak ada paksaan mengenai isu bilangan ahli keluarga yang bersesuaian mengikut kemampuan keluarga seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain. Jumlah bilangan anak adalah merupakan hak peribadi pasangan atau individu tersebut untuk menentukannya. Terpulanglah kepada kemampuan keluarga itu sendiri dari segi kewangan, kesihatan dan lain-lain. Keluarga atau wanita digalakkan untuk menjarak kehamilan demi kebajikan ibu dan anak berdasarkan *inform choice*. Aspek lain kini..

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, laluan Yang Berhormat.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Saya habiskan dahulu. Aspek lain kini dititikberatkan adalah tanggungjawab bersama antara suami, isteri supaya semua ahli keluarga dapat membangun. Ya, silakan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, apakah kementerian tidak ada cadangan untuk memberikan insentif kepada keluarga yang ramai anak ini sebab jaga anak ramai ini pun bukan mudah sebenarnya. Itu satu.

Yang kedua, apakah LPPKN ini ada juga modul khusus untuk mereka yang ramai anak. Terutamanya saya lihat yang bermasalah ini ialah mereka yang ramai anak tetapi hidup dalam

keadaan kemiskinan dan satu lagi yang ramai anak tetapi tinggal di rumah-rumah yang mempunyai dua bilik seperti di rumah-rumah pangsa. Kadang-kadang ini menimbulkan masalah. Saya tengok ini di Kampung Kerinchi sebagai contohnya, masih ada lagi *flat* yang cuma tiga bilik tetapi anak ramai. Ini juga, terutama kawasan itu adalah kawasan yang dikatakan jenayah tinggi, maka ini menimbulkan banyak masalah. Jadi saya ingin tahu apakah ada modul seperti ini?

Datin Paduka Chew Mei Fun: Untuk jawab soalan Yang Berhormat, untuk maklumat Yang Berhormat, kementerian lebih menggalakkan suami isteri ini atau pasangan ini supaya mereka melahirkan anak mengikut kemampuan keluarga. Oleh itu, setakat ini belum ada lagi insentif untuk menggalakkan untuk melahirkan lebih anak. Untuk modul-modul, tak kiralah berapa anak dia ada, kita telah pun ada program-program keibubapaan untuk semua ibu bapa.

Mengenai kajian ke atas tahap pendidikan keluarga Melayu, Cina dan India, Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain ada membangkitkan persoalan, sama ada terdapat kajian yang dijalankan ke atas keluarga Melayu, China dan India dalam memberi penekanan ke atas pendidikan dalam keluarga.

Yang Berhormat, tidak ada kajian khusus berkaitan perkara ini dijalankan oleh LPPKN, tetapi data mengenai tahap pendidikan setiap ahli keluarga diikuti dalam semua kajian yang dijalankan untuk menganalisis pengetahuan, sikap dan amalan dalam aspek-aspek kesihatan reproduktif kehidupan kekeluargaan dan trend kependudukan. Hasil-hasil kajian digunakan untuk menambah baik program-program dan strategi-strategi LPPKN.

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib, Yang Berhormat Dato' Haji Rashid Ngah, Yang Berhormat Mumtaz binti Md. Nawi dan Yang Berhormat Tajul Urus bin Haji Mohd Zain telah membangkitkan isu-isu mengenai pembangunan modal insan bermula daripada keluarga. Untuk maklumat Yang Berhormat, program Pembangunan Keluarga merupakan salah satu daripada tiga program teras LPPKN. Ia bertujuan membangun modal insan melalui pengukuhan institusi keluarga bagi mencapai penduduk yang berkualiti.

Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga di bawah KPWKM turut memainkan peranan penting di peringkat akar umbi. Pelbagai program Pembangunan Keluarga dijalankan di peringkat daerah dan negeri bagi mengukuhkan institusi keluarga. Menyedari hakikat bahawa keluarga merupakan unit asas dan kritikal dalam usaha pembangunan insan secara menyeluruh, dasar keluarga negara digubal oleh kementerian ini untuk membangunkan keluarga yang sejahtera dan berdaya upaya bagi melahirkan generasi berkualiti dan berperibadi mulia.

Dasar Keluarga Negara yang mengutamakan kesejahteraan keluarga akan dapat menyediakan arah tuju pembangunan keluarga secara menyeluruh yang merangkumi pembangunan fizikal, mental, sosial, emosi dan kerohanian bagi setiap peringkat dan kitaran kehidupan keluarga. Dasar Keluarga Negara ini akan memberi hala tuju dan bantuan kepada semua pihak yang berkepentingan supaya mengintegrasikan perspektif kesejahteraan keluarga dalam dasar dan program pembangunan masing-masing.

Selain itu, kursus pra perkahwinan merupakan salah satu usaha yang dijalankan oleh LPPKN dengan kerjasama NGO dan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri untuk memperkukuhkan institusi perkahwinan. Kursus ini memberi maklumat dan pendedahan awal kepada bakal pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga dengan mengambil kira aspek-aspek lain seperti pengurusan kewangan keluarga, undang-undang keluarga dan cara-cara menangani konflik. Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai modul pasca keluarga perkahwinan supaya ilmu dapat diberi kepada mereka yang ingin mendirikan rumah tangga bagi mengukuhkan dan memantapkan institusi keluarga.

Untuk maklumat Yang Berhormat, modul ini telah pun dibangunkan iaitu Modul Bahtera Kasih yang merangkumi persediaan dan pemantapan perkahwinan. Modul ini masih digunakan di dalam aktiviti pendidikan di seluruh negara.

Yang Berhormat Tuan M. Munusamy telah membangkitkan isu-isu untuk mencadangkan kepada kementerian supaya mewajibkan kursus pra perkahwinan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini kementerian belum ada cadangan untuk mewajibkan. Ini adalah kerana kita lebih mengambil *approach* untuk menggalakkan supaya mereka dengan inisiatif sendiri mengambil bahagian dalam kursus perkahwinan ini.

Selain daripada itu, sebelum kita mewajibkan kursus pra perkahwinan ini, kita mesti memastikan kita ada fasilitator yang secukupnya. Kita mesti ada mekanisme dan ada pakar-pakar yang secukupnya supaya kita dapat menampung keperluan. Oleh itu setakat ini kita lebih ambil *approach* untuk menggalakkan

Mengernai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sama ada warga tua dapat dijadikan *role model* dan jadi ikutan generasi muda telah dilaksanakan. Kementerian berpendapat ini adalah satu cadangan yang baik. Sehubungan ini kementerian dengan kerjasama NGO akan membangunkan *Module Grand Parenting* ini di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md. Nawi mencadangkan supaya diadakan modul pembangunan keluarga dan pendidikan keluarga diwajibkan ke atas keluarga. Buat masa ini semua program dijalankan tidak diwajibkan kerana ingin menggalakkan masyarakat untuk sedar dan mengambil berat tentang tanggungjawab untuk membangunkan ahli-ahli keluarga sendiri.

Pandangan Yang Berhormat supaya kementerian membangunkan modul untuk wanita yang tidak ada pendidikan, sebenarnya LPPKN dalam melaksanakan program-programnya tidak mengetepikan wanita yang tidak mempunyai pendidikan dan kelayakan tinggi. Program dibuka kepada semua wanita sama ada program keluarga atau khidmat kesihatan reproduksi. Sebenarnya program-program yang kita anjurkan di akar umbi kebanyakan yang menyertai dan mengambil bahagian dalam program-program kita, juga termasuk wanita yang tidak ada pendidikan.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat tentang kad pengenalan ...

Puan Mumtaz Md. Nawi: Minta laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, cadangan saya semalam adalah untuk menggalakkan penglibatan wanita yang tidak ada kelayakan akademik untuk hadir sama ke IPTA dan IPTS. Itu saya rasa mungkin lebih spesifik sikit berbanding dengan apa yang telah pun dijalankan sekarang iaitu menggalakkan penglibatan wanita yang tidak ada kelayakan akademik untuk menyertai program-program di akar umbi kerana dalam cadangan semalam kalau boleh untuk dilibatkan sekali ke peringkat IPTA untuk kursus-kursus jangka pendek yang lebih tersusun. Itu sahaja.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kita juga perlu ambil kira adakah sesuai untuk mereka menyertai program-program di IPTA sedangkan mereka tidak ada pendidikan.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat tentang kad pengenalan mengikut tempat kelahiran, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara. Walau bagaimanapun, saranan Yang Berhormat akan dimaklumkan kepada jabatan berkenaan kelak.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah dan Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin mengenai pemantauan rancangan program televisyen dan filem, dalam hal ini kementerian sentiasa memberi perhatian kepada program yang disiarkan melalui media masa seperti rancangan televisyen. Selain daripada Jawatankuasa Media yang ditubuhkan di bawah kementerian, KPWKM juga menyuarakan sebarang program yang dianggap tidak bersesuaian untuk tontonan keluarga menerusi jawatankuasa di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi mencadangkan peruntukan mencukupi diberikan kepada LPPKN. Pada tahun 2006, bajet yang diperuntukkan untuk belanjawan mengurus ialah RM36.3 juta dan bertambah kepada RM52 juta pada tahun 2007. Manakala RM2 juta diperuntukkan untuk pembangunan pada tahun 2007. Peruntukan ini termasuk bayaran emolumen dan program.

Pandangan Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md. Nawi mengenai peruntukan PERKESO hanya menghadkan untuk kebajikan pekerja dan ahli-ahli keluarga tetapi tiada dari segi bayaran bulanan. Sebenarnya perkara ini telah pun diambil kira oleh pihak kerajaan. Contohnya, apabila berlaku kes kemalangan yang melibatkan ketidakupayaan atau kematian pencari nafkah dalam keluarga, *breadwinner*, pelbagai sistem sokongan disediakan oleh kerajaan seperti bantuan kanak-kanak menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat. Manakala pandangan Yang Berhormat tentang pengecualian cukai kepada pembayar insurans yang menyara kesihatan dan kesejahteraan ibu bapa yang menunjukkan pembelaan kepada anak-anak perlu dipertimbangkan dan wajar diambil kira.

Berkenaan cadangan oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md. Nawi mengenai pengurangan bayaran premium bagi keluarga yang menggunakan pusat gim atau kesihatan

untuk mendorong ke arah melahirkan keluarga yang sihat sejahtera, ini adalah satu cadangan yang baik dan akan dikaji untuk pertimbangan pihak berkaitan iaitu Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan dan pihak swasta.

Tentang saranan Yang Berhormat juga supaya merangka program berbentuk kekeluargaan seperti dalam bentuk pakej, contohnya pakej percutian keluarga, cadangan ini akan dikaji di mana kerjasama dengan sektor pelancongan akan dijalankan sebagai promosi kepada program-program LPPKN.

Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md. Nawi juga membangkitkan isu kegunaan kad pengenalan bukan sahaja mengikut tempat kelahiran tetapi dari segi keselamatan dan tidak dibuat menyeluruh seperti negara lain yang mengambil cap jari kaki dan tangan bayi yang lahir.

Yang Berhormat, perkara ini sebenarnya adalah di bawah Jabatan Pendaftaran di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat, juga telah mencadangkan pertimbangan agar diberi cuti kepada isteri yang kematian suami akibat tekanan, trauma yang ditanggung oleh kebanyakan ibu tunggal untuk meneruskan hidup. Perkara ini telah pun diluluskan oleh kerajaan untuk sektor awam. Pada tahun 2004, tiga hari cuti semasa kematian ahli keluarga terdekat tidak kira suami, isteri, anak atau ibu bapa boleh diambil oleh semua pekerja dalam sektor awam.

Mengenai harapan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi agar LLPKN menjadi satu agensi yang berkesan untuk membantu keluarga yang bermasalah dan supaya program boleh dilaksanakan sehingga ke akar umbi, sememangnya program LPPKN mengambil kira keperluan keluarga yang bermasalah melalui program pembangunan keluarga.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Fasal cuti tadi, Yang Berhormat, kita mencadangkan dua minggu iaitu 14 hari. Tiga hari ini memang tidak mencukupi. Kita ambil contoh baru-baru ini apabila seorang wanita naik motor bersama suaminya diragut oleh peragut dan suami jatuh lalu mati. Wanita ini pun turut cedera juga. Jadi, saya fikir, walaupun wanita ini bekerja di Singapura, mungkin memang dia tidak akan dapat cuti pada hari ini tetapi jika sekiranya dia bekerja di Malaysia, sudah tentulah tiga hari ini sebenarnya satu perkara yang tidak cukup. Dalam keadaan yang sedemikian, traumanya lebih teruk sebab suaminya mati di depan dia, dia sendiri ada tanggungan dan dia sendiri pun turut tercedera.

Oleh sebab itulah saya harap kerajaan mengambil serius. Kalau tiga hari ini bagi saya terlalu kurang sangat, terlalu sedikit. Ia perlu ditambah lagi kalau pun tidak dua minggu tetapi saya harap kementerian lebih serius memohon kepada Kabinet supaya perkara ini diperjuangkan. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih di atas cadangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat. Kementerian akan lebih mengambil perhatian dalam perkara ini.

Sememangnya program LPPKN mengambil kira keperluan keluarga yang bermasalah melalui:

- (i) Program Pembangunan Keluarga - Melalui program ini khidmat kaunseling disediakan di semua negeri dengan penglibatan 18 kaunselor. Selain daripada itu pendidikan kekeluargaan boleh dibeli secara percuma; dan
- (ii) Khidmat Kesihatan Reproduksi - Khidmat ini diberi secara percuma kepada wanita yang tidak mampu seperti khidmat perancang keluarga, *pap-smear*, saringan kesihatan dan lain-lain.

Mengenai saranan Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar tentang pindaan terhadap akta-akta lain supaya boleh membantu memajukan Akta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga, setakat ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat prihatin tentang perkara ini. Selain daripada pindaan terhadap akta ini beberapa akta lain seperti Akta Taman Asuhan Kanak-kanak dan Akta Pusat Jagaan turut dicadangkan dipinda supaya hal-hal berkaitan keluarga, wanita dan masyarakat terus dapat dimajukan dengan mengambil kira keadaan semasa pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan ini.

Yang Berhormat Tuan M. Munusamy membangkitkan perkara mengenai penubuhan Unit Kaunseling Keluarga bukan Islam ditubuhkan supaya masalah perkahwinan dapat disalurkan kepada Unit Kaunseling ini. LPPKN telah pun menubuhkan Unit Kaunseling di Ibu Pejabat LPPKN dan juga di pejabat LPPKN di semua negeri. Perkhidmatan kaunseling yang disediakan oleh LPPKN adalah bersifat universal untuk semua kaum dan agama. LPPKN juga kini telah mempunyai kaunselor dari tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India. Bilangan seramai 18 kaunselor kini telah di cadang untuk ditambah.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan. Yang Berhormat, saya cuma hendak ambil pandangan Yang Berhormat dalam soal kaunseling perkahwinan ini. Di kalangan yang bukan Islam, kalau mereka hendak berkahwin dengan orang Islam saya ingat kena bagi kaunseling juga supaya mereka memaklumkan kepada isteri bahawa mereka masuk Islam dan hendak berkahwin dengan orang Islam supaya tidak timbul masalah seperti yang kita baca pada hari ini. Sebab apa yang berlaku hari ini saya tengok depa kahwin dengan orang Islam, depa tidak beritahu pada isteri depa yang bukan Islam ini, bila mati masalah ini berpanjangan dalam masyarakat majmuk kita ini. Jadi, kementerian kena buat satu kaunseling yang macam itu jugalah. Terima kasih.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan, Yang Berhormat. Ada lagi yang saya hendak menambah, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. saya ingin hendak menambah sedikit apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus. Selain daripada memberi kaunseling, saya rasa perlu juga diwartakan ataupun mungkin bukan di

bawah kementerian Yang Berhormat tetapi perlu diwartakan yang mereka ini hendak tukar agama, hendak masuk Islam oleh sebab hendak kahwin.

Oleh kerana apabila berlaku kematian, sekurang-kurangnya keluarga dan anak-anaknya tahu yang dia telah pun memeluk agama Islam. Ini kerana kita ada dua perkara yang merumitkan kerajaan ini hari ini adalah kes Moorthy dan sekarang kes Rayappan ini yang menjadi masalah. Terima kasih.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Laluan.

Tuan M. Munusamy: Minta laluan juga.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Tuan M. Munusamy.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak tambah sedikit perkara ini sebab perkara ini sangat, menjadi satu isu yang sensitif sehingga dibincang di dalam Kabinet. Saya juga meminta supaya apabila ada kaunseling seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus tadi, kita boleh juga mewajibkan bahawa seorang yang menukar agama kepada agama Islam perlu memberitahu keluarganya ataupun mesti memberitahu keluarganya. Diwajibkan keluarganya diberitahu sebelum beliau itu menganut agama Islam.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri? Silakan, Yang Berhormat.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat. Dalam sidang yang lepas Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ada memberitahu bahawa cadangan untuk mewajibkan pendaftaran perkahwinan dalam kad pengenalan akan dijalankan. Saya ingin tahu bilakah, sekiranya cadangan ini betul, untuk mendaftarkan status perkahwinan diupdatekan di dalam MyKad. Sekiranya cadangan ini betul akan dijalankan, bilakah cadangan ini akan dijalankan? Dan, sekiranya belum ada cadangan saya pohon untuk mencadangkan agar pendaftaran perkahwinan diupdatekan dalam MyKad. Satu.

Yang kedua, tentang cadangan seperti yang dinyatakan semalam ialah bukan tiga hari dan juga cadangan daripada Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad ialah 14 hari. Yang saya cadangkan adalah tiga bulan, sebagaimana yang kita dapat untuk bersalin sebab bersalin enam kali, kita boleh dapat dua bulan tiap kali bersalin, untuk kematian suami saya cadangkan sebenarnya tiga bulan untuk mengatasi trauma, bukannya tiga hari. Itu sahaja.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Mengenai cuti apabila kematian suami atau isteri adakah ia tiga hari, dua minggu atau tiga bulan, perlu dikaji kerana kita mesti ambil kira aspek-aspek atau perkara-perkara yang lain, yang akan dijejaskan atau yang terlibat di dalam keputusan yang akan dibuat ini. Oleh itu, tidak dapat saya beri jawapan kepada Yang Berhormat.

Mengenai kaunseling kepada kaum bukan Islam sebelum mereka berkahwin dengan kaum Islam, sebenarnya apabila perkara ini berlaku, biasanya keluarga mereka, sejauh apa yang

saya faham, mereka akan beri kaunseling dan mereka akan berbincang dengan anak mereka dengan sedalam-dalamnya, tetapi apabila mereka cinta biasanya mereka tidak akan ambil kira apa kaunseling beritahu atau diberi oleh orang lain. Masalah hanya timbul apabila mereka bercerai. Apabila mereka bercerai, masalah ini akan timbul.

Adakah status perkahwinan ini akan dimasukkan di dalam kad pengenalan? Ini adalah di bawah kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Tuan M. Munusamy mencadangkan ciri-ciri moral seluruh kaum digabungkan untuk dijadikan program untuk kesejahteraan keluarga. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui LPPKN menyambut baik cadangan Yang Berhormat supaya ciri-ciri moral seluruh kaum digabungkan untuk dijadikan program. LPPKN telah menjalankan usaha-usaha mengenal pasti ciri-ciri moral dan nilai-nilai murni universal bagi keluarga. Nilai-nilai ini akan disusun untuk dijadikan program di bawah kempen keluarga berperibadi yang akan dilaksanakan pada tahun 2007.

Mengenai cadangan wujudkan cawangan daerah. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa kini hanya terdapat klinik di daerah. Pada masa hadapan setiap negeri akan membuka Kompleks Kasih Keluarga di peringkat daerah, iaitu satu atau dua setiap negeri berdasarkan saiz penduduk berkenaan, di bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun untuk RMK-9. Dua akan dibina iaitu kedua-dua Kompleks Kasih untuk ibu negeri, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Yang Berhormat Dato' Azian telah membangkitkan tiga peringkat kuasa iaitu Lembaga, Menteri dan Menteri Kewangan. Adakah ia akan melewati kelulusan dan keputusan untuk melaksanakan program dan aktiviti. Untuk makluman Yang Berhormat, tiga peringkat ini adalah untuk dijadikan sebagai proses *check and balance*, *good governance*, dengan izin. Walau bagaimanapun, operasi atau pentadbiran harian adalah di bawah tanggungjawab Ketua Pengarah. Manakala Lembaga Pengarah memantau dan mencadangkan isu-isu dasar dan peraturan penggunaan peruntukan yang memerlukan kelulusan Menteri, keputusan agensi pusat seperti Kementerian Kewangan di salur melalui menteri dan dilaksanakan oleh lembaga.

Ramai Ahli Yang Berhormat, telah membangkitkan rasa bimbang LPPKN apabila diberi kuasa untuk membuat perniagaan, mereka akan terlalu kepada aktiviti perniagaan dan lupa fungsi-fungsi yang utama atau objektif-objektif yang utama oleh LPPKN. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 1966, iaitu 40 tahun yang dahulu, lembaga hanya merupakan sebuah perbadanan yang *simple* tetapi dengan perkembangan undang-undang dan perbadanan yang sedia ada, didapati bahawa lembaga, LPPKN adalah jauh ketinggalan untuk menjalankan fungsi-fungsi secara lebih berkesan dan lebih cekap.

Oleh itu, tujuan pindaan ini bukan untuk menjadikan LPPKN sebagai organisasi yang menjana keuntungan tetapi adalah untuk selaras dengan hala tuju pendekatan peranan dan tanggungjawab baru LPPKN yang tertumpu dalam bidang kependudukan, pembangunan

keluarga dan reproduksi manusia dan turut beri fokus kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta latihan dalam ketiga-tiga bidang tersebut.

Justeru, pindaan ini bertujuan untuk membolehkan fungsi, kuasa dan tugas LPPKN yang sedia ada diperjelas dan diperkukuhkan. Di samping itu beberapa peruntukan baru perlu dimasukkan supaya ia mencakupi skop dan menepati tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada LPPKN untuk melaksanakannya. Tujuan utama pindaan ini bukan untuk menjana keuntungan. Ini jelas jika kita baca fungsi-fungsi yang berada di dalam rang undang-undang pindaan ini, tidak ada satu pun adalah mengenai menjana keuntungan.

Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati mengemukakan cadangan mengenai pelacuran kanak-kanak dan bapa ayam semakin muda dan sebagainya. Cadangan Yang Berhormat akan dipertimbangkan oleh kementerian dalam perancangan dasar dan perkhidmatan 2001. Memandangkan contoh atau maklumat yang disebut oleh Yang Berhormat tadi adalah merujuk kepada satu laporan akhbar pada 26 November 2006 baru-baru ini. Oleh itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, iaitu isu yang disiarkan dalam akhbar minggu lepas yang menyatakan lebih 4,300 kanak-kanak terlibat dengan aktiviti pelacuran dari tahun 1995 ke 1999, menurut kajian Dr. Lokman Zawawi Muhamad, pensyarah UKM.

Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah berhubung melalui telefon berkenaan dengan perkara ini dan dimaklumkan bahawa beliau tidak pernah berbincang dengan pemberita berkenaan dan tidak memberi statistik yang dinyatakan. Kajian beliau hanya melibatkan 63 responden dan dengan kelulusan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Dr. Lokman telah menulis surat penafian kepada pihak akhbar yang berkenaan. Saya baca apa yang dia tulis dalam suratnya untuk makluman Yang Berhormat.

Pada 26 November 2006, di muka hadapan akhbar tertulis –

“4,000 kanak-kanak terjebak dalam pelacuran. Kajian UKM mendapati bapa ayam semuda 18 tahun. Saya sebagai penyelidik merasa kesal dengan kenyataan tersebut kerana ia tidak tepat dan bukan hasil kajian saya. Kajian saya hanya melibatkan 63 orang kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah dan bukannya 4,000 orang. Terlalu jauh beza antara 63 orang dengan 4,000 orang”.

Pada 29 November 2006 di muka 5, akhbar yang berkenaan tertulis kenyataan –

“Lokman tidak ada masalah bertemu polis JKM isu kanak-kanak menjadi pelacur. Saya amat sedih dan kesal dengan tulisan tersebut kerana ia seolah-olah saya mencabar organisasi berkenaan. Perkara yang paling saya kesalkan ialah wartawan akhbar-akhbar berkenaan tidak pernah bertemu atau menelefon saya berkenaan hal ini tetapi mengeluarkan kenyataan yang menambahkan lagi kerisauan masyarakat.”

Untuk makluman Yang Berhormat, statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia hanya lebih kurang 800 kanak-kanak yang diselamatkan dari tahun 1995 kepada tahun 1999. Kurang 4,300 kanak-kanak yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dari 1995 ke 1999 termasuk kanak-kanak yang memerlukan perlindungan, pemeliharaan dan pemulihan, iaitu kes abai, dera dan kes yang terlibat dengan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan jawapan-jawapan yang saya telah kemukakan tadi, saya akhiri penggulungan saya dan di sini saya ambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Pandangan, saranan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian dalam melaksanakan program kementerian dengan lebih cekap dan berkesan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal 1 hingga 20 –

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Gooi Hoe Hin: Bolehkah saya rujuk kepada seksyen 4. Tadi Yang Berhormat Tuan Osman ada memberi cadangan supaya lembaga itu jika boleh terdiri juga daripada wakil kerajaan negeri. Kalau LPPKN dengan sepenuhnya isi semua jumlahnya 22. Bolehkah Yang Berhormat memberi jaminan sekurang-kurangnya daripada sembilan ahli-ahli itu beri tempat dua atau tiga kepada kerajaan negeri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan yang disalurkan oleh Yang Berhormat itu akan diambil kira tetapi saya tidak memberi jaminan kerana kuasanya bukan dengan saya.

Selain daripada itu, bukan sahaja melalui lembaga, kita ada satu Jawatankuasa Dasar Sosial Negara yang akan membincangkan juga hak-hak kekeluargaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan dalam jawatankuasa itu semua Menteri Besar dimasukkan. Terima kasih.

Fasal-fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2006) 2006

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2006 dan bagi memperuntukkan jumlah wang ini untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun ini kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan perbelanjaan mengurus pertama 2006 ini adalah dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101 - Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2006 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan Yang Mulia ini.

Jumlah anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2006 yang dibentangkan adalah sebanyak RM4.127 bilion. Jumlah ini merupakan tambahan bagi perbelanjaan bekalan yang antara lain bertujuan menampung perkara-perkara baru yang diputuskan oleh kerajaan dan tidak diperuntukkan dalam Bajet 2006. Menampung kenaikan kos kerana kenaikan harga bahan api, membiayai operasi institusi-institusi yang baru siap dan pertambahan perjawatan. Tambahan juga diperlukan bagi menambah jumlah dana-dana khas kerajaan bagi menampung penambahan peminjam.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya tambahan peruntukan adalah diperlukan untuk tujuan seperti berikut:

- (i) sebanyak RM1.06 bilion untuk Kementerian Pelajaran bagi menampung pertambahan perbelanjaan emolumen, sewaan, pejabat dan menampung tambahan kos kerana kenaikan harga bahan api;
- (ii) sebanyak RM836.5 juta untuk Kementerian Kesihatan diperlukan untuk pertambahan emolumen, operasi institusi kesihatan yang baru siap, tambahan bekalan ubat-ubat dan untuk pelaksanaan pelbagai program serta kempen-kempen kesihatan;

- (iii) sebanyak RM662.7 juta untuk Maksud B.12, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun bagi menambah dana tabung untuk makanan, dana modal, terteroka bukan ICT, tambahan peruntukan untuk Kumpulan Tabung Pinjaman Pelajaran dan Kumpulan Wang Cadangan Negeri;
- (iv) sebanyak RM319 juta untuk Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi iaitu bagi menampung kos pengajian pelajar baru tajaan MARA dan membiayai bayaran premium tanah milik Maktab Kerjasama Malaysia;
- (v) sebanyak RM274.3 juta untuk Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bagi menampung emolumen dan perbelanjaan operasi untuk Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penjara dan Jabatan Pertahanan Awam;
- (vi) sebanyak RM250 juta untuk Kementerian Pengajian Tinggi iaitu bagi menampung perbelanjaan emolumen, peruntukan kepada Majlis Sukan Universiti- universiti Malaysia atau MASUM dan juga membiayai operasi Universiti Darul Aman, Universiti Darul Naim dan Universiti Pertahanan Nasional;
- (vii) sebanyak RM110.9 juta untuk Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk membiayai program dan aktiviti baru serta sumbangan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri-negeri;
- (viii) sebanyak RM104.1 juta untuk Jabatan Perdana Menteri iaitu bagi membiayai keperluan tambahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan sewaan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya;
- (ix) sebanyak RM102.5 juta untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi membiayai kenaikan kadar dan tambahan penerima bantuan, pelaksanaan skim bantuan persekutuan, penubuhan enam *Institute for Empowerment of Woman* dengan izin bantuan kepada pelajar mangsa banjir, sumbangan kepada Yayasan Strategik Sosial dan tambahan peruntukan program taska komuniti.

Selain daripada itu tambahan peruntukan juga diperlukan oleh:

- (i) Kementerian Penerangan iaitu sebanyak RM98.8 juta;
- (ii) Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah sebanyak RM33.9 juta;
- (iii) Kementerian Pelancongan sebanyak RM64.5 juta; dan
- (iv) Kementerian Luar Negeri sebanyak RM52.3 juta;

Manakala tambahan sebanyak RM117.8 juta adalah diperlukan untuk lain-lain kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah RM3.027 bilion daripada tambahan ini adalah dipohon sebagai tambahan langsung. Manakala sebanyak RM1.1 bilion adalah bagi menokok semula jumlah yang telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka seperti yang terkandung dalam penyata dan dibentangkan sebagai Kertas Perintah 13 tahun 2006.

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2006 adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 tahun 2006 dan memorandum perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11A tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayaratnam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2006 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahaskan. Ya, Dr. Mohd Puad.

3.43 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin menyentuh mengenai dengan perkara B.62 iaitu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Saya sebenarnya baru-baru ini melihat bahawa Ketua Polis Negara ada menyebut bahawa mereka mahu menambah jumlah anggotanya untuk memastikan bahawa tahap keselamatan negara akan dapat dipertingkatkan sebenarnya.

Dengan kata lain bahawa ini menunjukkan bahawa Polis Diraja Malaysia atau PDRM masih kekurangan anggota untuk mengawal keselamatan negara kita. Ini sebenarnya antara isu-isu yang dibangkitkan. Saya mengambil satu contoh Tuan Yang di-Pertua, iaitu baru-baru ini Singapura dalam berita *Asian News Channel* yang mereka miliki menyebutkan bahawa pelabur-pelabur daripada Singapura tidak berminat untuk datang melabur di Johor sebenarnya terutama di bawah Pembangunan Wilayah Iskandar dengan alasan iaitu bahawa tahap keselamatan di negeri Johor itu sebenarnya adalah tidak terjamin.

Kita bukanlah sebenarnya membangkitkan perkara ini sebagai respons apa yang dibangkitkan oleh Singapura. Tetapi secara keseluruhannya kita melihat, memang kita mendapati bahawa keselamatan di negara kita ini perlu dipertingkatkan kerana kita melihat masalah-masalah kecurian dan rompakan semakin menjadi-jadi. Kita sering menyalahkan pihak polis sebenarnya dalam perkara ini, dalam keadaan mereka banyak kekurangan. Baru-baru ini saya melihat bahawa antara perkara yang dibangkitkan ialah sistem pengkomputeran yang ada di balai-balai polis ini yang jauh tertinggal sebenarnya yang menyebabkan mereka tidak dapat melaksanakan tugas mereka itu dengan lebih efisien.

Kadang-kadang ada polis ini ataupun balai-balai polis di pedalaman sebagai contohnya, mereka terpaksa memohon bantuan komputer daripada wakil-wakil rakyat dan daripada pemimpin-pemimpin setempat supaya mereka ini dapat kemudahan komputer yang lebih baik. Dengan kata yang lain Tuan Yang di-Pertua, bahawa ada komputer-komputer yang mereka gunakan itu sudah ketinggalan sebenarnya.

Jadi sebab itulah saya amat menyokong iaitu bahawa Polis Diraja Malaysia sepatutnya mendapat peruntukan yang lebih besar sebenarnya. Kita berterima kasihlah kepada kerajaan baru-baru ini dalam..., saya sentuh sedikit tentang Bajet 2007 iaitu akan memberikan kemudahan iaitu 2,000 kereta peronda baru dengan tujuan untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan polis dalam menjaga keselamatan negara kita ini. Apa yang saya bangkitkan di sini ialah PDRM ini sebenarnya tugas mereka semakin besar dan semakin mencabar. Sebab itulah saya berharap bahawa anggota ini diramaikan.

Kita ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, iaitu masalah kemalangan jalan raya. Kita melihat bahawa JPJ seolah-olah tidak mampu untuk melaksanakan tugas ini. Kalau kita lihat di lebuhraya sebagai contohnya yang banyak menjalankan tugas di lebuhraya ini untuk mengatasi masalah kemalangan jalan raya, kereta yang bawa laju, yang melanggar had laju dan sebagainya ialah pihak polis. Saya jarang nampak JPJ ini, kereta perondanya ataupun pegawainya bertugas di lebuhraya. Sebab itulah kadang-kadang kita pun jadi keliru tugas siapa sebenarnya.

Kalau kita tengok di bas-bas pelancong sebagai contohnya, ditulis di bas-bas pelancong itu nombor yang boleh dihubungi LPKP bas-bas pelancong ini. Tetapi apakah maksudnya kalau bas pelancong ini bawa laju, kita boleh buat aduan kepada LPKP. Kalau kita telefon tol *free number* dengan izin, kita dapati sebenarnya itu hanyalah satu rakaman yang kita tidak yakin tindakan akan diambil. Saya pernah Tuan Yang di-Pertua, membawa kereta 130 kelajuan di lebuhraya, dipotong oleh satu bas yang saya yakin kelajuannya adalah 150. Sebab selepas itu saya lihat jaraknya begitu jauh daripada kereta saya. Tetapi siapa yang sepatutnya mengambil tindakan terhadap perkara ini?

Sebab itulah kita lihat kemalangan jalan raya khususnya di lebuhraya oleh lori dan bas adalah begitu tinggi. Akhirnya saya rasa yang lebih berkesan untuk bertindak dalam perkara ini ialah pihak polis. Saya berharap bahawa polis diberi keutamaan untuk mendapatkan lebih banyak kereta-kereta peronda yang sentiasa berada di lebuhraya. Saya mencadangkan kita menggunakan sistem yang ada di Amerika sebab daripada satu *exit* dengan izin, ke satu *exit* yang lain, ada satu kereta peronda yang mengawal. Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, contohnya daripada Seremban ke Pedas Linggi, ada satu kereta peronda. Kerjanya berpusing di situ sahaja. Kalau ada orang bawa laju dia boleh tahan. Kewujudannya di situ akan menyebabkan kereta akan dipandu dengan perlahan mengikut had yang di benarkan.

Kemudian Pedas Linggi ke Alor Gajah ada satu lagi kereta peronda. Tetapi sudah tentu memerlukan kos yang tinggi, tetapi inilah yang harus diberi keutamaan. Sebab saya lihat kalau ada kereta peronda di lebih raya, jalan di sebelah kanan tiada siapa berani memotong. Kalau di sebelah kiri pun tiada siapa berani memotong. Kalau dia bawa 110, yang belakang itu beratur 110 semua. Takut, ada rasa takut. Tetapi bila ada satu kereta yang berani memotong kereta peronda, yang lain akan potong juga.

Tetapi kalau dia diberi peranan, tugasnya ialah untuk menahan siapa yang membawa kelajuan lebih daripada had yang dibenarkan. Maka mereka akan memandu dengan perlahan. Tetapi sistem yang kita gunakan sekarang ini, saman ekor dan sebagainya tidak sebenarnya tidak menyelesaikan masalah. Orang akan bawa laju kemudian dibayar saman, diminta kompaun, minta kurang dan sebagainya dia akan bayar ataupun dia biarkan saman dia berlambak-lambak sampai 30, 40, sampai polis hendak datang menggari barulah dia takut. Tapi ini tidak akan menyelesaikan masalah kemalangan di jalan raya.

Sebab itu kalau di Amerika ini daripada satu *exit* ke satu *exit*, peronda ini akan duduk di tengah-tengah, ada *parking* khas untuk dia ataupun di sudut pokok bunga dan sebagainya, maka orang akan tahu di situ ada polis dan mereka berjalan perlahan. Tapi di setiap *exit* itu ada, maka sepanjang lebuh raya itu orang tidak bawa laju. Ini harus diberi perhatian sebenarnya sebab masalah kemalangan jalan raya ini, saya tidak nampak JPJ ada kemampuan untuk melaksanakannya. Saya memang jarang nampak JPJ ini ada di lebuh raya. Yang dia tahan lori yang barangkali lebih muatan dan sebagainya.

Jadi saya harap dengan adanya pertambahan perbelanjaan yang lebih tinggi, khususnya untuk polis dari segi perkhidmatan ini, maka ini adalah lebih baik sebenarnya untuk kita meningkatkan keselamatan negara. Kadang-kadang kita dukacita polis ini dari segi rumah polis, sudahlah sering terbengkalai bila hendak dibina dan sebagainya. Tapi yang sedia ada pun sebenarnya tidak begitu selesa kepada anggota polis. Tidak begitu selesa maksudnya rumah-rumah polis yang masih ada sekarang ini - rumah kediaman dan kuarters polis ini perlu lebih banyak diperbaiki.

Saya tadi menyebut tentang pengkomputeran ini. Sebenarnya kalau kita lihat di negara barat, kalau mereka menahan kereta seseorang yang membawa laju, bila ditahan, dia akan pergi dekat kereta dia kerana kereta dia itu sudah lengkap dengan sistem komputer yang canggih dan yang *online* dengan pejabat. Sebab itu bila dia periksa nombor pendaftaran kita, kalau kita ada kesalahan yang sebelumnya sudah dilakukan, dia sudah tahu. Sebab ini Tuan Yang di-Pertua pernah berlaku kepada saya oleh kerana di Amerika ini, bila kita membuat kesalahan kelajuan melebihi tiga kali, *immediately* kita punya *driving license* ini akan dibatalkan. Cara mereka ialah mereka ada sistem komputer di kereta perondanya itu. Kalau dia cek, dia tengok ada dan melebihi tiga kali, maka kita sudah tidak boleh membawa kereta. Ada satu pegawai polis

bawakan dan kita masuk dalam kereta dia pula terus pergi ke mahkamah yang terdekat dan terus didakwa. Kalau tidak boleh bayar, masuk dalam penjara sekejap.

Jadi, ini menyebabkan kita berasa takut. Sistem ini yang perlu ada kepada kita dan sebab itulah pengkomputeran yang lebih canggih ini perlu digunakan oleh pihak polis dan sebab itulah saya mengharap kerajaan memberikan penumpuan perbelanjaan yang lebih tinggi kepada polis kerana kebajikannya ialah untuk kita sendiri. Iaitu keselamatan negara supaya orang lebih terjamin. Kalau tidak kita lihat sekarang ini soal kecurian, rompakan dan sebagainya menjadi-jadi dan menakutkan kita. Yang lebih mendukacitakan Tuan Yang di-Pertua ialah kecurian ini di kawasan kampung-kampung pun sebenarnya menjadi-jadi. Dalam keadaan kita lihat di kampung ini - polis, balai polis jauh ataupun kekurangan anggota. Jadi di kampung-kampung kita sendiri pun kita berasa kurang selamat.

Kita amat berterima kasihlah kepada polis di dalam menjalankan tugas, mereka sebenarnya cukup cekap dan berjaya. Baru-baru ini, kita lihat bila berlaku kes pembunuhan perempuan Mongolia, kita lihat tindakan itu begitu cepat dan ini menjaga imej negara sebenarnya. Iaitu bahawa polis mampu menyelesaikan kes-kes ini dengan begitu cepat dan segera. Ini menunjukkan sebenarnya polis cekap. Soal ada polis yang melanggar peraturan dan undang-undang, ini adalah masalah yang perlu juga diberi perhatian tetapi itu tidak menyebabkan, maksudnya kita mengatakan polis di negara kita ini terlampau teruk. Tetapi jangan sampai kita lupa polis juga sebenarnya memerlukan sokongan supaya mereka ini mendapat peruntukan yang lebih. Sebagai contohnya, CCTV ini. Sepatutnya ini peranan siapa sekarang? Ada kata polis, ada kata PBT dan sebagainya. Tetapi polis memberi jaminan kalau mereka diberikan peruntukan, maka mereka boleh memasang CCTV ini di tempat-tempat yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang B.49 iaitu Kementerian Pengajian Tinggi. Baru-baru ini sudah diumumkan iaitu bahawa kita akan mendapat lagi sebuah universiti, Universiti Pertahanan Nasional. Baru-baru ini kita juga mendapat sebuah universiti di Terengganu dan satu lagi di Kelantan. Di Kelantan ini pun saya tidak tahu apa nama dia. Ada kata 'UDANA' - Universiti Darul Naim. Di Terengganu, tidak tahu apa nama dia. Mungkin Universiti Darul Iman.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan sekarang ini ialah Kementerian Pengajian Tinggi ini ada yang mengatakan bahawa mereka sekarang ini walaupun ada universiti yang dikorporatkan, tetapi mereka masih menghadapi masalah dari segi bantuan-bantuan penyelidikan. Dulu di universiti ada dipanggil sebagai IRPA dengan izin, *intensified research for priority area* iaitu kajian industri untuk *area* atau bidang-bidang yang menjadi keutamaan. Iaitu maksudnya jika sekiranya bidang pengajian itu ialah bidang pengajian yang mendatangkan kebaikan untuk ekonomi negara. Contohnya barangkali bioteknologi, kajian tentang aeroangkasa barangkali. Maka perlulah peluang penyelidikan itu diutamakan kepada penyelidik-penyelidik ini.

Tapi apa yang kita faham sekarang ini ialah IRPA ini sendiri sebenarnya tidak mendapat bantuan penyelidikan yang mencukupi. Sebab itulah akhirnya kita tidak ada penyelidikan-penyelidikan *research industry* yang menjadi keutamaan ini yang sebenarnya yang banyak di negara kita. Ada kajian seperti tentang pelacuran, itu pun akhirnya dia kata dia tidak buat kenyataan itu. Di peringkat awal nampak macam berani sangat. Mengatakan ada 4,000 pelacur kanak-kanak. Kemudian dia kata bahawa dia sanggup berdepan untuk menjelaskan tentang kajian tersebut. Tapi bila sudah tertekan agaknya, dia kata tidak membuat kenyataan tersebut. Dia kata dukacitalah. Saya ragu-ragu tentang kenyataan dia itu. Peringkat awal nampak hebat sangat.

Sebab itulah saya kata bahawa dalam soal penyelidikan ini, Kementerian Pengajian Tinggi mestilah menambah jumlah wang untuk IRPA ini iaitu *intensified research for priority area*. Terutamanya kita melihat dalam soal industri automobil, kita dapati bahawa industri automobil negara kita semakin mencabar sekarang ini. Saya tidak tahu maksudnya penyelidikan-penyelidikan universiti dalam bidang industri automobil ini, sejauh mana mereka melakukan kajian-kajian ini.

Satu lagi ialah tentang kajian mengenai dengan pencemaran sungai. Apa yang saya dengar, ramai di kalangan *researcher* ini merungut sebab mereka sebenarnya mempunyai kemampuan untuk membuat penyelidikan bagaimana untuk merawat sungai-sungai kita ini menjadi sungai yang bersih sebenarnya dan yang berkualiti tinggi. Tapi bila mereka datang kepada kerajaan negeri untuk mendapatkan bantuan untuk *research* ini, kerajaan negeri mereka tidak ada sumber kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Jadi sebab itulah saya berharap Kementerian Pengajian Tinggi mesti memastikan bahawa di setiap universiti ini ada sumber itu IRPA ini adalah cukup besar supaya pengkaji-pengkaji kita ini, yang saya yakin sebenarnya berkemampuan untuk melaksanakannya.

Sebab saya ambil contoh penyelidik-penyelidik daripada USM yang terpilih dalam kajian Antartika, saya difahamkan mereka berjaya menghasilkan *volume* penyelidikan sebanyak 12 *volume* seperti ketebalan *Yellow Pages*, dengan izin. Ini membuktikan bahawa pengkaji-pengkaji kita sebenarnya berkemampuan tinggi seperti Dr. Azizan yang membuat penyelidikan di Antartika selama lebih kurang enam bulan sampai dia kata dia pun tidak nampak cahaya matahari, dia tidak tahu bila hendak berpuasa dan sebagainya.

Tetapi ini adalah satu bukti bahawa *researcher* kita ini adalah *researcher* yang berkeupayaan. Cuma masalahnya, *researcher* lain ini mereka kekurangan geran untuk melakukan penyelidikan yang besar ini khususnya dalam bidang-bidang industri yang menjadi keutamaan ini. Jadi saya harap Kementerian Pengajian Tinggi mestilah melihat perkara ini dengan serius, jangan hanya memikirkan perkara-perkara yang lain yang kadang-kadang tidak

dapat membantu pembangunan sebuah universiti sehingga universiti di negara kita ini akhirnya dilihat semakin merosot dan semakin merosot dia punya tahap kecemerlangan.

Baru-baru ini kita dengar jatuh lagi prestasi universiti kita. Dahulu sudahlah jatuh tetapi yang lebih menyedihkan kita baru-baru ini dilaporkan, jatuh lagi. Jadi bagaimana kita hendak mempertahankan keupayaan dan integriti universiti di negara kita ini sedangkan kita mengatakan bahawa kita mahu menjadikan Malaysia ini sebagai *hub* pendidikan utama, hendak menarik lebih ramai orang datang belajar di negara kita. Dan baru-baru ini saya terbaca bahawa kerajaan akan meningkatkan lagi promosi universiti-universiti kita ini di luar negara untuk mendapatkan lebih ramai pelajar masuk ke negara kita.

Tetapi apa yang berlaku ramai masuk daripada India, Bangladesh dan sebagainya, rupanya hendak bekerja di Malaysia. Jadi pelajar-pelajar yang *genuine* ini tidak akan masuk sebab mungkin mereka mempertikaikan kualiti universiti-universiti kita. Jadi saya harap Kementerian Pengajian Tinggi dapat memberikan perhatian kepada perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikitlah tentang Kementerian Pelancongan ini. Ini sama juga dalam menyebut perkara B.31 dan sebenarnya kadang-kadang perkara ini berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan iaitu B.44. Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan kadang-kadang kita ini melakukan pembaziran. Sebagai contohnya, kami Ahli-Ahli Parlimen ini selalu dapat kad jemputan, pelbagai majlis yang kita tidak tahu kadang-kadang sebenarnya apa dia punya tujuan. Apakah itu menguntungkan? Apakah itu sebenarnya dapat menarik pelancong? Dan kenapa kita pula, Ahli-Ahli Parlimen dapat kad-kad jemputan dan kadang-kadang saya tengok kad jemputan ini sampai kita sudah tidak mampu hendak baca, banyak sangat kad jemputan dan kad jemputan ini pula dicetak dengan harganya yang mahal.

Saya ambil contoh yang ini, Kementerian Pelancongan, ia hantar kepada kami, Ahli-ahli Parlimen untuk menonton ke Majlis Pra Tonton Filem *Baabul* sempena GIFA 2006. Saya tengok ada gambar Shah Rukh Khan. Satu lagi ialah Perlawanan Bola Sepak Selebriti, GIFA 2006. Tuan Yang di-Pertua, yang ini saya kadang-kadang merasakan bahawa sebenarnya ini menarik pelancong ataupun untuk kita di sini sahaja, *local* di sini. Sepatutnya perkara ini ialah di luar negara untuk menarik pelancong-pelancong daripada luar datang ke negara kita ataupun sebenarnya kita hendak menarik orang *local* ini melihat filem *Baabul* ini.

Ini yang saya mempertikaikan dan boleh dikatakan setiap minggu dan setiap bulan ada sahaja kad jemputan ini diterima. Jadi saya mempertikaikanlah cara Kementerian Pelancongan ini dari segi mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2007 yang akan diadakan tahun hadapan dengan tujuan untuk menjana ekonomi negara. Jadi sebab itulah saya berharap bahawa Kementerian Pelancongan tidak melakukan pembaziran dari segi promosi ini supaya apa yang dilakukan itu biarlah benar-benar terancang dan benar-benar sebenarnya membawa pelancong asing ke negara kita.

Kalau boleh tumpulah kepada negara-negara yang sememangnya memang mereka ini berminat untuk datang melancong ke negara kita daripada kita pergi ke negara-negara yang sebenarnya kita pergi ke sana pun dia tidak datang, katalah Cyprus ke ataupun Mongolia ke. Lebih baik kita pergi ke negeri-negeri seperti negara Timur Tengah yang kita lihat lebih ramai pelancong-pelancongnya datang ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang B.22 ini, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kita berterima kasihlah kepada kerajaan yang mengutamakan pembangunan luar bandar ini. Tetapi kita berharap bahawa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini juga sebenarnya bagi sayalah, Tuan Yang di-Pertua, memerlukan juga kakitangan yang ramai supaya mereka ini dapat menjalankan tanggungjawab dengan lebih berkesan dan di luar bandar ini kita dapati bahawa masih banyak lagi jalan-jalan kampung yang perlu dinaiktarafkan ataupun jalan-jalan kampung yang rosak perlu diperbaiki dan sebagainya.

Jadi saya berharap bahawa peruntukan daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, pelaksana ialah JKR, kadang-kadang tidak ada keselarasan. Jadi wang yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah untuk menurap jalan-jalan kampung ini kadang-kadang apabila tidak dipantau maka berlaku masalah dari segi kualiti pembinaan. Saya harap, maksudnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini walaupun yang melaksanakan JKR, tetapi mereka juga patut turun ke bawah memantau jalan-jalan kampung ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak, berlaku baru-baru ini satu kes iaitu baru sehari siap, besoknya sudah tenggelam, masuk dalam jalan kampung tersebut. Baru-baru ini pula berlaku di satu tempat di Ayer Hitam, saya lihat dalam surat khabar iaitu bila dia letak motor itu, tongkat motor pun termasuk ke dalam. Maka ini membuktikan bahawa kadang-kadang apa yang kita buat itu berlaku pembaziran kerana masalah *delivery* ini, masalah dari segi pelaksanaan dan saya harap Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dapat memastikan bahawa mereka mempunyai pegawai-pegawai yang turut memantau, melihat sendiri apa yang dilakukan oleh JKR.

Maka kita berharap kerajaan juga dapat menambah lebih banyak peruntukan untuk pembangunan luar bandar ini terutamanya kita melihat banyak kemudahan yang perlu dinaikkan taraf seperti balai-balai raya yang kita lihat kebanyakannya ini telah dibina 20, 30 tahun yang lalu, keadaannya daif. Kita lihat ada banyak balai raya ini dari segi *wiring* dan sebagainya adalah begitu mendukacitakan dan ada yang membahayakan sebenarnya.

Jadi sebab itulah saya harap Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini juga mendapat perhatian yang diutamakan sebab kalau kita lihat kerajaan sebenarnya memberikan keutamaan kepada pembangunan luar bandar ini selain daripada pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang Kementerian Kesihatan. Kita berterima kasihlah bahawa banyak hospital baru yang dibangunkan oleh kerajaan. Tetapi baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, berlaku satu kes di hospital swasta iaitu oleh kerana *patient* atau pesakit ini apabila dia terpaksa *queue* di hospital kerajaan untuk mendapatkan rawatan jantung, maka dia terpaksa pergi ke hospital swasta tetapi doktor hospital swasta ini memaklumkan dia tidak boleh menerima *patient* atau pesakit ini kerana kalau dia terima, dia memerlukan belanja sebenarnya untuk memulakan rawatan tersebut dan yang menyusahkan atau menjadi masalah kepada doktor ini ialah *patient* ini sebenarnya kritikal tetapi kalau dia hendak merawat *patient* ini maka dia kena keluarkan belanja sedangkan *patient* ini tidak berkemampuan, tidak ada kemampuan kewangan sebenarnya.

Sebab itulah saya berharap Kementerian Kesihatan mencari jalan iaitu bagaimanakah maksudnya insurans kesihatan ini dapat diwujudkan segera sekurang-kurangnya kita menggunakan sistem potongan seperti KWSP supaya mereka ini mendapat atau mereka ini ada insurans kesihatan ini dan memudahkan mereka mendapat rawatan segera kalau tidak pun mereka boleh pergi ke hospital kerajaan, maka mereka boleh pergi ke hospital swasta yang pakar mereka lebih ramai sebenarnya sebab dari segi kemanusiaan apabila orang ingin mendapatkan rawatan dan doktor tahu bahawa mereka ini barangkali tempoh nyawa mereka itu terlalu pendek sedangkan mereka tidak dapat rawatan segera.

Maka inilah menyebabkan apa yang saya difahamkan kadar kematian itu adalah semakin tinggi sebenarnya. Jadi sebab itulah saya harap Kementerian Kesihatan ini juga walaupun disebut bahawa Kementerian Kesihatan adalah kementerian yang begitu tinggi mendapat peruntukan daripada kerajaan selepas Kementerian Pelajaran, kemudian Kementerian Kesihatan, kemudian PBT tetapi saya berharap dalam perkara seperti ini kerajaan harus memberikan perhatian sebenarnya iaitu menyediakan kemudahan insurans kesihatan yang perlu disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya nyatakan...

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Mohon laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad. Saya tertarik tadi dengan saranan Yang Berhormat mengenai dengan Kementerian Kesihatan. Mungkin Yang Berhormat tidak melihat dalam Maksud B.42(1), ada menyatakan bahawa sebanyak RM20 juta diperuntukkan untuk membiayai Kempen 'Tak Nak' rokok. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, kalau hendak buat Kempen 'Tak Nak' merokok, kenapa jual rokok? Kita jual arak, tetapi tidak ada kempen 'tak nak arak'. Untuk saya kedua-duanya akan merosakkan kesihatan kita.

Jadi daripada kerajaan membelanjakan duit RM20 juta untuk kempen ini, apa pandangan Yang Berhormat kalau kita haramkan terus rokok dan arak. Jadi RM20 juta ini kita boleh belanja untuk ibu tunggal, anak-anak miskin dan sebagainya daripada kita buat pembaziran untuk buat kempen seperti ini. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Ini sebenarnya satu isu yang besar tentang arak dan juga rokok. Saya memang tidak merokoklah, jadi kalau Yang Berhormat tanya saya, saya setuju maksudnya rokok ini diharamkan tetapi apa yang saya tahu di dalam Bajet 2007 baru-baru ini kerajaan telah menaikkan lagi cukai rokok walaupun barangkali tidak begitu tinggi tetapi saya berharap dari semasa ke semasa cukai ini kita kena naikan.

Soal arak ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa harus ada kaedah bagaimana untuk kita mengatasinya terutamanya iaitu untuk memastikan bahawa tidak begitu mudah arak ini dijual kepada anak-anak muda. Kalau di negara Barat ini, mereka boleh mewujudkan peraturan yang ketat, mengapa tidak di negara kita? Sebab itu kita dapati bahawa kebanyakan apa yang berlaku, pemandu-pemandu bas ekspres, pemandu lori dan sebagainya, kemalangan jalan raya ini berpunca ialah kerana mereka ini sebenarnya *consume* alkohol, dengan izin.

Mereka memandu dalam keadaan mereka meminum arak sebelum daripada itu. Sebab itulah kadang-kadang kita boleh hairan, kenapa maksudnya di jalan raya yang tidak ada kereta ketika itu mereka boleh tersasar daripada jalan raya. Sebenarnya ialah mereka meminum arak. Tetapi dari segi perbelanjaan kempen untuk tidak merokok ini, yang ini memang jadi pertikaian iaitu sama ada kempen ini berkesan ataupun tidak, sama ada ia sampai sebenarnya kepada masyarakat dan mereka meyakini bahawa merokok itu berbahaya kepada kesihatan. Jadi memanglah perbelanjaannya itu begitu tinggi sedangkan keberkesanannya dipertikaikan.

Walau bagaimanapun saya melihat dalam perkara ini kerajaan harus memikirkan kaedah kempen ini, berkesan ataupun tidak. Tetapi kalau sekiranya tidak berkesan, maka kita rasakan tidak perlu kita membuang perbelanjaan, menghabiskan atau membazirkan wang semata-mata untuk Kempen 'Tak Nak' merokok ini.

Ini jelas sebab kita tahu bahawa merokok ini memang membawa kesan. Saya tahu Yang Berhormat tidak menghisap rokok, tetapi saya sebenarnya menyokong ada kaedah yang lain, iaitu kita menaikkan cukai rokok, cukai arak ini melipat kali ganda. Tetapi, macam mana pun Yang Berhormat, orang merokok ini, kalau dia sudah ketagih dia merokok juga. Itu yang menjadi masalah. Mungkin ada cara lain, tetapi sebenarnya kalau kita lihat, apabila kita tidak membenarkan orang merokok di tempat-tempat tertentu, sekarang ini kita lihat rakyat mematuhi peraturan tersebut. Jadi, sebenarnya kalau kita memperketat undang-undang, boleh sebenarnya dan saya yakin bahawa saya pernah berjumpa dengan orang yang dia kata satu hari dia merokok seratus batang rokok, tetapi akhirnya dia kata dia berjaya berhenti merokok. Jadi, dia kata pembohong besarlah kalau orang itu kata, apabila dia sudah merokok, dia tidak boleh berhenti merokok. Dia kata dahulu dia menghisap rokok seratus batang sehari.

Jadi, saya rasa itu yang....

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Pohon laluan, terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berpandangan bahawa Kempen Anti Merokok ini adalah satu perkara yang telah lama dilaksanakan. Pada penggal yang lalu, kita telah membincangkan dengan panjang lebar dan kita meragui keberkesanannya. Jadi, untuk memulakan kempen merokok bagi tahun hadapan, kenapa tidak kerajaan memulakannya di bangunan yang mulia ini yang ada dua-dua Dewan. Kenapa di kantin contohnya, tidakkah boleh kita adakan satu ruang untuk tidak merokok bagi menghormati orang yang tidak menghisap rokok. Kasihan pegawai-pegawai kerajaan tidak semua menghisap rokok. Saya pohonlah sekali lagi terutamanya kepada Tuan Yang di-Pertua untuk mengadakan di kantin Parlimen satu ruang untuk orang-orang yang tidak menghisap rokok, apa pandangan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang itu saya bersetuju sebab baru-baru ini saya terbaca satu *statement* oleh seorang doktor yang mengatakan bahawa asap rokok itu juga menyebabkan orang itu boleh kena kanser. Jadi, apabila saya baca kenyataan itu, memang saya takut, tetapi masalahnya ialah apabila kita berkawan dengan orang merokok, dia merokok, kita hendak lari daripada dia, nanti dia kata kita kurang ajar pula. Tetapi, itulah masalahnya iaitu bahawa kadang-kadang orang yang merokok ini pun harus ada pertimbangan dia juga. Walau bagaimanapun saya setuju dengan Yang Berhormat tadi iaitu kalau bolehlah Parlimen kita ini tempat kita membuat undang-undang sebagai contohnya di kantin itu, sediakanlah tempat khas untuk merokok. Jadi, mereka tidaklah boleh merokok dengan bebas. Saya ingat itu yang saya boleh jawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Heng Seai Kie.

4.18 ptg.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Dewan Undangan Negeri Perak kerana telah melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara. Saya ingin menyentuh tentang peruntukan untuk taska komuniti dan B.48. Jadi, untuk itu saya meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang definisi taska komuniti, bilangan taska komuniti yang terdapat di Malaysia dan syarat kemasukannya. Adakah terdapat sebarang peruntukan khas untuk penempatan anak-anak ibu tunggal di taska komuniti ini. Ini memandangkan salah satu masalah utama yang dihadapi oleh ibu tunggal yang ingin bekerja ialah masalah penjagaan anak-anak mereka, dan ketidakmampuan mereka untuk membayar yuran taman asuhan ataupun taska kanak-kanak swasta yang secara puratanya adalah mahal.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, kemudian Puan Mumtaz binti Md Nawi.

4.20 ptg.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian....

Tuan Yang di-Pertua: Saya mohon izin, untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya bercadang supaya masalah di hadapan kita ini diputuskan pada hari ini juga. Jadi, Yang Berhormat tidak perlu kluatir sama ada perlu datang untuk menggulung dan menjawab pada hari Isnin nanti, dan sekiranya kita tidak dapat untuk putuskan sebelum 5.30 petang, saya akan minta kerajaan supaya kemukakan usul supaya masa perbahasan dilanjutkan sehingga masalah di hadapan kita ini diputuskan, sila Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya pendekkan.

Tuan Yang di-Pertua: Kita perlu orang bercakap panjang-panjang.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2006. Saya terus kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri iaitu B.62. Saya setuju dengan rakan saya tadi iaitu tenaga polis perlu dipertingkatkan dan hari ini ramai orang telah bercakap tentang polis. Jadi, polis ini jangan satu dua orang, kita tidak hendak polis yang melakukan kesalahan, kita hendak tubuhkan Suruhanjaya Polis ini. Dengan penubuhan Suruhanjaya Polis, sudah tentu akan melemahkan polis. Kita tahu hari ini polis di Malaysia adalah polis yang terbaik. Janganlah satu dua orang, maka kita hendak rosakkan pasukan polis kita sendiri.

Jadi, kita lihat baru-baru ini pembunuhan seorang rakyat daripada Mongolia, begitu cepat sekali polis telah pun mengambil tindakan, begitu juga kita berharap, kita lihat along berleluasa di sana sini, ada keluarga terpaksa korbakan anaknya sendiri. Maka ini adalah tanggungjawab polis. Jadi, saya setuju bahawa peruntukan polis ini patut ada pertambahan, peruntukan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri perlulah ditambahkan.

Satu lagi tentang Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, iaitu B.22. Kita lihat hari ini, luar bandar kita bercakap soal ibu tunggal, bapa tunggal. Maka mereka ini perlukan bantuan, jadi saya rasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah juga bertanggungjawab. Hari ini kita lihat KEMAS, KEMAS memainkan peranan yang penting, pernah juga ada kelas-kelas masakannya.

Tetapi, yang malangnya hari ini, dia ada kelengkapan tetapi tidak ada tenaga pengajar. Ada periuk, ada dapur yang canggih-canggih tetapi tenaga pengajar tidak ada. Inilah kelemahan daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan saya harap kementerian ini dapat mengambil tindakan dengan segera. Satu lagi, kempen 'Tak Nak' merokok. Bagi sayalah, pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, kempen 'Tak Nak Merokok' ini gagal, tidak berjaya. Jadi, kalau ada orang hendak merokok, kita biarlah dia merokok. Satu hari dia akan sedar sendiri. Tidak payah kerajaan membazirkan wang berjuta-juta ringgit untuk kempen 'Tak Nak' merokok.

Saya cadangkan dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, kita mansuhkan kempen 'Tak Nak' merokok ini.

Peruntukan yang ada itu kita beri kepada luar bandar, kita boleh bina jalan, kita boleh bina ekonomi, macam-macam kita boleh buat, itu cadangan saya Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi tentang Kementerian Pelajaran iaitu B.41. Kita lihat hari ini Kementerian Pelajaran bercakap begitu canggih, pendidikan begitu penting sekali. Ada sekolah-sekolah di luar bandar Tuan Yang di-Pertua, begitu daif sekali. Kita tengok dalam televisyen, TV1, TV2, tunjuk tentang disiplin anak-anak kita, kebersihan tandas, tetapi tandas di sekolah begitu kotor sekali Tuan Yang di-Pertua. Jadi, bagaimana kita hendak mengasuh anak-anak kita kalau tandas sendiri di sekolah kotor?

Jadi, saya mintalah Kementerian Pelajaran jangan dok cakap soal membina sekolah-sekolah baru, tengok-tengok sekolah-sekolah di luar bandar yang lama, ambil tindakan, tandas kotor, tempat guru tidak begitu selesa, kantin tempat anak-anak makan tidak selesa. Jadi, saya berharaplah supaya perkara-perkara ini diambil tindakan dengan segera.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, tentang Kementerian Belia dan Sukan. Belia juga memainkan peranan yang penting, belia juga aset kepada negara. Hari ini kita lihat Kementerian belia dan Sukan Tuan Yang di-Pertua, kita tengok banyak ditumpu kepada sukan, sukan pun tidak setara mana kejayaan kita.

Di Doha hari ini, bola sepak sudah balik, sudah bungkus berapa pingat emas yang kita dapat. Tetapi, belia-belia kita ini di kampung, bercakap soal Mat Rempit, soal gejala sosial, patut dihukum, penjara, disebat, tetapi siapa yang mendekati mereka ini? Siapa? Adakan peruntukan untuk belia-belia di kampung. Kita buat *billboard* berjuta-juta ringgit kita belanja, '*Belia Benci Dadah*', tetapi berapa banyak peruntukan dibawa ke kampung-kampung, berapa banyak persatuan belia yang mendapat manfaat ini, begitu juga dengan sukan. Kita ada persatuan-persatuan sukan di daerah-daerah, tidak ada satu sen pun peruntukan yang diberikan oleh Kementerian Belia dan Sukan kepada persatuan daerah.

Jadi, bagaimana kita hendak bangunkan atlet-atlet baru sedangkan peruntukan tidak ada di luar-luar bandar ini Tuan Yang di-Pertua, dan akhir sekali tentang Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ini. Akhbar-akhbar dan televisyen ini patut dikawal. Saya mintalah kerajaan, saya lihat hari ini Utusan Malaysia, Utusan Malaysia satu-satunya Utusan yang ada, ini kita hendak gabung pula dengan *New Straits Times*, dengan Berita Harian. Kita lihat satu syarikat ia akan menguasai televisyen swasta, dia akan menguasai akhbar. Kenapa kerajaan memberi kebebasan kepada syarikat ini, tidak ada syarikat lain kah yang boleh, kalaulah dia berniat tidak baik, hendak menjatuhkan kerajaan dalam dua hari, hari ini dia masuk televisyen, besok dia melalui dengan akhbar, rosak negara kita. Ini kita kena ambil perhatian...

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Ya, sila-sila.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir. Saya tertarik Yang Berhormat mengenai dengan *Utusan Malaysia* yang dibawa oleh Yang Berhormat tadi tentang penggabungan. Kita melihat negara Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi, kita kata kita sebuah negara yang bebas, akhbar melaporkan segala-galanya. Hari ini kita dengar ura-ura untuk menggabungkan, *Utusan Malaysia, Berita Harian, New Straits Times* seolah-olah ada satu syarikat besar yang hendak mengawal seperti apa Yang Berhormat kata tadi, satu hari dia boleh menghebahkan sesuatu perkara yang boleh membawa bencana kepada negara kita.

Saya minta kerajaan supaya lebih berhati-hati tentang keputusan untuk menggabungkan *Utusan Malaysia* dengan *New Straits Times, Berita Harian* dan sebagainya. Kerana kita kena tahu sejarah penubuhan *Utusan Malaysia*, bahawa *Utusan Malaysia* ini adalah satu suara yang telah ditubuhkan begitu lama untuk menyuarakan dan mengetengahkan masalah-masalah orang Melayu. Jadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, kalau boleh apa pandangan Yang Berhormat sekiranya kerajaan membiarkan *Utusan* itu sebagai satu identiti orang Melayu dan biarkan *Utusan* itu menyiarkan berita-beritanya sendiri dan biarlah *Berita Harian, New Straits Times* atas sebuah syarikat yang lain, kerana kita sebuah negara yang demokrasi dan sekiranya ini dibiarkan, saya kluatir bahawa identiti orang Melayu akan hilang, apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju 100% Yang Berhormat. Memang *Utusan Malaysia* kita minta kerajaan supaya mengawasi, janganlah ada gabungan. Kita lihat *New Straits Times* dengan *New Straits Times, Berita Harian* dengan *Berita Harian* nya. Kalaulah media masa di negara kita ini tidak dikawal, satu hari nanti negara akan hancur, percayalah.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Sila.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya sendiri pun sebenarnya tidak bersetuju keputusan dengan *NST* ini digabungkan, sebab bagi saya biarlah *Utusan* dengan identitinya, *Berita Harian* dengan *NST* dengan identitinya. Tidak perlu digabungkan sebab masing-masing mempunyai peranan masing-masing. Bagi saya oleh kerana akhbar ini sudah lama wujud, sudah banyak jasa dan peranan, maka tidak perlu digabungkan. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat bahawa ada kenyataan yang menyebut bahawa penggabungan ini bukanlah penggabungan dari segi editorial, ataupun dia punya *chief editor*, polisi dan sebagainya, penggabungan ini hanyalah penggabungan dari segi kemudahan iaitu penggabungan dari segi penggunaan *printer* dia.

Printer maksudnya digunakan bersama, dikongsi bersama antara *Utusan* dan juga *NSTP*, iaitu penggabungan dari segi menggunakan kemudahan supaya berlaku penjimatan dan supaya kedua-dua akhbar ini yang semakin merosot jumlah jualanannya itu dapat dipertingkatkan.

Jadi mereka tidak perlu berbelanja apabila menggunakan kemudahan yang berbeza. Jadi itu yang dimaksudkan sebagai penggabungan yang dicadangkan iaitu tidak menggabungkan dan segi pengurusan editorial dan sebagainya. Jadi apa pandangan Yang Berhormat, setuju atau tidak penggabungan secara demikian.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat. Apa sahaja penggabungan Yang Berhormat cara logiknya kalau diambil oleh sebuah syarikat itu hak mutlak. Apa dia hendak buat? Tapi ini dia kata penggabungan mungkin secara tidak mutlak. Maknanya masing-masing *Utusan Malaysia* dengan identitinya. Tapi bila syarikat itu sudah mengambil alih haknya, dia ada kuasa. Masa itu kita hendak buat apa pun tak boleh. Saya setuju Yang Berhormat kata mungkin *Utusan Malaysia* sudah menurun. Tapi kita boleh bantu dan ada cara lain yang kita boleh buat. Adakah dengan cara penggabungan ini *Utusan Malaysia* akan meningkat? Saya takut *Utusan Malaysia* lagi merosot sebab tidak ada orang yang menjaga *Utusan Malaysia* ini.

Jadi bagi saya walau apa cara sekalipun penggabungan ini, kita rasa jangan wujud sebab biarlah *Utusan Malaysia* dengan identitinya, *Berita Harian* dengan caranya, *New Straits Times* dengan caranya dan kalaulah penggabungan ini berlaku Tuan Yang di-Pertua, satu syarikat akan monopoli semua media massa di dalam Malaysia ini, yang tinggal RTM sahaja. Kita tak tahu RTM pun hendak hala tuju ke mana. Sebab hari ini kita lihat masing-masing hendak bersaing. RTM juga hendak bersaing, hendak tunjuk betapa ramai penonton yang ingin menonton RTM. Kita tidak boleh salahkan menteri ataupun Kementerian Penerangan. Beliau pun hendak tunjukkan Kementerian Penerangan juga boleh bersaing dengan televisyen swasta ini. Jadi kita takut soal kebajikan, soal sosial, soal imej negara tidak ada siapa yang akan mengambil berat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap panjang, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Mumtaz binti Md Naw. Terima kasih Yang Berhormat.

4.32 ptg.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin mengambil sedikit masa pada hari ini untuk membahaskan tentang beberapa *item* di bawah anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama.

Yang pertama B.31 iaitu mengenai Kementerian Pelancongan. Ini berkenaan dengan saya rasa galakan untuk pelancongan amat cantik namun sebagaimana yang menggegarkan Dewan Rakyat baru-baru ini iaitu tentang imej seks dan hiburan yang dikaitkan dengan negara kita. Saya ingin mengemukakan Usul agar pihak-pihak contohnya JAKIM dilibatkan sama dalam pengeluaran lesen ataupun permit untuk *spa* di hotel. Sebab saya difahamkan oleh beberapa orang rakan yang juga merupakan profesional bahawa keadaan di *spa* kebanyakan hotel yang beliau hadiri adalah seolah-olah dikatakan *authorize prostitution*.

Jadi kalau keadaan begitu yang dipandang oleh beberapa orang profesional dan juga mungkin beberapa orang pelancong, perkara ini bukanlah perkara yang kecil kerana *impaction* kepada negara kita tidak ingin imej negara kita dikaitkan dengan apa-apa unsur seks dari segi pelancongan.

Jadi untuk itu saya cadangkan dibuat pendaftaran khas untuk semua pekerja-pekerja di spa, dalam masa yang sama bagi memantau pendatang asing, pelajar asing ia juga akan membuatkan kita dapat kenal pasti kemahiran sebenar yang dimiliki oleh pekerja-pekerja spa itu sendiri, sama ada adakah betul mereka ini mempunyai kemahiran untuk merawat atau apakah kemahiran sebenar yang dimiliki oleh pekerja-pekerja ini. Ini juga yang akan menyebabkan kita mungkin menghalang dan menutup satu lagi pintu untuk perlakuan sumbang ataupun hubungan seks tanpa nikah yang akan menyumbang masalah sosial yang teruk kepada negara kita. Jadi ini juga akan memberi peluang kepada isteri-isteri yang mungkin merasakan suaminya kerap mengunjung *spa* untuk rasa lebih selamat bila kerajaan membuat pemantauan khusus. Jadi kita akan lihat kalau berlaku pertukaran pendaftaran pekerja *spa* setiap tiga minggu atau dua bulan. Apakah yang sebenarnya berlaku di sebalik perkara ini.

Jadi seterusnya tentang B.48 iaitu penyediaan bajet kecemasan ataupun tabung sosial untuk kemalangan jalan raya kerana saya sifatkan dalam keadaan negara kita ini kemalangan jalan raya bukan lagi kemalangan biasa tapi merupakan satu bencana. Jadi kerajaan sepatutnya boleh menyediakan satu peruntukan khas untuk kita serahkan kepada keluarga yang terlibat dalam kemalangan sebagai contohnya mungkin dalam RM500 setelah perkara ini disahkan oleh pihak hospital ataupun polis. Sebab kita lihat kemungkinan ada bantuan akan diberikan oleh pihak kerajaan sama ada melalui wakil rakyat dan sebagainya. Tapi bantuan ini kadang-kadang lambat dan tidak sempurna dan ada juga melibatkan masalah parti politik yang berlainan. Jadi perkara ini akan membebankan mangsa yang telah pun ditimpa dengan bencana.

Jadi sekiranya kita sebagai sebuah kerajaan yang baik sepatutnya kita boleh memberikan satu prasarana ataupun satu perkara yang boleh membantu orang yang terlibat dalam kemalangan. Sebab walaupun kita cuba hendak mengelakkan kemalangan, kemalangan tetap berlaku. Jadi saya lihat perkara ini tak dapat diselesaikan dan mungkin juga merupakan beban kepada Ahli-Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri kerana mereka dihadapkan dengan orang-orang sebegini pada masa mereka sepatutnya memikirkan tentang perundangan untuk mentadbir negara.

Seterusnya tentang penonjolan imej dan tindakan bersepadu dengan niat untuk mencegah kemalangan perlulah ditumpukan oleh kerajaan dalam strategi lima tahun sama ada memerlukan pendekatan agama kerana saya fikir dalam *post-mortem* yang kita lihat, kemalangan-kemalangan yang berlaku banyak terlibat kemalangan kerana tidak ada ketenangan oleh pemandu-pemandu semasa memandu ataupun menunggang. Jadi kalau kita dapat gabungkan tenaga agama dan tenaga kaunseling untuk merawat emosi pemandu secara

sistematik, mungkin pihak kerajaan boleh membuat satu strategi ataupun cara bagaimana untuk memastikan perkara ini sampai kepada masyarakat sebab sekarang tidak guna kita bina hospital kalau kita lihat orang yang memandu sendiri tidak memikirkan tentang keadaannya.

Jadi langkah sepatutnya mungkin kita kena fikir bagaimana cara yang kita perlu buat untuk menjadikan perkara ini disedari dan tidak boleh kita bebaskan semua perkara ini dengan undang-undang untuk dijalankan oleh pihak polis. Pihak polis ada banyak perkara yang perlu dia buat. Keselamatan jalan raya pun dia hendak pantau, hendak *check* lesen pun dia buat, jadi banyak perkara yang telah kita bebaskan kepada polis. Sepatutnya kita boleh membuat satu lagi perkara iaitu menghalang perkara ini daripada berlaku sebab saya percaya sebagaimana firman Allah Taala... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Yang bermaksud, “..Hendaklah ada di kalangan kamu satu kumpulan yang akan mengajak ke arah kebaikan, yang akan mengajak berbuat baik dan menghalang berbuat jahat”.

Jadi maknanya menghalang berbuat jahat ini jangan kita hanya fikirkan dalam konteks dosa sahaja tetapi dosa itu dalam konteks membahayakan nyawa orang lain juga satu dosa. Jadi perkara ini perlu dibuat dengan adanya kerjasama di semua peringkat. Jadi penyertaan wajib saya rasa oleh syarikat-syarikat insurans yang telah pun membayar sebanyak mungkin, sudah berbilion-bilion tuntutan kepada orang ramai. Sepatutnya syarikat insurans memberitahu tentang berbahayanya kemalangan ini sebagai mana mereka mengiklankan perlunya mengambil syarikat insurans mereka. Perkara ini lebih penting, penyertaan wajib syarikat-syarikat insurans dan Jabatan agama serta pengaktifan semua NGO-NGO untuk turut membantu kerajaan dalam usaha membudayakan pemanduan cara selamat.

Seterusnya lagi tentang B.6 iaitu di bawah JPM tentang kewujudan dua buah mahkamah iaitu Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Sepatutnya dengan sendirinya akan menerbitkan dan mewujudkan dua golongan peguam. Sebagai mana yang telah saya bahaskan sebelum ini Majlis Peguam Malaysia tidak membenarkan Peguam Syarie untuk menjadi ahli mereka. Oleh itu saya sekali lagi memohon kepada Jabatan Perdana Menteri untuk membolehkan ataupun untuk menggubal Akta Majlis Peguam Syariah sejajar dengan kewujudan akta-akta lain iaitu sebagai mana Akta Insurans, ada Akta Takaful, ada Bank Islam ada Akta Bank biasa.

Jadi kalau untuk mahkamah ini, saya tidak nampak lagi dibuat sebarang tindakan positif untuk mewujudkan Akta Majlis Peguam Syariah kerana keperluan undang-undang dan kelayakan peguam-peguam syarie dan peguam-peguam sivil adalah berbeza dan tidak sama. Kewujudan Persatuan Peguam Syarie Malaysia sebagai satu persatuan tidak sama tarafnya dan pengiktirafan serta *authority* dengan izin, ke atas Peguam Syarie. Ini juga akan menjadikan mereka pembantu yang berkesan kepada Mahkamah Syariah.

Akhir-akhir ini kita lihat banyak kes-kes yang didedahkan oleh akhbar yang sekali gus menyentuh hak kontrak sosial yang dilindungi oleh perlembagaan. Perkara ini banyak berlaku melibatkan kes Mahkamah Syariah dan juga Mahkamah Sivil. Jadi ketiadaan badan yang

tersusun untuk memberi nasihat akan menjarakkan lagi jurang ini. Sepatutnya kita boleh buat untuk menjadikan jurang ini lebih baik. Ada Peguam Syariah, ada Majlis Peguam Syarie yang akan membantu kerajaan untuk memberi nasihat yang lebih baik kerana sehingga kini walaupun diberi jaminan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan dilantik Peguam Syarie Negara sehingga kini belum ada lagi pelantikan tersebut.

Perkara ini tidak dapat kita tangguhkan lagi kerana keadaan sudah semakin meruncing. Setiap hari kita dikejutkan dengan berita-berita yang mungkin akan menyentuh masalah perlembagaan sedangkan perkara itu boleh diselesaikan dengan cara undang-undang sekiranya kita mendapat nasihat daripada pakar yang sebenar. Oleh itu, saya membuat gesaan adakah perkara ini dapat dijalankan dengan segera.

Seterusnya lagi tentang institusi masjid dan imam. Ini juga saya rasa di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk B.6. Penekanan kerajaan dalam RMK-9 adalah untuk pembangunan minda dan pembangunan insan bagi menjamin pembangunan insan. Namun satu perkara yang mungkin diabaikan oleh kerajaan walaupun mereka ini adalah pegawai yang dilantik oleh kerajaan, melalui perlembagaan ataupun melalui negeri iaitu pengiktirafan dan imej mufti, imam dan pegawai-pegawai masjid.

Sebagai orang Islam, kita percaya bahawa pendidikan agama Islam bermula di masjid. Namun apa yang kita lihat ialah pembinaan masjid-masjid. Pembinaan masjid dibuat dan saya juga berterima kasih kepada kerajaan kerana memberi penekanan kepada ini kerana ini merupakan satu prasarana. Tetapi pengisian masjid tidak dipantau. Apa guna kita ada masjid yang begitu besar, begitu canggih dan begitu cantik tetapi tidak ada orang yang akan memakmurkan masjid. Ini terjadi mungkin kerana pegawai yang dilantik tidak ada motivasi untuk membuat pembangunan kepada masjid kerana gaji yang diberikan kepada imam ataupun pengiktirafan yang diberikan kepada imam ataupun pegawai-pegawai masjid tidak selari dengan bangunan yang mereka jaga.

Jadi kita bayangkan, sebagai contohnya, kita boleh lihat di kampung-kampung bagaimana imam bekerja 24 jam sehari, daripada saat kelahiran seorang anak, hendak bercukur, akikah, berkahwin, bercerai, bergaduh, sakit, mati sehingga pengebumian semua imam buat. Sepatutnya sebagaimana kita boleh bagi insentif gaji untuk jururawat, untuk askar, maka begitu juga untuk imam. Kita jangan lupa bahawa imam terpaksa membuat kerja dua dalam satu masa semata-mata untuk menampung keperluan hidup dan mereka ini bukan bertanggungjawab hanya untuk dunia tetapi juga untuk akhirat.

Jadi sepatutnya sebagai sebuah kerajaan yang mengatakan mengamalkan Islam *Hadhari*, taraf imam dinaikkan sebagai mana pegawai-pegawai lain. Mereka dimuliakan. Dalam sembahyang kita letakkan imam di depan tetapi dalam membina polisi kerajaan, imam tak ditanya dan kalau mufti bercakap, mufti akan dihina. Adakah ini yang kita hendak bawa dalam masyarakat. Sepatutnya bila kita hormat dia semasa sembahyang, semasa dalam pekerjaan-

pekerjaan lain, dalam membina polisi pun kita mesti mengambil kira pandangan imam kerana mereka merupakan orang yang paling rapat dengan rakyat, berbanding dengan kita yang berada di Dewan Negara.

Jadi perkara ini sepatutnya kita boleh naikkan, saya lihat di sini ada peruntukan yang diberikan khas untuk menaikkan taraf dan gaji penghulu. Jadi gaji imam kenapa RM400, kenapa RM650? Mungkin perkara ini adalah bidang kuasa negeri tapi untuk Wilayah Persekutuan perkara ini berada di bawah Parlimen. Jadi kalau di Wilayah Persekutuan dapat menunjukkan satu contoh yang baik ia akan menerajui dan jadi contoh kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk memberi pengiktirafan yang sama kepada imam.

Saya juga menyeru kepada Kementerian Penerangan dan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi untuk memantau rancangan-rancangan TV dan drama-drama yang cuba memomokkan dan memburukkan imej orang agama dalam TV. Kalau pakai tudung, kalau pakai serban selalunya suka mengumpat. Adakah ini imej sebenar? Sedangkan dalam kita hendak pergi ke Mekah kita ajak orang ini jadi imam kita. Jadi perkara ini bila kita sudah bagi setiap hati momokkan sebegini lama-kelamaan hilang rasa *respect* kita kepada imam.

Jadi perkara sebegini dalam keadaan Islam *Hadhari*, Perlembagaan melindungi Islam sepatutnya sebarang tindakan ataupun imej yang diburukkan oleh media massa haruslah dihilangkan sama sekali, sebab ini merupakan orang yang paling baik sebagai mana kita tidak boleh menghina Perdana Menteri kita. Perdana Menteri untuk negara bagaimana untuk agama. Kenapa kita benarkan orang-orang sebegini menghina agama dengan cara menggambarkan bahawa orang yang bertudung, orang yang memakai jubah, orang yang memakai serban adalah orang jahat. Perkara ini mungkin ada kita tak nafikan bahawa ada yang pakai tudung dan pakai serban ada yang tak bagus. Tetapi tak semua, dan tak ramai dan perkara ini adalah berbeza dengan realiti yang kita terima kerana kita lihat kebanyakan yang membuat kes-kes jenayah jarang melibatkan orang-orang sebegini.

Sebagai mana juga kita maklum, kalau boleh kita minta peruntukan daripada kerajaan untuk ditambah supaya boleh menjadikan imam atau pendakwah sebagai profesional *dai'*. Jadikan mereka sebagai satu kerjaya profesional selaras sebagai mana kita lihat kalau kita boleh berikan peruntukan yang banyak mungkin untuk Kementerian Penerangan, peruntukan yang banyak untuk memanggil artis-artis yang terkenal untuk menjadi hos dalam sebarang *talk show* nya. Jadi kalau dipanggil penceramah....

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Yang Berhormat, minta laluan. Mohon maaf saya ingin bertanya, sama ada surau-surau yang tadi kita patut memperkasa dan Yang Berhormat mengatakan selalu melalui surau-surau ini adakah ini surau-surau di Kelantan ataupun di seluruh Malaysia dan berapa gaji Kerajaan Negeri Kelantan berikan kepada imam-imam di negeri Kelantan itu. Terima kasih.

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: Saya rasa masalah surau ini bukan sekadar berlaku di Kelantan pada keseluruhannya. Pengiktirafan ini bukan hanya untuk Kelantan sebab Kelantan, Menteri Besar pun kita lantik ulama. Maknanya, kita memang mengiktiraf orang agama untuk menjadi pemimpin, pentadbir, untuk menjadi pembuat polisi. Tetapi untuk perkara ini saya bukan hendak hadkan kepada Kelantan saya bukan datang ke sini sebagai Ahli Dewan Negara untuk Kelantan sahaja tetapi untuk umat, saya punya *liability* untuk Islam dan selama-lamanya dan untuk gaji saya tidak dapat berikan secara terperinci kerana saya tidak ambil daripada Kerajaan Negeri Kelantan berapa gaji.

Tetapi saya juga faham bahawa gaji bukanlah tinggi, tidaklah membanggakan saya rasa kalau kita hendak naikkan gaji mungkin kita boleh naikkan lagi taraf untuk menjadi imam mungkin perlu ijazah ataupun MA. Tetapi perkara ini saya rasa kita ada ramai graduan yang boleh dilantik. Sekarang pengiktirafan itu diberikan kalau kita boleh berikan pengiktirafan insya-Allah ramai akan berminat untuk menjadi imam dan perkara ini bukan setakat Kelantan, mana-mana negeri pun boleh buat jadi peneraju dan ikuti. Perkara-perkara ini adalah perkara yang baik.

Seterusnya lagi dalam aktiviti-aktiviti yang dilancarkan oleh RTM, saya mohon kalau boleh untuk dicadangkan bayaran kepada penceramah agama, motivasi serta pemimpin yang bercakap ataupun memberikan penerangan dalam TV diberikan setaraf dengan artis-artis terkenal kerana saya difahamkan melalui soalan lisan saya yang telah dijawab melalui bertulis, difahamkan bahawa bayaran itu berbeza bergantung pada populariti artis. Jadi kalau artis boleh diukur peminatnya dengan album, bagaimana kita hendak ukur kepopularan seorang pemimpin ataupun penceramah agama ataupun pakar motivasi. Jadi tidak logik kita hendak meletakkan ke popularitinya berdasarkan kepada peminat. Sekarang kita hendak membuat pembangunan insan, pembangunan minda.

Jadi sepatutnya RTM tidak membuat pengukuran sebegini untuk kita pastikan bahawa RTM sebagai agensi kerajaan tidak perlu membuat orientasi keuntungan tetapi lebih kepada penjurusan pembangunan minda. Jadi perkara ini kalaulah kita akan dapat tenaga-tenaga yang baik untuk kita *promote* kan dalam TV sebabnya kebanyakan tokoh-tokoh yang kita utamakan dalam TV kalaulah melibatkan pakar-pakar sebegini biasanya mereka bukan sekadar ada idea yang bagus tetapi boleh diikuti dari segi keterampilan. Jadi perkara ini tidak payah kita fikir, dekat luar pun mereka adalah daripada keluarga yang bahagia.

Seterusnya tentang pendidikan, saya rasa dari segi Kementerian Pendidikan, penekanan kepada kaedah. Mungkin kita tidak dapat tengok sekarang kaedah pencegahan ke arah berbuat perkara yang tidak baik. Sekarang kita nampak banyak jabatan-jabatan, JAKIM dan seterusnya yang menggalakkan membuat aktiviti yang berbentuk kebaikan tetapi kita tidak nampak *blueprint* yang jelas tentang program-program ataupun pelan sistematik tentang pencegahan termasuklah adab dan akhlak yang buruk yang dibuat oleh kerajaan kerana kita nampak perkara ini tidak

boleh berjalan serentak tidak boleh kita anggap bila anak kita tahu perkara ini baik dia akan tahu perkara satu lagi itu buruk.

Perkara ini tidak boleh jalan serentak jadi kalau pihak kerajaan boleh membuat satu pelan tindakan peruntukan yang sepatutnya untuk memastikan perancangan *blueprint* pendidikan bukan sekadar hanya membuat program-program yang menunjukkan benda ini baik tetapi kena juga buat program. Contohnya saya ingin bawa lebih dekat kalau mungkin contoh untuk orang Islam lebih senang saya rasa, contohnya kita menerangkan tentang syurga. Dalam masa yang sama kita kena buat penerangan tentang neraka terus sebab kata Allah Taala.. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Allah S.W.T tidak mengutus Rasul-Rasul itu melainkan untuk menceritakan tentang perkara-perkara yang baik dan perkara-perkara yang buruk supaya orang ramai tahu membezakan.

Jadi hari ini penekanan hanyalah untuk perkara yang baik tetapi perkara yang buruk kita tidak tonjolkan terangkan dengan sejelas-jelasnya supaya anak muda kita takut dan faham tentang keadaan HIV keadaan kemalangan dengan sejelas-jelasnya. Guru-guru hendaklah diberi penekanan supaya mereka memahami keseluruhan kesan-kesan, impak-impak buruk ini tidak akan boleh memberi satu peringatan atau amaran kepada anak muda kita.

Seterusnya lagi tentang wujudnya beza bagi dalam kes ini juga saya ingin menyeru bahawa kita ini sebagai orang Islam dan saya dengan penuh *respect* kepada orang yang bukan Islam dalam konteks ini, orang Islam sepatutnya tidak membezakan pendidikan agama ini dengan pendidikan akademik. Pendidikan agama adalah sama penting dengan pendidikan akademik kerana sebagaimana yang kita tahu kita akan berhadapan dengan mahkamah satu lagi di akhirat iaitu mahkamah Allah di mana undang-undang di situ yang akan dibicarakan adalah undang-undang agama.. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] iaitu hari di mana Allah Taala akan membicarakan tentang undang-undang agama.

Sebab itu dalam Islam kita ada dua rukun, Rukun Islam dan Rukun Iman, ada syariah iaitu undang-undang untuk kehidupan dunia dan ada juga kepercayaan serta keyakinan terhadap hal-hal ghaib untuk kita hadapi perkara ini di hadapan Allah di hari akhirat. Oleh itu saya juga memohon kerajaan sekiranya pada sesi yang sebelum ini Kerajaan Kelantan pernah memperkenalkan akta hudud tetapi dikatakan hudud PAS.

Saya memohon kepada pihak kerajaan sempena kepimpinan Pak Lah yang mengaku bahawa kita adalah kerajaan Islam *Hadhari*, tolonglah gubal akta hudud oleh kerajaan kerana mereka mempunyai kepakaran dan mahkamah. Kalaulah dulu Melaka pernah menggubal undang-undang hudud untuk orang Melaka, takkanlah Malaysia sampai 50 tahun kita hanya ada Enakmen Keluarga Islam sahaja, sampai bila kita hendak tunggu hudud untuk dilaksanakan kepada orang Islam?

Benda ini tidak kisah daripada parti mana tetapi yang pentingnya penekanan undang-undang Allah itu biarlah berjalan dan kalau ada benda yang perlu kita baiki, kita baiki sebab saya

rasa ini merupakan jawapan kepada masalah gejala sosial pada hari ini kerana undang-undang yang ada mungkin tidak cukup *deterrent* ataupun mengajar kita untuk menakutkan kita daripada terus membuat perkara-perkara yang tidak baik. Sebab saya rasa dalam proses integrasi nasional yang diberitahu oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa kita bukan asimilasi kita integrasi cuma sekarang bila sebut integrasi nasional, ramai anak muda Melayu yang terlibat dengan dadah.

Jadi bila hendak integrasi nasional orang kita terlibat dalam dadah macam mana hendak integrasi? So kita kena pastikan orang kita tadi orang Islam tadi orang Melayu tadi adalah orang yang bagus supaya proses integrasi nasional akan berjalan dengan baik sebab kaedah asalnya orang Islam itu adalah...[*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Seorang Islam itu akan menyejahterakan akan memberi kebaikan kepada Muslim yang lain tetapi hari ini yang kita nampak ialah Muslim yang membahayakan orang lain. Sebab dalam Islam dia ada Muslim fasiq dan Muslim mukmin, sekarang kerajaan kena berusaha untuk menjadikan semua kita ini adalah Muslim mukmin, Muslim yang ada iman yang ada kepercayaan supaya proses integrasi nasional akan berjalan dengan baik.

Kita akan jadi Muslim yang akan menolong kepada perkembangan negara dan penyebaran Islam bukanlah menakutkan orang lain dengan perangai Islam yang perkara yang kita buat itu bukan perkara Islam tetapi orang nampak orang Islam yang buat. Jadi sebab kita kena percaya kepada ini perkara yang telah pun dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. kepada Arab Jahiliah. Jahiliah pun boleh baik dengan Al-Quran, orang Malaysia ini jauh lebih daripada Jahiliah. Sepatutnya kita kena gunakan Al-Quran dan As-Sunah supaya kita boleh mengembalikan maruah dan perangai orang Melayu yang sebenar orang Islam yang baik ini dalam masyarakat Malaysia di abad ke-20 dengan pelaksanaan Islam *Hadhari*.

Dengan itu saya ingin menyentuh untuk B.4 iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya di mana semasa kedatangan Datuk Suruhanjaya Pilihan Raya ke Kelantan, saya ada mengemukakan satu cadangan bahawa kenapa dari segi pembayaran kena dibuat oleh semua orang yang membantah daftar pemilih kena bayar RM10 setiap satu nama. Jadi dalam satu kes di Kelantan satu kawasan pilihan raya itu ada 1,800 pengundi hantu. Jadi seorang manusia RM10, 1,800 habis RM18,000 hanya untuk membantah. Setelah di bantah betul ini adalah semua orang yang terdapat dalam kawasan jadi sepatutnya dalam mana-mana kes melibatkan di mahkamah sekiranya kita dapat buktikan bahawa kita benar sepatutnya wang itu dibayar balik dijadikan deposit bukan jadinya *fee*.

Saya mohon benda ini dipertimbangkan kalau boleh tidak perlu dijadikan satu *fee* tetapi satu deposit. Sebarang bantahan sama ada oleh mana-mana parti untuk menentukan siapa sebenarnya pemilih di kawasan masing-masing. Seterusnya lagi tentang kedudukan kita yang mengamalkan kerajaan majoriti. Saya juga ingin membuat satu usul agar kerajaan memasukkan di dalam bajet seterusnya iaitu tentang keperluan kita untuk mengkaji semula sistem pilihan raya

kita adakah kita perlu membuat *proportionate rate* sekarang sebagai contohnya yang dibuat di New Zealand iaitu pengundian berdasarkan parti dan wakil sebenar berdasarkan kepada undi yang mereka terima bukan hanya bergantung pada majoriti.

Sebab saya rasa dalam keadaan masyarakat hari ini orang Malaysia sudah cerdik sepatutnya jumlah yang hadir hari ini adalah jumlah yang sebenar yang diundi dalam pilihan raya. Adalah tidak munasabah kita hanya menang pilihan raya kerana satu undi, lebih baik kita akan membawa orang yang sebenar yang menjadi wakil kepada orang yang dipilih oleh rakyat untuk membahaskan tentang kepentingan masing-masing. Kita lihat hari ini bagaimana dengan adanya Senator daripada Orang Asli, kepentingan Orang Asli diutamakan. Tetapi bagaimana dengan beberapa golongan yang tidak ada dalam Dewan ini.

Jadi perkara ini mungkin kita akan terlepas pandang kalau kita hanya mengamalkan sistem begini dan kemungkinan walaupun perkara ini tidak dapat kita buat dengan segera tetapi kajian sekiranya dapat dibuat oleh kerajaan akan memberikan kebaikan untuk kemajuan negara kita supaya kita lihat bagaimana orang yang apa inspirasi rakyat akan dibawa ke Dewan sama ada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara kerana mereka mewakili undi yang mereka terima pada masa pilihan raya bukan sekadar mewakili satu, melebihi satu majoriti dalam pilihan raya.

Seterusnya lagi tentang perancangan polisi pembangunan insan. Saya berdasarkan kepada pengalaman sebelum ini di mana zaman saya menjadi pelajar, walaupun kita menjadi pelajar kita dilibatkan oleh semua kementerian dalam masa membincangkan tentang polisi-polisi kerajaan. Saya tanya perkara ini dengan mahasiswa sekarang mereka memberikan jawapan bahawa mereka tidak dipanggil. Pada zaman saya menjadi *student leader* dulu saya selalu dijemput oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri bersama dengan Ahli Majlis Perwakilan Pelajar yang lain untuk memberikan pandangan selaku belia untuk perancangan negara.

Jadi perkara ini kita lihat sekarang kalau kementerian sebagaimana yang diberitahu oleh senator tadi bahawa tentang keterlibatan belia dalam Kementerian Belia dan Sukan. Saya nampak sekarang seolah-olah ialah mungkin perkara ini kita tidak boleh hendak menilai keaktifan belia berdasarkan kepada akhbar tetapi penonjolan akhbar hari ini seolah-olah kementerian itu adalah kementerian sukan bukan Kementerian Belia dan Sukan sebab kita kena ingat belia hari ini merupakan bakal pemimpin masa hadapan dan kemahiran untuk mentadbir dan memimpin serta membuat polisi bukan datang serta-merta.

Jadi sepatutnya dalam semua kementerian semua agensi sekiranya perlu kepada pandangan belia saya mohon agar kerajaan memberi sedikit peruntukan dan pengiktirafan kepada belia daripada universiti-universiti untuk dipanggil bagi mengetahui kepentingan dan tuntutan semasa oleh belia kerana kita lihat hari ini penonjolan belia hanyalah untuk hiburan. Kita ada *AF*, kita ada *One In A Million*, kita ada *Mentor*. Adakah itu yang kita harapkan untuk menjadi pemimpin masa hadapan dan adakah mereka sahaja yang kita harapkan? Sebab kita

ingat negara adalah satu benda yang kita perlu bentuk dan arkitek pembangunan negara mesti terdiri daripada semua peringkat dan semua bidang bukan hanya hiburan.

Jadi sepatutnya belia-belie kita yang cemerlang contohnya seperti Melati seperti Nor Amalina diberi tempat yang sepatutnya dan ditaja oleh kerajaan untuk menjadi agen ataupun idola kepada masyarakat dan kepada belia supaya kematangan mereka ini dalam memimpin belia boleh dijadikan satu aset untuk kita memperbaiki belia. Contohnya dalam kes ini melibatkan 'Mat Rempit', 'Minah Rempit', 'Minah Kepit' dan sebagainya. Dalam kes ini kita lihat kita mungkin pendekatan yang dibuat oleh orang dewasa sebagaimana kita mungkin...

Tuan Yang di-Pertua: Yang ketiga tadi saya tidak pernah dengar pun.

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: Itu di Kelantan kita cakap 'Minah Kepit' sebab dia berkepit... [Ketawa]

Jadi perkara ini mungkin *approach* yang kita ambil ataupun pendekatan yang kita ambil tidak sesuai dengan jiwa mereka kerana mereka adalah remaja. Kemungkinan orang yang paling sesuai untuk membuat modul bagi membela remaja ataupun memperbaiki remaja adalah remaja di peringkat universiti. Berilah pengiktirafan kepada remaja untuk memperbaiki remaja sebab mereka lebih memahami. Jadi perkara ini sekiranya kita cuba jadi kanak-kanak kita mungkin tidak boleh jadi kanak-kanak ataupun belia. Kita nampak sekarang penekanan diberikan kepada Mat Rempit, hari-hari keluar akhbar mengenai Mat Rempit.

Tetapi bilangan Mat Rempit sebenarnya tidak melebihi bilangan Rakan Corps Remaja. Rakan Corps Remaja yang telah membantu pihak polis sehingga dapat mencari pembunuh, mengesan beberapa kes jenayah, lebih besar bilangannya berbanding dengan Mat Rempit.

Tuan Ismail bin Kasim: Mohon laluan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih atas laluan yang diberikan kepada saya. Saya inginkan penjelasan daripada Yang Berhormat berhubung dengan pernyataan Yang Berhormat menyatakan bahawa hanya beberapa program sahaja yang dibuat oleh kerajaan berhubung dengan pertumbuhan dan perkembangan belia di negara kita. Untuk makluman Yang Berhormat saya sebagai di antara pemimpin belia yang bakal berundurlah sekiranya Akta Belia dibentangkan di Parlimen bermakna kata lebih sedikit daripada 40 ini semua dikehendaki berhenti. Tindakan kerajaan telah pun membuat tindakan susulan daripada pemimpin sebenar belia dan kepada pemimpin pelapis belia sehingga lahirnya program Y2Y dan sebagainya.

Daripada umur 25 tahun ke bawah sudah dibuat program Y2Y untuk membina ciri-ciri kepimpinan di kalangan belia dan untuk menangani semua permasalahan seperti gejala sosial yang Yang Berhormat timbulkan tadi. Bermakna lebih daripada 25 tahun bermakna mereka ini adalah pemimpin kepada pertumbuhan-pertumbuhan belia yang sedia ada.

Jadi saya rasa program ini dibuat terlalu banyak cuma kadang-kadang di luar pengetahuan kita kerana kadang-kadang semasa taklimat yang dibuat oleh pihak kementerian ini penjelasan secara mendalam tidak diberikan kepada kita. Kecuali pemimpin seperti Yang

Berhormat Tuan Wan Nordin yang terlibat dengan MBM dan sebagainya yang tahu bahawa sebenarnya banyak sangat program, usahawan, tani dan lain-lain yang dibuat oleh kerajaan berterusan. Cuma sekarang ini pemimpin seperti kita yang diberi mandat oleh rakyat untuk melestarikan segala polisi ini perlu *update the knowledge*. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Puan Mumtaz binti Md Naw: Sebab itu tadi saya kata benda ini mungkin kita tidak dapat nilai berdasarkan kepada akhbar tetapi perkara yang kita hendak tengok di sini. Kalaulah begini banyak program yang cantik yang telah pun dijalankan oleh kerajaan, sepatutnya promosinya kena sama dengan *AF*, kena sama dengan *Akademi Fantasia* supaya orang sedar bahawa Malaysia ini bukan negara hiburan semata-mata tetapi negara orang-orang yang cerdik. Walaupun berhibur contohnya sebagaimana anak Senator Datuk Yaakob, ada Ph.D Jadi perkara macam ini penonjolan oleh akhbar utama, akhbar perdana tentang aktiviti belia sebenarnya perlu kerana mengikut psikologi, pendekatan, pendedahan, galakan akan memotivasikan belia berbanding dengan cara sekarang yang dibuat oleh akhbar perdana seolah-olah belia tidak memberi apa-apa.

Jadi sepatutnya sekiranya ada rancangan perlu diberi keutamaan berbanding dengan benda lain sebab belia akan menjadi pemimpin masa hadapan. Berilah peluang dan tolong berikan tumpuan seolah-olah kita memang mementingkan belia. Jadi kalau boleh, kalau ada program tonjolkan, kalau perlu kepada penglibatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri kalau boleh hadir supaya belia akan berasa mereka dihargai. Ini perkara yang penting sebab saya rasa ini yang menjanakan saya sehingga boleh datang ke sini pada hari ini. Kerana saya percaya kepada pemimpin yang lalu telah memimpin saya untuk menjadi pemimpin. Jadi perkara ini yang kita hendak tonjolkan dalam masyarakat.

Seterusnya saya juga memohon kepada bajet iaitu tentang pemberian dan penganugerahan biasiswa diperkenalkan semula oleh kerajaan kepada belia-belia yang cemerlang. Kalau boleh banyakkkan biasiswa, kalau di zaman saya belajar dulu, kalau kita pelajar cemerlang kita akan dapat tukar daripada pinjaman kepada biasiswa. Tetapi hari ini kita lihat keluhan-keluhan daripada pelajar, belajar macam mana pandai semua 'A', 'A' depan, 'A' belakang, A+, macam-macam 'A' pun mereka tidak akan dapat biasiswa. Sebagaimana kita boleh memberikan peruntukan-peruntukan lain, mungkin kita boleh peruntukkan mungkin seribu ataupun dua ribu pelajar yang paling cemerlang di Malaysia untuk menerima biasiswa. Perkara ini akan menjadi galakan kepada pelajar-pelajar kerana ini juga merupakan pelaburan jangka panjang kerajaan. Bukannya sekarang kita bebankan atau kita uar-uarkan betapa ramai pelajar yang tidak bayar yuran. Perkara ini bila kita uar-uarkan ramai tidak bayar yuran, kemungkinan reaksi belia makin tak nak bayar.

Jadi kalau kita katakan belia yang pandai, seribu hingga dua ribu akan diberi pelepasan ataupun biasiswa. Perkara ini mungkin dari segi jangka panjang akan mendorong belia untuk

lebih cemerlang. Kembalikanlah hak belia untuk mendapat pendidikan yang cemerlang ini, kalau boleh berikan seribu ataupun dua ribu atau beberapa peruntukan kerajaan untuk memastikan belia-belia kita benar-benar cemerlang. Sebab kita tidak mahu belia ini menerima selalu ajakan yang negatif, kita mahu menerima mereka lebih positif supaya mereka dapat membina Malaysia dengan lebih baik.

Satu lagi tentang dasar belia negara, mungkin sudah ada dasar belia negara tetapi saya rasa di universiti pun kepimpinan pelajar pun tak jelas dasar belia negara. Kalau boleh kita *promote* kan lagi supaya dasar belia negara diterjemahkan dalam semua aktiviti dan program kerajaan supaya belia merasakan mereka terlibat. Penglibatan belia ini akan menguntungkan kerajaan kerana ini merupakan persediaan untuk peralihan kepimpinan negara secara harmoni dan penuh kefahaman. Kaji identiti dan ciri-ciri yang perlu ada kepada belia Malaysia, bagaimana yang kita hendak bentuk kan belia ini dan kurangkanlah undang-undang, saya juga mohon kepada kerajaan untuk mengurangkan undang-undang yang akan membantutkan kreativiti, keberanian dan kekuatan belia supaya lebih banyak inovasi, kerjasama dan kemahiran positif dapat kita pupuk di kalangan belia.

Seterusnya tentang KWSP, saya juga ingin memohon agar pihak kerajaan dapat memberikan opsyen kepada semua kakitangan kerajaan untuk memilih *green window*. Jadi saya difahamkan dalam KWSP, pelaburan dibuat oleh kerajaan, maknanya mungkin tidak jelas bagi orang Islam sama ada ini betul-betul halal ataupun tidak. Sebabnya dari segi KWSP dijadikan pusaka, jadi kalau kita boleh memberikan satu opsyen kalau yang betul-betul hendak *particular* ini mungkin kita bagikan ini yang betul-betul dia boleh gunakan untuk pusaka ataupun macam mana. Sebagaimana kita boleh beri pilihan sebab KWSP merupakan satu akta yang wajib yang mesti dipatuhi oleh semua pekerja. Jadi berilah peluang kepada pelabur untuk menentukan di mana dan cara apa secara umumnya gaji atau pendapatan mereka itu dilaburkan.

Seterusnya berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Semalam kita berbincang tentang kewujudan feri tambang murah. Jadi kalaulah boleh, kalau feri-feri ini feri di Pulau Pinang, mungkin di Kota Kinabalu. Dan saya juga cadangkan kalau boleh dibuat feri daripada Kelantan *direct* untuk ke Malaysia Timur, mungkin jarak lebih dekat berbanding dengan terpaksa pergi ke pantai barat. Jadi kalau boleh buat feri ini, ada lembaga feri yang akan menguruskan keseluruhan feri ini, mungkin akan menjadi satu alternatif kepada pengangkutan di Malaysia.

Yang seterusnya tentang pengurangan harga kereta

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Mohon laluan. Terima kasih rakan saya Yang Berhormat. Cuma saya ingin tanya adakah Yang Berhormat sedar bahawa feri yang ada di Pangkalan Kubur yang dimiliki oleh JKR itu pun sudah rosak dan tidak dapat digunakan untuk membawa penumpang daripada Pangkalan Kubur ke Tak Bai yang merupakan salah satu daripada laluan destinasi pelancong. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Mungkin perkara ini tidak diketahui ataupun mungkin tidak disedari. Jadi saya minta kalaulah betul feri ini di bawah penyeliaan JKR supaya diberi penekanan untuk dibaikan dengan cepat kerana ini merupakan pengangkutan asas kepada rakyat yang berulang daripada Tak Bai ke Pangkalan Kubur. Jadi perkara ini mungkin perlu diambil perhatian.

Seterusnya lagi tentang keadaan yang berlaku kepada VCD lucah. Di sini saya ingin bawa satu keratan akhbar daripada *Utusan Malaysia* 4 September 2006. Tajuknya "*pemilik premis tayangan filem lucah secara terbuka*".

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes ini dilaporkan kedai ini telah pun diserbu sebanyak 100 kali, 100 kali diserbu oleh pihak berkuasa tempatan kerana cetak rompak. Kali ini dah ke 101 kedai ini diserbu. Ini menunjukkan mungkin kita perlu buat penggubalan ataupun pindaan yang lebih teruk kepada undang-undang VCD kerana sampai 100 kali mereka sanggup bayar. Dan dalam kes ini ditayangkan video-video ini secara terbuka untuk pilihan dan tontonan semasa hendak beli. Jadi menunjukkan bahawa betapa beraninya orang mempromosikan video ini. Ini merupakan perlu kepada pandangan kita, bagaimana kita perlu buat supaya jangan kita gubal undang-undang yang tidak memberikan apa-apa kesan kerana setiap kali penggubalan undang-undang memakan belanja yang banyak.

Seterusnya lagi saya juga ingin memohon untuk dibuat kajian walaupun sudah dekat bertahun mungkin Proton mengalami kerugian. Pengurangan harga kereta kerana kebanyakan kemalangan membabitkan pengguna motosikal. Jadi kalau kita dapat jadi mesra pengguna, mungkin menurunkan lagi harga kereta supaya lebih ramai orang dapat menaiki kereta, mungkin kita akan menyelamatkan banyak nyawa yang tidak ada nilai sebenarnya.

Seterusnya lagi tentang isu bahasa Malaysia di bawah Kementerian KeKKWa. Saya memohon walaupun mungkin sebelum ini banyak sudah usul tentang penggunaan bahasa Malaysia di sekolah. Sebagai orang Melayu, sebagai orang Malaysia saya cukup mengharapkan kajian semula dibuat walaupun banyak kali dah PM beritahu tidak akan dikaji. Kerana melihat kepada impak yang begitu besar tentang masalah penggunaan bahasa kepada budaya dan adat resam. Kerana kita lihat hari ini, walaupun baru beberapa tahun pelaksanaan bahasa Inggeris untuk matematik dan sains ini dilaksanakan, kita lihat kesemua ibu bapa telah pun bersedia untuk menghantar anak mereka ke tuisyen-tuisyen untuk memastikan bahasa Inggeris dapat dikuasai. Ini menjadikan kadang-kadang kanak-kanak yang berusia 5 tahun, kadang-kadang bila cakap bahasa Melayu sekarang, dia tidak faham, dia akan *response in English*. Sedangkan kita memang dari segi kajian bahasa telah dibuat, sekiranya kita hendak mengajar bahasa bukan bahasa ibunda kepada kanak-kanak. Di masa umurnya kecil, dia boleh menguasai lima, enam bahasa, bukan setakat dua bahasa.

Sepatutnya diberi keutamaan untuk menguasai bahasa Mandarin dan bahasa Tamil, berbanding dengan bahasa Inggeris. Sebab hari ini kita yang berada di Dewan ini dididik dengan

bahasa Melayu tapi kita masih lagi juga boleh berhujah, tak perlu kita hanya menggunakan bahasa Inggeris, sebagai satu alat sahaja. Tetapi bahasa Malaysia merupakan alat untuk kita menjaga maruah diri, budaya kita, identiti kita. Sekarang kita lihat bagaimana tadi diberitahu akan ada penggabungan *Utusan Malaysia, Berita Harian*. Dan dalam akhbar baru-baru ini, saya tidak ingat berapa hari bulan, diberitahu bahawa “...*Sekarang telah terdapat pengurangan penjualan akhbar bahasa Malaysia dengan ketara*”. Jadi penjualan akhbar menjadi kurang kerana masalah mungkin orang lebih menekankan bahasa Inggeris. Jadi kita pohon bahasa Melayu yang satu masa dulu pernah dijadikan bahasa *lingua franca*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat, saya akan mohon laluan.

USUL

WAKTU URUSAN MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan dan diluluskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Tahun 2006. Dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 11 Disember 2006.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato’ Dr. S. Vijayaratnam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Majlis Mesyuarat bersambung semula

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh sambung.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Saya cuma ada satu ayat lagi. Oleh yang demikian kerana kesedaran kita tentang pentingnya budaya, identiti Malaysia saya memohon agar kita boleh mempertimbangkan bahawa penggunaan bahasa Malaysia yang merupakan bahasa *lingua franca* pada zaman Melaka dikembalikan kepada negara kita supaya kita boleh gunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa akademik. Dengan demikian, saya menyokong.

Datuk Jins Shamsudin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat hendak cakap lagi? Yang Berhormat ingin mengambil masa berapa lama agak? Yang Berhormat boleh cakap lima jam tetapi kita semua balik pukul 12.00 lah. Jangan nanti orang lain pula cakap, Yang Berhormat pula balik. Yang Berhormat perlu berapa lama tadi?

Datuk Jins Shamsudin: 10 hingga 15 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri izinkan?

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

5.13 ptg.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut terpanggil untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2006. Hanya ada beberapa perkara sahaja yang saya hendak timbulkan. Yang pertama ialah B.4 mengenai Suruhanjaya Pilihan Raya. Dan kita selalu apabila tiba pilihan raya kita menghadapi berbagai-bagai masalah dari segi poster, dari segi saiz poster. Kadang-kadang poster yang telah ditentukan sekian saiznya tetapi telah dibuat begitu besar hingga melindungi poster-poster orang lain. Dan ini barangkali harus diambil kira kerana ia boleh mengganggu kelancaran pilihan raya itu.

Begitu juga dari segi isi kandungan di dalam poster-poster yang dipamerkan itu, kadang-kadang amat menyentuh soal peribadi sesuatu parti atau seseorang yang harus juga saya kira diambil kira oleh Suruhanjaya Pilihan Raya supaya melarang di dalam peraturannya tidak menggunakan bahasa-bahasa yang boleh menghina dan bahasa-bahasa yang boleh mencemarkan nama baik peribadi seseorang pemimpin atau calon yang bertanding. Jadi saya harap sangatlah kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dapat memerhatikan perkara ini kerana setiap kali berlaku juga kerana peruntukan-peruntukan yang ada di dalam peraturan itu tidak dipatuhi oleh mereka yang terlibat.

Perkara kedua yang saya hendak sentuh ialah berhubung dengan B.13 iaitu Kementerian Luar Negeri. Dan selalunya apabila kita pergi kepada kedutaan-kedutaan di luar negara, jarang terdapat kita punya bahan atau risalah-risalah filem yang disebar luaskan di sana kerana itu dapat kita mempamerkan filem-filem yang dibuat dalam negara ini di luar negara supaya dapat kita menarik pelancong-pelancong mengenali Malaysia. Kerana kita mempunyai lebih kurang 30 buah filem setiap tahun yang kita terbitkan tidak pernah diedarkan melalui kedutaan-kedutaan kita di sana sekurang-kurangnya untuk memperkenalkannya.

Dan itu juga harus saya merasakan bahawa perlu Kementerian Luar Negeri dan kedutaan kita memberikan ruang untuk mempamerkan filem-filem kita di luar negara melalui kedutaan yang ada bagi tujuan untuk kita menarik pelancong mengenali Malaysia melalui filem-filem yang kita buat.

Dan perkara yang ketiga saya hendak sentuh ialah Perkara 28, Kementerian Pengangkutan. Tujuan kita membina sebuah jalan iaitu Jalan MRR2 yang dahulunya dipanggil

lingkaran tengah dua dan ditukar nama menjadi *Middle Ring Road 2*, dibina untuk meringankan kelancaran perjalanan di bandar-bandar.

Tetapi apa yang terjadi hari ini di MMR2, hari ini setiap hari saya selalu melalui jalan itu sekurang-kurangnya tiga atau empat kilometer beratur sehingga empat kilometer setiap pagi dan petang waktu pejabat kerana ianya terganggu oleh satu persimpangan di Jalan Pandan Indah. Kerana pembikinannya tidak diatur dari tiga lorong menjadi dua lorong dan di situ beraturlah setiap hari hingga kadang-kadang melebihi empat kilometer. Dan ini harus dilihat semula oleh Kementerian Pengangkutan bahawa tujuan asalnya untuk melancarkan perjalanannya tetapi sebaliknya sudah berlaku demikian.

Dan juga mencadangkan supaya Kementerian Pengangkutan mengadakan satu sistem kalau ada satu kemalangan di jalan raya itu gunakan satu sistem helikopter, khidmat helikopter yang mana ia boleh pergi ke sana angkat dia keluar supaya kelancaran jalan itu berlaku. Ada satu kali seorang teman saya hendak pergi ke lapangan terbang antarabangsa melalui jalan itu tiga jam, kapal terbang berangkat sudah. Kebetulan hendak ke luar negeri pula kerana ada sebuah kereta *accident* dengan izin, pelanggaran di situ dan tidak dapat diubah kerana kereta-kereta lain bertumpu sehingga lebih daripada lapan kilometer daripada Ulu Klang sampailah kepada tempat itu dan ini berlaku. Dan kalau ini dapat kita lihat bahawa tujuannya ialah untuk melancarkan perjalanan kalau ada sistem helikopter seperti berlaku di luar negara apabila ada sahaja pelanggaran mereka akan pergi memantau dan kemudian mengangkat dan mengalihkan kereta itu maka kereta-kereta lain dapat melicinkan perjalanan.

Dan perkara keempat saya hendak sebut di sini ialah berhubung dengan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi yang juga diberi peruntukan tambahan. Dan masih terdapat filem-filem iklan yang ditayangkan di stesen-stesen televisyen ataupun dipanggung-panggung wayang yang tidak menggunakan *certificate* MIM dengan izin, *Malaysian made certificate*. Jadi kerana itu mereka bebas. Filem-filem yang dibawa masuk dari luar negara khususnya filem-filem iklan tidak mengambil *certificate made in Malaysia* yang dikendalikan oleh FINAS dan mereka melangkaui dan ditayangkan di sistem televisyen. Dan kementerian yang mempunyai kuasa ini ialah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi mereka adalah orang yang menerbitkan lesen kepada stesen-stesen televisyen. Dan ini haruslah dipantau kerana kerajaan telah rugi dari segi *income* untuk mengenakan caj kepada *certificate* yang kita keluarkan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional. Dan kita harap perkara ini dapat dilaksanakan oleh kementerian dan begitu juga filem-filem yang ditayangkan di pawagam-pawagam tidak ada *made in Malaysia certificate* kebanyakannya.

Jadi ini juga merugikan kita dan bukan sahaja dari segi lesennya tetapi juga dari segi tenaga kerja. Mereka telah membuat filem-filem ini di luar negara mereka buat di Hong Kong, di Thailand, di Filipina, di Indonesia dan tidak menggunakan kepakaran yang ada dalam negara ini hingga menyebabkan banyak di antaranya baru-baru ini 200 orang daripada tenaga kerja kreatif

telah dibuang kerja kerana tidak ada kerja. Sebab mereka kekurangan kerja baru sahaja dibuang kerja 200 orang.

Saya harap juga Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dapat melihat perkara ini supaya dia tidak melibatkan itu. Untuk melindungi industri tempatan, setiap filem yang ditayangkan di televisyen dan juga di panggung wayang hendaklah mempamerkan, saya ingin mencadangkan supaya mempamerkan *certificate* dan dia *super imposed* dengan izin, di filem yang ditayangkan, supaya kita tahu, bila kita lihat kita tahu oh filem ini ada *made in Malaysia certificate*. Kalau tidak dia boleh lepas. Kalau tidak ada sahaja dipamerkan semasa menayangkan iklan itu maka kita dapat memantaunya bahawa ini adalah tidak mempunyai *made in Malaysia certificate*.

Seterusnya ialah B.41 Kementerian Pelajaran, memperkasa sekolah kebangsaan. Dan kita selalu dengar di akhbar dan juga perbahasan telah berlaku untuk memperkasa sekolah kebangsaan. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pelajaran, setakat manakah keberkesanannya hari ini, setelah kita kerajaan telah membenarkan sekolah kebangsaan diajar bahasa Mandarin dan bahasa Tamil apakah ada keberkesanannya mereka yang dahulunya tidak masuk ke sekolah kebangsaan masuk ke sekolah kebangsaan dengan adanya kita memberikan kesempatan untuk diajar bahasa Mandarin dan bahasa Tamil. Mungkin Kementerian Pelajaran dapat memberikan penjelasan ini dan bahasa Cina dan bahasa Tamil telah diajar di sekolah kebangsaan tetapi apakah ia berkesan tentang memperkasa sekolah kebangsaan.

Dan seterusnya saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang hari ini banyak di antara masih lagi terdapat nama-nama jalan, nama-nama taman perumahan yang digunakan dalam bahasa Inggeris. Kebanyakannya masih ada lagi walaupun baru-baru ini kita telah dengar Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan di dalam Dewan yang mulia ini kita telah menyarankan supaya nama-nama di Putrajaya ditukar kepada bahasa-bahasa tempatan dan tidak lagi menggunakan "*precinct*" dan sebagainya. Dan ini telah pun disambut oleh Kabinet dan mereka sedang merencanakan untuk menukar nama-nama ini.

Kita juga berharap tidak hanya di Putrajaya tetapi juga di seluruh negara yang baru-baru ini kita pernah membaca di akhbar pernah disarankan oleh seorang Menteri yang baru sahaja telah pergi meninggalkan kita, supaya Pulau Pinang itu dahulunya kita sekarang panggil Georgetown kenapa tidak dicadangkan. Baru ini ada disarankan, diingatkan kita semula seorang Menteri yang baru meninggal baru-baru ini Tan Sri Mohamed Khir Johari. Dia menyarankan dahulu supaya Pulau Pinang itu kita panggil Tanjung. Dahulu memang orang-orang Melayu, orang-orang di Pulau Pinang panggil hendak pi mana? Mai kita pi Tanjung. Tanjung itu Georgetown lah tetapi kita tidak guna Tanjung, kita panggil Georgetown yang entah di mana Mr. George itu sudah hilang, sudah tidak tahu di mana, kita dok panggil lagi George.

Jadi oleh kerana itu saya dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah pun banyak menyarankan beberapa perkara dan juga nama-nama tempat juga dan juga mengangkat tulisan jawi sebagai satu tulisan, *heritage*, tulisan yang berwarisan. Dan saya amat bersetuju dengan pandangan beberapa teman Yang Berhormat tadi bahawa supaya Utusan Melayu itu dikekalkan kerana ia sudah pun menjadi warisan negara kerana Utusan Melayulah yang mula-mula memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Jadi oleh kerana itu kita harus kekalkan walaupun sekarang ini sudah tidak diberi lagi Utusan Melayu telah berubah kepada Utusan Malaysia kerana negara berubah daripada Tanah Melayu kepada Malaysia maka sesuaiilah kita panggil Utusan Malaysia. Tetapi apabila digabungkan saya khuatir satu hari nanti syarikat itu akan dibeli oleh orang asing dan akhirnya apa akan terjadi kepada negara kita dan banyak kita sudah kehilangan. Dahulu kita ada Telekom Malaysia sekarang ini sudah tidak ada sudah tinggal TM sahaja dan banyak lagi perkara yang akan hilang.

Saya juga difahamkan dahulu kita ada Bank Bumiputera dan sekarang sudah digabung Bumiputera Commerce. Dan baru-baru ini sudah hilang lagi dan akhirnya sudah hilang nama-nama yang sepatutnya telah diperjuangkan oleh rakyat pada ketika asalnya di dalam sebuah konvensyen untuk menubuhkan Bank Bumiputera dan sebagainya hari ini telah tidak lagi menjadi *heritage* negara. Adalah penting bagi kita mengekalkan warisan negara kerana itu adalah sesuatu yang tidak boleh kita bertolak ansur. Sebab itulah baru-baru ini apabila kita terjumpa sebuah Kota Melaka itu, maka kerajaan bersetuju untuk pindahkan pembangunan *tower* itu supaya ianya mengekalkan tempat itu sebagai *heritage* supaya kita dapat mengekalkannya dari semasa ke semasa.

Perkara yang seterusnya hendak juga saya sebutkan di dalam masa yang sama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah banyak sebenarnya telah memperjuangkan hal-hal yang bersangkutan dengan *heritage* negara dan itu juga haruslah kita berikan penghargaan kepada kementerian ini. Dan memberikan satu peruntukan yang besar bagi tujuan untuk membina sebuah *heritage* negara yang kita melihat pada hari ini budaya kita dan juga menganjurkan beberapa titian budaya yang pada minggu hadapan akan pergi ke Jakarta untuk menjadikan hubungan titian budaya di antara membangunkan budaya negara ini dengan hubungan budaya dari negara-negara lain. Dan juga mengadakan sesuatu yang terbaik iaitu sesuatu.....

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang kewibawaan Yang Berhormat mula tercabar. Kita ini kadang-kadang janji berkenaan dengan duit boleh pegang, janji nikah kahwin boleh pegang. Banyak orang bila janji berapa had hendak cakap susah hendak pegang. Sebab itu banyak orang sebab itu saya bagi isyarat kewibawaan Yang Berhormat kini mula tercabar.

Datuk Jins Shamsudin: Sudah habis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengingatkan saya dan saya sentiasa melihat ke sana. Terima kasih dan oleh kerana itu saya

ingin menyarankan kepada kerajaan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk memberikan sedikit penghargaan kepada para seniman negara. Seniman-seniman yang saya maksudkan ialah termasuklah pelukis, penyanyi, pemuzik, pemain muzik, penyair, pelakon dan sebagainya. Ini kerana kita ada dalam negara ini berbagai-bagai hari yang kita beri Hari Belia, Hari Sukan, Hari Bapa, Hari Ibu dan berbagai-bagai, minta supaya kementerian menimbangkan supaya ada satu hari yang diumumkan Hari Seniman pada semua seniman negara supaya ada Hari Seniman.

Mereka juga telah banyak memberikan sumbangan kepada negara dan juga kerajaan setiap kali pilihan raya maka seniman-seniman inilah selalunya pergi ke mana-mana untuk kempen pilihan raya dan berbagai-bagai kalau ada keramaian-keramaian menghiburkan pendatang-pendatang dari luar negara maka senimanlah yang dibawa untuk menyanyi dan menghiburkan mereka. Maka saya ingin menyarankan supaya kerajaan mempertimbangkan satu hari diumumkan dalam setahun Hari Seniman.

Maka dengan itu saya dengan rasa sukacita dan terima kasihnya ingin menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengikuti hujah-hujah Yang Berhormat yang saya dapati semuanya amat menarik. Itu yang sebab saya membuat peringatan sebab di hadapan kita hanya masalah Akta Perbekalan Tambahan 2006 yang akan dijawab dan digulung oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan nanti dan telahan saya mungkin dijawab dengan ringkas begitu sahaja.

Jadi sayang seribu kali sayang, hujah-hujah yang bernas terpaksa dijawab dengan begitu ringkas kerana keadaan suasana dan kesuntukan masa. Mengapa tidak simpan hujah itu sampai hari Isnin dan apabila dibentangkan bajet dan Yang Berhormat mempunyai empat hari untuk ketengahkan hujah-hujah yang bernas. Dan dalam saya mengikuti perbahasan sepanjang perbahasan mengenai Akta Perbekalan Tambahan ini saya dikira kalau disampaikan hari Isnin, Selasa, Rabu, Khamis pun serupa jugalah. Mungkin mendapat perhatian yang lebih daripada diketengahkan petang ini juga kerana masalah di hadapan kita hanya Akta Perbekalan Tambahan dan akan dijawab dan digulung dengan cara menjawab dan menggulung Akta Perbekalan Tambahan. Mengapa tidak ketengahkan hujah-hujah bila diadakan perbahasan dasar mengenai bajet yang akan bermula pada hari Isnin.

Jadi saya serulah supaya simpanlah hujah-hujah yang bernas itu sehingga selepas hari Isnin. Jadi saya pun tak nampak siapa lagi yang bangun. Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab dan menggulung.

5.30 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan

2006 di Dewan yang mulia ini dan telah memberi cadangan, pandangan serta nasihat terhadap beberapa perkara yang dibentangkan dalam rang undang-undang tersebut. Ini termasuklah Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar, Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie, Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawli, Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad, Yang Berhormat Tuan Ismail Kasim dan Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin.

Dalam keadaan masa yang terhad ini, saya cuba merangka satu jawapan yang boleh memenuhi sebahagian besar daripada soalan-soalan, nasihat, cadangan dan pandangan yang dibangkitkan. Pada masa yang sama, dengan mengambil kira bahawa terdapat juga perkara-perkara yang dibangkitkan di sini juga melibatkan isu-isu berkaitan dengan kementerian-kementerian yang berlainan. Seperti nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua, yang mana Ahli-Ahli Yang Berhormat masih mempunyai peluang yang banyak dalam perbahasan mengenai Belanjawan 2007 yang akan dibentangkan pada minggu hadapan selama empat hari dalam Dewan yang mulia ini. Jadi saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat memahami sekiranya saya tidak dapat menjawab soalan-soalan ini dengan penuh dan yang menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, memang keselamatan di negara kita penting. Bukan sahaja penting kepada rakyat kita sendiri, tetapi juga penting kepada kita sebagai sebuah negara pelancong. Pada masa sekarang, *revenue* dari pelancong adalah yang kedua terbesar untuk negara kita. Pada tahun 2005, sejumlah 20 juta orang datang ke Malaysia dan jumlah wang asing yang dibawa masuk adalah RM44.5 juta. Jadi memang Yang Berhormat mencadangkan agar kerajaan dapat meningkatkan bilangan anggota pasukan polis. Sejak tahun 2005 hingga 2006, kerajaan telah meluluskan tambahan anggota seramai 16,948 orang di pelbagai peringkat iaitu tambahan seramai 2,584 anggota pada tahun 2005 dan tambahan seramai 14,364 anggota pada tahun 2006.

Kerajaan memang menyedari keperluan untuk meningkatkan bilangan anggota dalam perkhidmatan polis dan tindakan-tindakan sedang diambil untuk memenuhi keperluan tersebut. Dari segi keperluan untuk meningkatkan kemudahan dan kelengkapan PDRM, kerajaan sedang berusaha untuk menyediakan keperluan tersebut termasuk 2,000 unit kereta peronda yang telah dibekalkan baru-baru ini dan juga pembinaan kuarters untuk anggota polis di beberapa tempat. Isu berkaitan dengan pelancongan dan pendedaran kad jempunan. Saya yakin kad jempunan adalah merupakan maklumat secara kursus kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat mengenai penganjuran sesuatu acara pelancongan di negara ini dan juga harap bersama-sama hadir.

Penganjuran acara-acara ini seperti GIFA dan *mega sales*, juga melibatkan ejen-ejen pelancongan dan media-media asing melalui lawatan suai kenal atau *mega familiarization trip* ke Malaysia. Diharap mereka boleh balik kepada negara kita dan memberikan promosi kepada kita dengan percuma. Tadi Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi pun berbangkit perkara

berkaitan dengan naikkan taraf pendidikan. Terdapat empat langkah yang akan diambil dengan secepat mungkin untuk menaikkan taraf universiti-universiti.

Pertama ialah akan membentangkan Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2006 di Parlimen pada tahun hadapan. Kementerian Pengajian Tinggi akan menubuhkan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi untuk meningkatkan mutu pentadbiran universiti, penubuhan universiti-universiti penyelidikan yang bertujuan untuk meningkatkan R&D tempatan dan bercadang untuk melaksanakan sistem KPI untuk setiap pegawai utama universiti. Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi pun berbangkit promosi pendidikan kepada pelajar luar negara. Pada masa sekarang, sedekad, KPT telah membuka pejabat promosi di empat buah negara iaitu Vietnam, Indonesia, China dan Arab.

Kerajaan juga menyediakan biasiswa kepada pelajar luar negara melalui program *Malaysia Technical Corporation Program, Commonwealth and Fellowship Program* dan *Malaysia International Scholarship*. Pada tahun 2006 sahaja, kerajaan telah membelanjakan RM3 juta untuk tujuan ini. Dari segi pinjaman kepada belia dan pelajar IPT yang dibangkit oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Naw, kerajaan telah memperuntukkan pinjaman penuh kepada semua pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti yang memohon pinjaman tanpa mengambil kira syarat pendapatan. Sehingga Oktober 2006, seramai 18,699 pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti telah diberikan pinjaman berjumlah RM76.9 juta.

Kerajaan juga begitu prihatin akan keperluan kewangan pelajar-pelajar yang menuntut sama ada di dalam atau di luar negara. Biasiswa dan pinjaman diberikan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dan berkelayakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, MARA dan Yayasan Tunku Abdul Rahman, terdapat juga biasiswa yang ditawarkan oleh agensi swasta dan badan berkanun seperti Petronas, Telekom, Tenaga Nasional, KWSP dan lain-lain lagi. Saya memang terkejut masa Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Naw berdiri minta soalan ini. Terkejut saya. Takkan Yang Berhormat tidak tahu?

Di negara kita pinjaman kepada pelajar IPT begitu banyak dan begitu senang. Mana ada negara di seluruh dunia ini dapat 10A1, tak kisah berapa ribu pendapatan ibu bapa, terus bagi pinjaman. Terkejut saya Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Naw. Saya ingat dia tak baca...

Puan Mumtaz binti Md Naw: Minta laluan.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: ...Saya ingat, dia tak bacalah surat khabar untuk ini. Lain kali jangan bangkit soalan ini. Sakit hati saya sebagai Timbalan Menteri Kewangan.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Minta laluan.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Sudah habis masa sebab saya ada dua minit sahaja bagi semua Ahli Yang Berhormat yang tanya.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kerajaan juga telah menubuhkan PTPTN bertujuan untuk memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan.

Baru-baru ini, Kementerian Pengajian Tinggi telah menawarkan biasiswa dalam Skim Latihan Tenaga Pengajar atau SLTP, kepada 280 orang pelajar tahun pertama universiti tempatan untuk dilantik sebagai tenaga pengajar di Politeknik dan Kolej Komuniti setelah tamat pengajian.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau seseorang *graduate* tak bayar pinjamannya, apa susahnya jika kita lapor di surat khabar? Kita hendak belia kita dan kita hendak pemimpin di hadapan kita ada satu perasaan bertanggungjawab. Duit ini bukan dari duit siapa, duit ini datang dari duit semua rakyat yang bayar cukai. Duit ini tidak kita *print* dari *factory* atau kilang. Jikalau *graduate* kita tidak ada bertanggungjawab untuk bayar pinjaman itu, macam mana kita boleh bagi manfaat kepada pelajar-pelajar yang akan datang? Ini satu nilai murni yang kita mesti berikan kepada belia-belie kita. Pada perkara ini, saya rasa sangat tegaslah. Siapa juga *graduate* dari universiti jadi *Bachelor of Art*, *Bachelor of Science*, MBBS dan lain-lain, takkan tak bayar balik hutang?

Jikalau tidak mengikut berita surat khabar, apa lagi? Jika kita bagi surat mohon jawapan, berapa kali dan berapa tahun pun tak jawab. Ini saya harap Yang Berhormat, masa kita bangkit perkara ini, kita mesti berani cakap dan beritahu belia kita mesti bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga membangkitkan penyalahgunaan visa pelajar oleh pelajar asing untuk bekerja di Malaysia. Memang ini adalah satu perkara yang kerajaan kaji dengan sedalam-dalamnya. Kerajaan memang menyedari akan situasi ini dan telah mengambil langkah-langkah yang serius untuk menangani masalah ini. Kementerian Pengajian Tinggi memberi kerjasama kepada Jabatan Imigresen untuk memperketat syarat-syarat kemasukan ke IPT. Namun demikian, hal ini merupakan satu isu yang terpencil dan tidak begitu diketengahkan. Namun demikian, hal ini kita akan kaji dengan sebaiknya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pegawai saya memberikan saya jawapan, kata hal ini tidak berleluasa, saya sendiri ingat ini memang luas. Kementerian Pengajian Tinggi, imigresen dan polis mesti ambil prihatin perkara ini. *Sorry* lah siapa pegawai yang menjawab ini. Tuan Yang di-Pertua, daripada Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie, definisi Taska Komuniti. Taska Komuniti adalah suatu asuhan yang diuruskan oleh pertubuhan atau organisasi yang dilantik dan diiktiraf oleh kerajaan yang menerima bantuan kerajaan atau sesuatu kerajaan negeri, yang menerima masuk 10 orang atau lebih kanak-kanak berumur empat tahun ke bawah dengan upah.

Syarat-syarat kemasukan Taska Komuniti, adalah keluarga berpendapatan rendah di bandar, pendapatan keluarga yang kurang daripada RM2000 sebulan dan untuk luar bandar pendapatan keluarga yang kurang daripada RM1200. Bilangan Taska Komuniti di Malaysia sekarang adalah 10 projek perintis bagi tahun 2006 sudah ada. Saya tidak akan bagi semua nama sebab begitu panjang. Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie pun bangkit peruntukan untuk setiap kanak-kanak. Setiap kanak-kanak yang diterima masuk di dalam Taska Komuniti menerima subsidi kerajaan sebanyak RM180 sebulan bagi setiap kanak-kanak.

Peruntukan khas bagi kanak-kanak ibu tunggal sama juga. Kita tidak ada memberikan selain atau lebih untuk ibu tunggal sebab ibu tunggal sudah dapat peruntukan khas di bawah peruntukkan kepada ibu tunggal iaitu untuk bantuan untuk ibu tunggal adalah untuk kanak-kanak mereka RM100 bagi seorang sebulan dan RM450 maksimum bagi suatu keluarga. Pada tahun 2005, sebanyak 20,400 kes melibatkan anak-anak ibu tunggal dengan peruntukan berjumlah RM22.8 juta.

Mengenai perkara KEMAS yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, KEMAS sedang mengambil tindakan bagi menambah dan mengisi tenaga pengajar bagi tahun 2007 untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar di kelas-kelas masakan ini. KEMAS akan mengambil kira keperluan kekosongan tenaga pengajar masakan bagi pengambilan tahun 2007 berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan.

Dan juga Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bangkitkan mengenai isu pemantauan terhadap projek-projek jalan-jalan kampung. Kerajaan sedang memantapkan usaha pemantauan dengan menempatkan pegawai-pegawai setiap negeri. Mesyuarat pemantauan juga diadakan secara berkala di peringkat kementerian. Selain daripada itu bagi membantu pembangunan fizikal serta penyelarasan pembangunan luar bandar, juruteknik-juruteknik telah ditempatkan di pejabat daerah secara berperingkat-peringkat.

Di samping itu, kementerian juga mendapatkan kerjasama dengan pihak agensi pelaksana pejabat daerah, agensi-agensi kementerian di negeri dan juga daripada pihak kerajaan negeri sendiri untuk memaklumkan laporan kedudukan pembangunan fizikal yang sedang dan telah dilaksanakan oleh kementerian.

Kita juga meminta kerjasama daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat menolong kita membuat pemantauan dan juga ketua-ketua kampung. Sebab masa kontraktor membina jalan itu hari-hari ketua kampung nampak, tiap-tiap minggu, patut Yang Berhormat balik tengok. Jadi boleh tengoklah berapa banyak pasir diguna, berapa lori patut diguna. Tidak akan sudah siap, lepas tiga bulan banjir datang habis jalan itu seperti di kawasan saya. Kita kerajaan pun susah hati, tetapi dif-dif kita ini tidak boleh turun padang buat pemantauan.

Kita haraplah Yang Berhormat-Yang Berhormat memberikan pemantauan itu dan boleh terus lapor kepada pegawai DO dan JKR atau terus melaporkan kepada ICU di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, imej seks dan hiburan, isu ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz. Buat masa ini pengeluaran permit untuk penubuhan SPA adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun satu cadangan untuk menubuhkan Persatuan SPA telah dikemukakan untuk didaftarkan dengan tujuan untuk memantau aktiviti-aktiviti pemilik SPA seperti apa Yang Berhormat bangkit dari segi jenis *treatment* yang ditawarkan dan penggunaan ubat-ubatan di SPA tersebut.

Walaupun dia tidak memasukkan isu-isu pekerja di SPA yang lain daripada SPA, kita boleh cadangkan kepada Kementerian Pelancongan sebab ini di bawah Kementerian Pelancongan dan juga Kementerian Kesihatan. Satu pasukan bertugas pembangunan industri SPA di Malaysia juga telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh KSU Kementerian Pelancongan dengan dianggotai oleh agensi kerajaan seperti Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Kesihatan, *Tourism Malaysia*, MITI, JAWI, KKDN, PDRM, DBKL, Persatuan Hotel Malaysia dan lain-lain.

Jadi Yang Berhormat Puan Mumtaz saya ingat jangan susah hatilah tetapi boleh bangkit lagi jikalau lepas enam bulan ada masalah lagi. Tuan Yang di-Pertua, iklan-iklan televisyen tanpa *stickers made in* Malaysia disiarkan dan tidak dikawal di stesen televisyen hanya diberi kepada yang menggunakan permohonan sahaja. Iklan-iklan yang tidak terkawal, or berikuit syarikat-syarikat pengiklanan berunding terus dengan stesen televisyen, dan *licence made in* Malaysia hanya diberi kepada yang kemukakan permohonan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga Yang Berhormat Puan Mumtaz membangkitkan KWSP, melaburkan *green window*. Untuk makluman Yang Berhormat Puan Mumtaz, KWSP dan semua GLC *company* ada satu dasar iaitu mereka tidak boleh labur ke mana-mana saham yang tidak halal, seperti mereka tidak boleh melabur di dalam syarikat menjual arak, *Carlsberg* tidak boleh, *Guinness Stout* tidak boleh, *Genting* tidak boleh, dan lain-lain. Ini memang syarat yang sangat tertentu kepada GLC dan juga termasuk KWSP.

Yang Berhormat Puan Mumtaz membangkitkan mengenai perkhidmatan feri tambang murah dan cadangan mengadakan Lembaga Feri di Malaysia.

Pada masa ini, kita tidak ada sesuatu peruntukan untuk mengadakan perkhidmatan tambang feri di Malaysia. Untuk makluman semua perkhidmatan feri di Malaysia diadakan atau disediakan oleh syarikat-syarikat swasta. Tuan Yang di-Pertua, jadi saya di sini hendak menamatkan jawapan saya sebab empat hari yang depan memang Ahli-Ahli Yang Berhormat ada peluang untuk membangkit semula perkara-perkara yang saya tidak jawab dengan teliti.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengambil kesempatan merakam ucapan tahniah kepada Ahli-ahli Dewan yang baru dilantik. Saya percaya pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki oleh Yang Berhormat akan dapat dikongsi untuk manfaat di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini yang telah menyokong rang undang-undang dan juga membentangkan perkara ini. Saya harap Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh menerima jawapan saya yang ringkas petang ini, tetapi jawapan saya dengan penuh keikhlasan dan mohon maaf jika rasa garang sedikit semasa bangkit *scholarship*. Teguran yang penuh prihatin serta apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat akan diambil kira oleh semua pegawai yang ada di Dewan ini baik daripada Kementerian Kewangan atau mahupun kementerian lain.

Tuan Yang di-Pertua saya yakin dengan kerjasama antara Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dengan kerajaan dengan pegawai kita semua dengan satu hati satu semangat tidak kisah dari mana komponen parti, kita dapat satu visi boleh memberikan perkhidmatan yang bermutu yang cemerlang, yang gemilang dan terbilang. Harap satu hari kita boleh dapat mutu yang lebih tinggi lagi dan berkhidmat kepada rakyat kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan kali Yang Ketiga

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2006 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dipersetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayarajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Dewan sehingga jam 10.00 hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.56 petang.